



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 35

Khamis

12 November 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman 22)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2021	(Halaman 22)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Khamis, 12 November 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum* semua, selamat sejahtera dan selamat pagi. Sebelum kita mula pada hari ini, saya ada sedikit makluman mengenai ujian COVID-19. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mendapat permohonan daripada ramai juga di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat agar pegawai-pegawai pengiring Ahli-ahli Yang Berhormat turut membuat ujian COVID-19 menggunakan kaedah RT-PCR di Parlimen Malaysia.

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pentadbiran Parlimen Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bersetuju menyediakan kemudahan saringan ujian COVID-19 kepada pegawai-pegawai pengiring Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Serbaguna Parlimen Malaysia pada hari ini, jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Untuk tujuan ini, hanya seramai tiga orang pegawai pengiring setiap Ahli-ahli Yang Berhormat dibenarkan membuat ujian COVID-19 tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencadangkan pada masa-masa akan datang, panjangkan cuti sedikit untuk Deepavali. Sudah dua tahun saya tengok setiap kali cuti ini tidak diambil berat. Setiap kali kita ada Parlimen, kita terpaksa balik kampung dan juga kawasan kita. Akan tetapi, saya tengok cuti hari Sabtu, hari Isnin kita kena datang ke Parlimen semula. So, di masa-masa akan datang tolong buat kajian sedikit. Tengok cuti panjang sedikit, semua Ahli Parlimen hendak balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, Baling sedikit. Saya hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan khususnya kepada pihak KKM yang begitu prihatin seawal pagi tadi menanti kehadiran kami untuk melaksanakan COVID-19 *test*. Terima kasih kepada pihak KKM dan semua *frontliners*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Pujian itu kepada pihak KKM sebenarnya. Silakan Tuan Setiausaha.

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat waktu pertanyaan Menteri sebagaimana yang kita maklum adalah dihadkan selama lima minit. Setiap pertanyaan oleh Yang Berhormat diperuntukkan selama satu minit dan jawapan akan diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan dan akan dimuat naik di Portal Parlimen pada hari yang sama. Silakan soalan yang pertama Yang Berhormat Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria.

1. Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi menghapuskan stigma terhadap bekas pesakit COVID-19 serta apakah impak jangka masa panjang stigma ini kepada emosi individu yang terkait?

[Jawapan Menteri diberi secara bertulis dan dimuat naik ke Portal Parlimen Malaysia]

2. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan apakah punca kepada banjir kilat yang melanda Daerah Seremban pada awal pagi 4 November 2020 dengan lebih seribu buah rumah telah ditenggelami air. Apakah perancangan dan tindakan yang bakal dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) agar musibah ini tidak berulang lagi?

[Jawapan Menteri diberi secara bertulis dan dimuat naik ke Portal Parlimen Malaysia]

3. Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah dan nilai bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), projek Bekalan Elektrik Luar bandar (BELB) dan projek jalan luar bandar dan perhubungan desa di Sabah bagi tahun 2020, status projek dan peratusan peruntukan yang telah digunakan setakat ini.

[Jawapan Menteri diberi secara bertulis dan dimuat naik ke Portal Parlimen Malaysia]

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Azidah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun untuk soalan yang pertama.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hajah Azidah Binti Mohd Dun [Beaufort]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah status kedudukan Sabah berkaitan isu tuntutan negara Filipina terhadap Sabah.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort atas soalan yang dikemukakan.

Saya juga ingin memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan Yang Berhormat Beaufort ini, bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Tuanan bertarikh 18 November 2020, Yang Berhormat Libaran bertarikh 30 November 2020 dan Yang Berhormat Putatan bertarikh 9 Disember 2020, kerana pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh isu yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kamarudin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Dewan yang mulia ini, pada 27 Ogos 2020 dan 7 September 2020 yang lalu, di Kamar Khas dan juga di Dewan Negara, saya telah memberikan penjelasan konsisten terhadap isu ini yang amat berkait rapat dengan kepentingan utama negara kita, Malaysia.

■1010

Selain itu pada 29 Ogos 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan bahawa Malaysia tidak akan berkompromi terhadap apa sahaja isu yang melibatkan kedaulatan negeri Sabah dan akan mempertahankan Sabah sehinggalah ke titisan darah yang terakhir. Jadi, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sejak perkara ini dibahaskan pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga yang lepas di Kamar Khas dan di Dewan Negara, masih tidak ada apa-apa perubahan terhadap perkara ini.

Kerajaan Malaysia telah lama menegaskan pendirian kita mengenai isu tuntutan Sabah secara jelas dan konsisten. Malaysia tidak akan sekali-kali sampai bila-bila masa

melayan atau mengiktiraf sebarang bentuk tuntutan oleh mana-mana pihak asing ke atas negeri Sabah. Isu tuntutan ke atas Sabah oleh Filipina bukan sahaja tidak berasas malah tidak relevan. Sabah adalah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia berdasarkan keputusan Suruhanjaya Cobbold yang berlaku pada tahun 1962, di mana rakyat Sabah telah melaksanakan hak menentukan sendiri atau dengan izin *self-determination* status negeri mereka untuk berada di dalam Persekutuan Malaysia.

Laporan Suruhanjaya Cobbold telah dikemukakan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 1 Ogos 1962 dan mengesahkan bahawa lebih daripada dua pertiga rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia pada tahun 1963. Oleh yang demikian, pada 14 September 1963, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melaporkan kepada Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu bahawa rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia. Maka pada September 1963, Sabah dengan rasminya telah menyertai Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kenyataan berhubung isu tuntutan ke atas Sabah timbul, Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan segera bagi menolak kenyataan-kenyataan tersebut. Sama ada kementerian mengemukakan nota bantahan, mengeluarkan kenyataan media ataupun memanggil Duta Besar Filipina ke kementerian. Tindakan-tindakan sedemikian adalah bertujuan untuk menegaskan pendirian Malaysia dan statusnya sebagai negeri dalam negara Malaysia.

Kerajaan Malaysia amat prihatin dan memandang serius akan tindakan-tindakan untuk cuba membangkitkan isu ini sekali lagi dan tidak akan berganjak dari mempertahankan kedudukan Sabah dari mana-mana pihak yang cuba mencemar kedaulatan itu. Negeri Sabah adalah merupakan sebahagian dari Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada soalan tambahan? Silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih dan penghargaan atas pendirian tegas oleh Kerajaan Malaysia terhadap tuntutan ini. Akan tetapi oleh sebab isu tuntutan negara Filipina terhadap negeri Sabah telah berlarutan dan sekian lama dan timbul tenggelam dari semasa ke semasa. Oleh sebab itu, saya dan dikatakan tadi mempunyai tidak asas daripada segi undang-undang dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan masa kini untuk memastikan tidak ada lagi mana-mana negara terutamanya negara Filipina yang akan menimbulkan tuntutan ke atas negeri Sabah yang merupakan wilayah dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Beaufort. Saya juga sealiran dengan

pandangan Yang Berhormat yang perkara ini sudah lama berlanjutan dari tahun 1963 sehingga sekarang, sudah 57 tahun. Di masa 57 tahun ini, boleh dikatakan seluruh rakyat Malaysia di Sabah kekal sokong untuk berada dalam negara Malaysia.

Jadi, apakah tindakan-tindakan yang boleh kita lakukan setakat dalam negara kita, *alhamdulillah* Kerajaan Perikatan Nasional telah mengambil tindakan-tindakan iaitulah pertamanya telah memastikan percubaan yang serius dan rancangan yang serius untuk kita melaksanakan sepenuhnya Perjanjian Malaysia 1963 yang berkaitan dengan Sabah dan Sarawak.

Kedua, dalam belanjawan baru-baru ini Ahli Parlimen kita Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah pun mengumumkan belanjawan yang terbesar dalam sejarah. Bukan sahaja untuk negara tetapi khusus untuk negeri Sabah dan Sarawak kita. Jadi, inilah tindakan-tindakan yang kita harapkan memastikan rakyat kita di Sabah menyokong sepenuhnya keberadaan mereka dalam negara Malaysia ini dan akan menangkis mana-mana percubaan oleh mana-mana negara untuk cuba mengambil Sabah kepada negara yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada soalan dengan ini juga. Jadi, boleh saya...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh satu soalan sahaja tambahan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya cuma benarkan satu soalan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad untuk soalan yang...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, bila dia jawab tadi, saya pun di antara yang telah menghantar soalan yang sama. Jadi, bolehkah saya membuat soalan tambahan? Oleh sebab, saya pun menghantar soalan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi Yang Berhormat menjawab tiga soalan sekali. Jadi...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tiga sekali. Akan tetapi saya ada soalan tambahan. Saya ada di sini. Kenapa tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Kita *stick* dengan satu soalan.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, saya ada soalan. Saya ada soalan tambahan. Saya pun ada menghantar soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh buat soalan bertulis dan dijawab secara bertulis. Ya. Maaf, kita tidak ada masa.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya ada soalan. Soalan tambahan. Soalan tambahan. Saya ada soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak ada masa dah.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga hantar soalan tambahan tetapi saya ikut peraturan Dewan. Sudah jawab tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan boleh dibuat secara bertulislah. Saya persilakan Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad untuk soalan yang seterusnya.

2. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah pelan khusus dan strategi Kementerian Kesihatan dalam menyediakan pelan vaksinasi kepada rakyat Malaysia apabila vaksin COVID-19 diperolehi supaya imuniti kawanan dapat mencapai sekurang-kurangnya 85 peratus seperti yang disyorkan oleh WHO.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Tuan Yang di-Pertua, vaksin merupakan salah satu langkah pencegahan untuk membendung penularan virus COVID-19 dan pada masa ini, usaha ke arah menghasilkan vaksin COVID-19 sedang giat dijalankan oleh pelbagai pihak di peringkat global.

Proses pembangunan dan penghasilan vaksin merupakan satu proses yang rumit dan lazimnya mengambil masa yang lama sehingga 15 tahun dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan, keberkesanan dan kualiti vaksin yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan pandemik COVID-19 ini, para saintis sedang berusaha untuk menghasilkan vaksin dalam tempoh yang amat singkat dan menyasarkan vaksin tersebut boleh diguna pakai menjelang tahun 2021.

Berdasarkan pemantauan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga 3 November 2020, sebanyak 155 jenis vaksin masih lagi di peringkat ujian *pre-clinical* dan 47 lagi di peringkat klinikal. *Total* 202. Daripada 47 jenis vaksin yang sedang di peringkat klinikal, 10 daripadanya sedang berada di ujian klinikal fasa ketiga. Walau bagaimanapun, belum ada lagi vaksin yang telah melepasi peringkat ujian klinikal fasa ketiga dan bersedia untuk didaftarkan bagi kegunaan orang ramai. Pada masa ini, pihak Kementerian Kesihatan sedang meneliti calon-calon vaksin yang sedang dibangunkan dengan berhati-hati agar vaksin yang akan digunakan di negara kita ini nanti adalah

benar-benar mematuhi dasar Program Imunisasi Kebangsaan iaitu berdasarkan tiga perkara iaitu keberkesanan, keselamatan dan kualiti vaksin.

Oleh itu, penilaian vaksin dari sesi libat urus dengan pengeluar vaksin telah dimulakan sejak bulan Jun 2020. Pada masa ini, tiada lagi vaksin yang telah melepasi ujian klinikal yang boleh dipertimbangkan untuk didaftarkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, KKM telah pun mempunyai pelan vaksinasi COVID-19 yang khusus pada rakyat dan bersedia untuk melaksanakannya apabila vaksin yang berkualiti, berkesan dan selamat telah sedia untuk digunakan. KKM menjangkakan bahawa permintaan global vaksin COVID-19 yang tinggi nanti akan memberi sedikit kesan kepada bekalan vaksin pada negara kita.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan program vaksinasi COVID-19 nanti akan dilaksanakan secara berperingkat dengan mengutamakan kumpulan berisiko tinggi yang mendapat jangkitan seperti anggota di barisan hadapan yang terlibat dalam kawalan COVID-19 secara langsung, kumpulan yang perlu dilindungi termasuk warga emas dan pesakit, pesakit dengan *COVID-19 mobility* dan sebagainya. Seterusnya, akan diperluaskan kepada rakyat lain sehingga imuniti dicapai seperti yang disarankan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Kuala Selangor.

■1020

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang diberikan tadi.

Ringkasnya, kita semua sedia maklum akan vaksin yang diperlukan sebagai penyelesaian muktamad. Namun, saya perhatikan dalam membangunkan vaksin ini, Malaysia tidak langsung terlibat. Dalam 172 buah *countries*, negara-negara yang terlibat dalam COVAX itu, inisiatif antarabangsa WHO itu, Malaysia tidak terlibat. Kalau tidak pada vaksin WHO itu, ada vaksin-vaksin lain yang sedang dibangunkan yang juga diterima sebagai antara sepuluh vaksin yang sedang dalam fasa ketiga, termasuklah vaksin Sinovac daripada negara China.

Saya perhatikan negara-negara yang terlibat seperti Brazil, Indonesia, Turki, Filipina, mereka mengambil inisiatif untuk bersama keterlibatan itu dan tidak hanya menunggu untuk membuat penilaian keselamatan atau pun kualiti dan keberkesanan (*efficacy*), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dahulu saya sikit mempertikaikan akan ketidaksungguhan kita untuk terlibat dalam *clinical trial* (ujian klinikal) ini yang sekali gus akan menjamin— kita tahu permintaan, saingan itu sangat sengit. Akan tetapi, dengan tidak keterlibatan itu, ia tidak menjamin apa-apa kecuali untuk kita menunggu dengan penilaian-penilaian yang kita

buat. Saya rasa agak kecewa dan menzahirkan kekecewaan ini kerana ini adalah pandangan-pandangan golongan *fraternity medical* di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat? Apa soalnya?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Mengapa kita tidak terlibat dalam *clinical trial*, pembinaan vaksin?

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Kenapa? Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Pertanyaan tambahan Yang Berhormat sebenarnya telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri MOSTI pada 4 November yang lepas iaitu Malaysia bukanlah negara yang tercorot dalam mengatasi kebolehdapatan vaksin di dunia. Kita telah pun mengadakan rundingan sejak bulan Jun 2020 yang lalu seperti yang saya sebutkan tadi.

Kita juga telah bersetuju untuk menyertai COVAX *facility* yang disertai oleh banyak negara, yang disebutkan oleh Yang Berhormat COVAX *facility*, dengan menggunakan berapa kaedah supaya kebolehdapatan, akses vaksin yang terjamin, selamat dan berkesan kita peroleh. Begitu juga kita telah pun menjalankan beberapa aktiviti bilateral *engagement* dengan beberapa *candidate* vaksin dari negara China, vaksin Sinopharm, vaksin Sinovac, vaksin CanSino dan juga dari Turki serta daripada AstraZeneca.

Maknanya, kita telah pun cuba sedaya upaya tetapi seperti yang saya maklumkan, mereka belum lagi melepasi fasa klinikal ketiga yang perlu sangat untuk kita perhatikan. Ini ialah merupakan ciri keselamatan. Kita tetap akan cuba dengan sedaya upaya supaya, mengikut pelan imunisasi kebangsaan yang telah kita rangka, seawal tahun 2021, *insya-Allah*, kita akan dapat vaksin yang pertama sekiranya mereka semua melepasi fasa klinikal ketiga dan didaftarkan di negara mereka. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri tetapi kita mahukan ketelusan dan komunikasi kepada rakyat. KKM seharusnya lebih mendepani daripada MOSTI. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tak nak berbahas semasa soalan untuk jawab lisan, Yang Berhormat.

3. Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan apakah usaha dan hala tuju kementerian bagi program-program pembangunan infrastruktur pertanian dan saluran pertanian di Sarawak. Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada negeri Sarawak bagi RMKe-11 yang berakhir pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, MAFI telah menetapkan hala tuju yang jelas dalam sektor pengeluaran makanan negara. Negeri Sarawak sebenarnya mempunyai satu potensi yang amat besar sekali dan boleh menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan negara. Ia sangat signifikan dengan penubuhan empat IADA pada ketika ini yang baharu yang memfokuskan kepada tanaman padi termasuk IADA Batang Lupar, Sarawak. Bagi memastikan hala tuju itu tercapai, MAFI telah meletakkan komitmen dan usaha yang tinggi dalam merancang, membina dan menaik taraf kemudahan infrastruktur pertanian di seluruh negara, termasuk di negeri Sarawak.

MAFI melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian telah menjalankan beberapa program di bawah pembangunan infrastruktur pertanian di negeri Sarawak melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Sehingga kini, jumlah peruntukan pembangunan yang telah disalurkan di negeri Sarawak di bawah RMKe-11 yang berakhir pada tahun ini adalah sebanyak RM330,904,000 di mana pengagihan peruntukan ini adalah berdasarkan daripada *rolling plan* selama lima tahun iaitu *Rolling Plan 1/2016* hingga *Rolling Plan 2020*.

Selain itu, MAFI juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM6.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 ke beberapa agensi pelaksana seperti Jabatan Pengairan dan Saliran negeri Sarawak dan kepada semua IADA di negeri Sarawak bagi tujuan untuk melaksanakan kerja-kerja melaksanakan infrastruktur-infrastruktur pertanian yang sedia ada dan jalan pertanian di seluruh negeri Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Betong.

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Apakah perancangan kementerian bagi menaik taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur pertanian dan projek pengairan dan saliran yang telah, yang sedang dan yang akan dilaksanakan, khususnya di kawasan pembangunan pertanian bersepadu di Kalaka, Saribas dan kawasan yang lain dalam Parlimen Betong sepanjang RMKe-11 dan RMKe-12 nanti? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita telah menubuhkan satu agensi untuk memantau tentang pembangunan infrastruktur pertanian dan juga di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu atau *Integrated Agricultural Development Area (IADA)*.

Yang Berhormat sebutkan tadi tentang Kalaka, Saribas. Ia adalah satu dari kawasan yang konsep IADA telah menumpukan pemusatan segala usaha perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pertanian bagi satu kawasan yang sedia ada di situ.

Dengan adanya agensi ini, ia dapat merencanakan lagi pembangunan dan perkembangan potensi pertanian di kawasan tersebut.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Bahagian Pengairan dan Saliran telah memperuntukkan sebanyak RM45 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan telah memohon satu peruntukan sebanyak RM17 juta pada RMKe-12, namun ia bergantung kepada kelulusan.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan ini juga adalah merangkumi di antaranya adalah projek infrastruktur dan juga projek saliran pertanian. Pertamanya, seperti Yang Berhormat sebut tadi tentang projek infrastruktur, kita ada buat pembinaan kuarters kelas 'F' serta kerja-kerja berkaitan di IADA Kalaka, Saribas, Betong, Sarawak sebanyak RM5 juta yang pada ketika ini dalam pelaksanaan iaitu sebanyak 25 peratus. Keduanya, kita ada buat pembinaan satu unit bangunan pejabat dua tingkat dan juga infrastruktur kerja-kerja yang berkaitan di Depot Alit, IADA Kalaka, Saribas yang juga berjumlah sebanyak RM5 juta dalam peringkat pembinaan sebanyak 27 peratus.

Seterusnya, Yang Berhormat sebut tadi tentang projek pengairan. Untuk makluman Yang Berhormat, pertamanya, kita akan memulakan kerja-kerja baharu untuk pemodenan pintu air skim saliran Kabong, Nyabor di IADA Kalaka, Saribas, Betong yang berjumlah sebanyak RM5 juta. Keduanya, untuk membina dan menaik taraf infrastruktur saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim-skim IADA Kalaka, Saribas, Betong yang berjumlah sebanyak RM20 juta. Projek ini belum dapat dilaksanakan lagi dan *insya-Allah*, ia akan bermula pada bulan hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

4. Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] Minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa jumlah majikan yang dikenal pasti membuat tuntutan palsu bagi Program Subsidi Upah dan berapa nilai dalam Ringgit Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan berkenaan dengan jumlah majikan yang perlu dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat 30 Oktober 2020, PERKESO telah menerima 331,950 permohonan majikan yang melibatkan 2.7 juta orang pekerja. Sebanyak RM11.9 bilion telah dimanfaatkan oleh para majikan melalui Program Subsidi Upah (PSU). Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) sehingga 30 Oktober 2020, PERKESO telah menerima sebanyak 345 kes aduan terhadap majikan mengenai bayaran di bawah Program Subsidi Upah yang melibatkan jumlah sebanyak RM19,986,200.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bayaran kepada majikan yang terlibat dalam tuntutan palsu ini, pihak KSM melalui PERKESO akan menggantung buat sementara waktu sehingga siasatan ke atas aduan-aduan tersebut selesai.

Dalam menangani masalah tuntutan palsu ini, PERKESO bekerjasama dengan bahagian perundangan iaitu Kementerian Sumber Manusia bagi mengenal pasti tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas majikan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti mana kenyataan akhbar saya dua minggu yang lepas. Pihak kerajaan melalui KSM tidak akan bertolak ansur dengan tuntutan-tuntutan palsu yang dibuat oleh para majikan ini.

Dalam perkembangan yang sama, daripada aduan yang diterima sebanyak 155 kes tuntutan palsu dan salah guna Program Subsidi Upah (PSU) ini telah dikenal pasti oleh PERKESO untuk tindakan menuntut kembali bayaran daripada majikan-majikan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah keseluruhan aduan terdapat sebanyak 190 aduan ataupun kes masih dalam proses siasatan dan mendapat maklumat lanjut daripada pengadu yang membuat aduan. Apabila berlaku aduan, jika majikan didapati melakukan tuntutan palsu ataupun penipuan, majikan berkenaan boleh didakwa di bawah seksyen 415 dan seksyen 471 Kanun Keseksaan atau *Penal Code*.

PERKESO juga telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan beberapa kes masih dalam tindakan siasatan. Jadi, PERKESO akan meneruskan lagi perkongsian maklumat dengan SPRM dan melengkapkan agar siasatan dapat dimulakan ke atas majikan-majikan yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Program Subsidi Upah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bersetuju bahawa tindakan tegas yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO kepada penipuan ini, kepada penipuan tuntutan di bawah program PSU ini.

Cuma saya hendak sebut di sini bahawa saya juga melihat bahawa tuntutan palsu itu dibuat menggambarkan juga kita harus terima bahawa ia menggambarkan bahawa syarikat itu bermasalah. Syarikat sekarang ini kesan daripada COVID-19 ini memang banyak syarikat bermasalah. Bertepatan dengan apa yang disebut pada 9 November baru-baru ini oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan bahawa 32,469 buah syarikat SME telah pun ditutup daripada Mac sehingga September baru-baru ini.

Ini bermakna bahawa kalau 30,469 buah syarikat dipuratakan, 50 orang pekerja, bermakna bahawa 1,623,450 orang telah kehilangan pekerjaan. Kalau 20 orang bermakna 649,380 orang pekerja telah hilang pekerjaan. Jadi bagaimana program PSU

ini dapat memastikan supaya pengekalan pekerjaan itu dapat dibuat, memastikan supaya majikan-majikan ini mengekalkan. Adakah kerajaan bersedia untuk meningkatkan lagi bayaran PSU itu melebihi— sekarang ini baru 25 peratus daripada gaji penengah berbanding dengan Singapura 75 peratus daripada gaji penengah.

Jadi, kalau Belanjawan 2021 ini RM600 sahaja iaitu RM600 bermakna 25 peratus daripada gaji penengah. Adakah kita bersedia untuk menaikkan semula kepada sekurang-kurangnya RM1,200? Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena yang juga bekas mentor saya dahulu. *Alhamdulillah* dengan perkara yang dibangkitkan, ya lah kita bandingkan dengan Singapura, Singapura penduduk dia sahaja pun 5 juta, Malaysia pekerja sahaja 7.1 juta yang terlibat. Jadi perbandingan ini biarlah epal dengan epal, kita jangan banding epal dengan oren.

Akan tetapi daripada segi pelaksanaan oleh Kerajaan Malaysia dengan kita melaksanakan program-program yang disebut tadi, nanti saya akan sebut satu-satu, memang kita sedang mengatasi masalah yang dihadapi oleh majikan. Majikan memang seluruh dunia bukan setakat di Malaysia sahaja, apabila pandemik COVID-19 menyerang tanpa ada isyarat awal kepada setiap negara dalam dunia ini, jadi Malaysia juga terlibat secara langsung. Jadi, apabila perkara ini berlaku, kita telah melancarkan program-program terhadap majikan dan juga pekerja atau *employer, employee* yang dilaksanakan melalui seperti mana *Employment Retention Programme* (ERP) sehingga 30 Oktober 2020.

Jadi, selain daripada itu Program Subsidi Upah. Ini semua untuk membantu majikan-majikan. Disebutkan tadi majikan tentu ada masalah tetapi kita tidak mahu dalam pandemik COVID-19 ini, majikan mengambil kesempatan di dalam kita semua menghadapi satu serangan yang tidak nampak, musuh yang tidak nampak. Jadi dalam masalah ini, kita membantu juga majikan, kita membantu juga pekerja dengan program seperti Program Subsidi Upah 2.0, PENJANA dan PRIHATIN.

Jadi kita tidak mahu mana-mana pihak mengambil kesempatan di kala kerajaan dan juga rakyat sedang menghadapi satu serangan daripada musuh yang tidak nampak. Sekian, terima kasih.

5. Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan trend kes-kes penipuan menerusi panggilan atau *scammer* serta usaha serta kejayaan kerajaan membendung kegiatan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kota Samarahan, jawapannya adalah begini. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan enam soalan lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan

penipuan atau *telecommunication fraud* oleh Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Parit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memandang serius berhubung kes-kes yang melibatkan jenayah penipuan atas talian yang meliputi pelbagai kategori seperti penipuan melalui telefon dan internet, *love scams* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pinjaman tidak wujud atau *Macau Scam*.

Kemajuan teknologi masa ini sedikit sebanyak membuka ruang kepada penipuan menerusi panggilan atau *scammer* ini. Namun perlu diingat *scammer* bukan sahaja melakukan penipuan secara panggilan tetapi turut menggunakan kaedah lain menerusi kemudahan atas talian seperti menerusi e-mel palsu atau akaun media sosial. Namun begitu, ada juga penipuan yang menggunakan kedua-dua cara tersebut di mana lazimnya bermula melalui usaha memerangkap mangsa secara atas talian dan kemudiannya dihubungi melalui panggilan telefon.

PDRM melalui Jabatan Siasatan Jenayah (JSJK) sentiasa memantau trend terkini penipuan menerusi panggilan atas talian. Contoh modus operandi penipuan secara panggilan atau *telecommunication fraud* adalah seperti tawaran memenangi cabutan bertuah atau *spoofing* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Spoofing* merupakan perbuatan menjadikan panggilan dari sumber yang tidak dikenali seolah-olah dibuat dari sumber yang dipercayai seperti dari anggota penguat kuasa, pegawai perundangan atau pegawai perbankan.

■1040

Manakala, trend penipuan atas talian meliputi *phishing*, *lottery scam*, *forman scam*, penyamaran profil akaun media sosial, tawaran pendidikan atau barangan yang tidak wujud dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penguat kuasa undang-undang, pihak PDRM mengambil inisiatif dengan memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan penipuan atas talian melalui kempen-kempen kesedaran. PDRM juga sering menjalinkan kerjasama dengan lain-lain agensi dan NGO agar trend jenayah dapat dihebahkan dan masyarakat sentiasa dapat maklumat atau *alert* terhadap kepada modus operandi penjenayah yang terkini.

PDRM juga telah membangunkan satu aplikasi dan portal lawan web. Ia boleh dicapai melalui pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>. Portal dan aplikasi ini memberikan kemudahan untuk orang awam membuat semakan ke atas akaun bank dan nombor telefon yang pernah terlibat dengan siasatan pihak polis. Mana-mana akaun bank yang digunakan sebagai akaun ketiga (*mule account*) dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang digunakan oleh suspek bagi tujuan penipuan akan disekat penggunaannya oleh pihak bank. PDRM sememangnya sentiasa bekerjasama dengan

pelbagai pihak termasuklah dengan SKMM untuk membanteras jenayah penipuan atas talian termasuk *Macao Scam*.

Selain SKMM, agensi lain yang turut memberikan kerjasama adalah pihak Bank Negara Malaysia, syarikat-syarikat telekomunikasi dan institusi bank-bank. Selain itu, pada Mac 2019, sebuah Jawatankuasa Teknikal Jenayah Siber yang terdiri daripada PDRM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga telah ditubuhkan bagi membanteras jenayah penipuan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Puan Rubiah.

Puan Rubiah Binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih atas jawapan tadi. Syabas dan tahniah khususnya kepada pihak PDRM dan juga SPRM yang dapat menumpaskan sindiket *Macao scam* baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya percaya sindiket-sindiket penipuan yang lain masih menjalankan modus operandinya seperti log *scam* dan seumpamanya.

Soalan tambahan saya, sedangkan golongan profesional dan pegawai bank boleh terjerat dengan penipuan ini, apatah lagi warga-warga emas yang tinggal di kawasan luar bandar. Untuk itu, saya ingin hendak tahu ataupun mendapat penjelasan, apakah inisiatif pihak kementerian dan juga peranan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial dalam memastikan kesedaran di peringkat masyarakat khususnya masyarakat luar bandar mengenai jenayah penipuan sebegini dapat dipertingkatkan? Misalnya menerusi program *community policing*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Jonathan bin Yasin: Yang Berhormat Kota Samarahan. Sememangnya pihak polis sentiasa mengambil tindakan atau menghebahkan perkara-perkara yang mana melibatkan dengan kepentingan awam terutamanya tentang bagaimana penipuan-penipuan dilakukan dan bagaimana pihak polis dan Kementerian Dalam Negeri memberikan sebaran melalui media sosial yang ada dan juga dengan *engagement* dengan pihak masyarakat di kampung-kampung dan juga di dalam daerah-daerah dari semasa ke semasa.

Kita berharap bahawa banyak lagi usaha-usaha akan dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memberikan kesedaran kepada penduduk di luar bandar supaya mereka mempunyai pengetahuan yang cukup tentang bagaimana modus operandi penipuan ini dilakukan. Ini supaya dapat mengelakkan daripada orang-orang kampung itu terjebak dalam penipuan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Nurul Izzah untuk soalan yang seterusnya.

6. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) status pindaan Akta Kerja 1955, termasuk pindaan melarang diskriminasi terhadap pekerja, memanjangkan tempoh cuti materniti, melarang pemberhentian kerja atas sebab kehamilan, memperkenalkan waktu kerja fleksi, dan mewujudkan cuti paterniti tujuh hari; dan
- (b) adakah pemohon pekerja akan dilindungi akta ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Akta Kerja 1955 berkenaan dengan diskriminasi terhadap pekerja, tempoh cuti materniti, melarang pemberhentian kerja atas sebab kehamilan, memperkenalkan fleksibel ataupun fleksi kerja dan mewujudkan paterniti. Perjuangan untuk orang laki-laki juga ini. Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam peringkat akhir meminda Akta Kerja 1955 dengan mewujudkan beberapa peruntukan baharu termasuk larangan diskriminasi terhadap pekerja, peningkatan tempoh cuti bersalin, larangan pemberhentian kerja atas sebab kehamilan, waktu kerja fleksibel atau pun waktu kerja fleksi dan juga cuti kepada orang lelaki untuk paterniti bagi mengambil alih tugas-tugas isteri yang bersalin.

KSN sedang tindakan memperhalus cadangan pindaan ke atas akta ini dengan Jabatan Peguam Negara ataupun AGC. Selain daripada itu KSN telah pun mengadakan sesi libat urus (*engagement*) dengan izin, dengan menyeluruh bagi pihak yang berkepentingan termasuklah secara atas talian bagi mendapatkan pelbagai pandangan untuk diadaptasi dalam peruntukan sedia ada.

Sebuah Jawatankuasa Teknikal bagi pindaan Akta Kerja 1955 turut ditubuhkan di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan telah pun mengadakan mesyuarat untuk meneliti dan memperincikan cadangan pindaan ke atas akta ini. Dalam perhatian untuk Yang Berhormat, perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang— ini ada dua soalan di sini. Adakah pemohon, pekerja akan dilindungi akta ini? Jawapannya tidak. Cuma, *elaboration*nya pencari kerja ataupun *job seekers* tidak dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 kerana akta ini hanya meliputi pekerja yang telah memasuki atau menjalin hubungan pekerjaan (*employment relationship*) dengan izin dengan seorang majikan dan satu hubungan pekerjaan secara *contract of service* telah diwujudkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Nurul Izzah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Walaupun saya mengharap mungkin diambil kira ya permohonan pekerja bagi masa depan. Soalan susulan saya, memandangkan kita dalam zaman pasca COVID-19 sekarang, ada perkiraan yang melibatkan pekerja gig. Pekerja gig ini dilihat sebagai pekerja barisan hadapan ya setiap kali berkhidmat untuk menghantar barangan dan makanan. Persoalan saya, sehingga Julai tahun ini, hanya 7 peratus sahaja daripada sasaran seramai 400,000 pekerja gig yang berdaftar dengan PERKESO kerana sifatnya *volunteer basis*.

Adakah kerajaan akan mengambil kira pelaksanaan Skim Perlindungan Sosial secara automatik bagi mereka yang berumur 16 tahun ke atas untuk melindungi setiap pekerja secara automatik daripada segi kesihatan, daripada segi kemalangan di tempat kerja dan juga manfaat bagi anggota keluarga yang lainnya. Ini kerana, pekerja gig terlalu kecil jumlahnya yang berdaftar secara sukarelawan. Mohon jawapan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. *Alhamdulillah*, saya bersetuju dengan dibangkitkan terutamanya berkenaan dengan pekerja gig ini. Kesan baik tindakan kerajaan berkenaan pekerja gig ini ataupun gig ekonomi ini, kita tengok sebelum ini kita melihat kepada berlakunya banyak perkara seperti ragut dan sebagainya dan juga rempit. Apabila kita melaksanakan, pihak kerajaan telah melaksanakan satu *food grab* dan *food grab car* ini kita sudah melihat kesan daripada tindakan gig ekonomi ini, premis yang disediakan oleh kerajaan ini menyebabkan kita tengok laporan-laporan dan juga peratusan ragut sudah menurun.

Bermakna, kerajaan perlu berfikir menyediakan premis untuk mereka menjalankan kerja-kerja bagi mendapatkan pendapatan bagi mereka meneruskan kehidupan mereka. Yang inilah yang kita sedang fikir, kita tengok dalam semakan ke atas sebelas peraturan di bawah Akta 265 telah dilaksanakan pada 18 sehingga 20 Februari 2020 yang mana bersama dengan pegawai-pegawai tenaga kerja dan pekerja-pekerja yang mahir, telah kita bincang.

Ini termasuk juga kita bertemu dengan mereka-mereka yang terlibat dalam gig ekonomi untuk kita mengatasi masalah sosial seperti kita mencarum mereka daripada segi keselamatan apabila mereka terlibat dalam kerja-kerja yang seperti *food grab* yang ini terdedah kepada kemalangan dan sebagainya. Kita telah bincang termasuk terma dan syarat pekerjaan, perkhidmatan domestik.

■1050

Di sana juga ada pengendalian dan aduan gangguan seksual iaitu cadangan penggubalan peraturan berhubung perkara yang dibangkitkan. Syarat penggajian kerja malam, aturan kerja fleksibel dan juga larangan diskriminasi.

Jadi, kita sedang memberi fokus untuk kita mengatasi mereka yang kita rasa *essential service* dengan izin, dalam bidang gig ekonomi ini. Saya ingat itu yang kita beri perhatian. Terima kasih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Tuan Yang di-Pertua, Kubang Pasu. Penting saya ingat hendak *follow-up*. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan saja. Maaf.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, maaf. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman untuk soalan seterusnya.

7. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan apakah pemberian bantuan baja diberikan kepada pesawah adalah secara sama formulasi dan kuantiti mengikut keluasan usaha pesawah? Adakah kementerian berhasrat untuk memperkenalkan pemberian baja mengikut spesifikasi berdasarkan tahap kesuburan tanah?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sik, sebenarnya pemberian bantuan baja yang sedia kepada pesawah di bawah Program Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada tiga formulasi pukal mengikut keperluan tanah di zon-zon:

- (i) Semenanjung;
- (ii) Kelantan dan Terengganu; dan
- (iii) Sabah dan Sarawak.

Pada masa yang sama, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Pertanian Malaysia sedang melaksanakan satu program dipanggil dengan izin, *Site-Specific Nutrient Management (SSNM)* atau dikenali *soil profiling* iaitu pembajaan yang diformulasi mengikut kadar keperluan sebenar tanaman padi dan profil kesuburan tanah secara lokasi spesifik.

Program ini adalah merupakan antara fokus utama pembaharuan kementerian memandangkan sebanyak 40 peratus faktor pengeluaran tanaman padi adalah berkisar kepada pengurusan nutrien ataupun pembajaan.

Seterusnya, sebagai permulaan, projek rintis SSNM ini ataupun *soil profiling* dalam bahasa mudahnya adalah satu bentuk kajian bagi mengenal pasti tentang kandungan pH ataupun asid dan alkali tanah dan untuk mengetahui apakah bentuk pembajaan dan untuk kesuburan.

Jadi, untuk projek rintis ini, kita buat selama dua musim bermula pada musim pertama tahun 2021 di beberapa kawasan di bawah PPK di Pulau Pinang yang berkeluasan sebanyak 2,000 hektar. Ianya akan melibatkan sebanyak empat formulasi baharu bagi setiap empat daerah dan empat peringkat aplikasi pembajaan mengikut kadar pertumbuhan padi.

Seterusnya, pembajaan melalui SSNM ini dijangka akan dilaksanakan di seluruh negara dan ianya mampu mengoptimumkan penggunaan input pertanian serta meningkatkan hasil tanaman padi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya meneliti jawapan yang diberikan dan saya ingin bertanya berkaitan keadaan dan situasi yang ada hari ini di luar sana di bawah projek industri penanaman padi kita.

Apabila petani-petani telah pun mencuba varieti yang sangat baik yang dihasilkan termasuk MR297, MS303 dan UKMRC-2 tetapi mereka masih gagal menghasilkan pengeluaran padi yang sepatutnya. Begitu juga petani dan nampaknya sebahagian tidak mengetahui formulasi baja yang sebenar ketika mereka menanam.

Jadi, soalan saya sejauh manakah profil tanah (*soil profiling*) ini akan dapat meningkatkan hasil padi mereka? Adakah ia dapat mengurangkan kos input pertanian itu sendiri serta juga saya ingin bertanya untuk melihat adakah pihak kementerian bercadang untuk membuat program *soil profiling* ini di Wilayah Jelapang Padi di Kedah, di MADA termasuk juga di KADA sepertimana yang telah dibuat di kawasan IADA di Pulau Pinang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sik. Untuk makluman Yang Berhormat Sik, sebenarnya kajian *soil profiling* ini akan berkeupayaan untuk meningkatkan hasil padi sebanyak yang kita anggar, sebanyak satu tan untuk setiap satu hektar.

Akan tetapi, walau bagaimanapun kita perlu ingat bahawa sebenarnya pengurusan baja sahaja adalah merupakan sebanyak 40 peratus dari faktor yang menyumbang kepada pengeluaran padi. Faktor-faktor yang lain ini banyak. Pertamanya tentang penentuan kesesuaian tanah. Keduanya tentang pengurusan air, pengurusan tanah dan lain-lain lagi.

Jadi, tentang soalan Yang Berhormat, untuk pengurangan, adakah dengan menjalankan *soil profiling* ini boleh mengurangkan kos penanaman? Memang Yang Berhormat. Memang cukup tetapi sekali dan sebenarnya kos input pertanian akan dijangka terus menurun kerana penggunaan formulasi ini, yang baru dilaksanakan ini adalah sebagai *precision farming*.

Seterusnya Yang Berhormat tanya tadi tentang adakah ia akan dilaksanakan pada kawasan-kawasan lain? Sebenarnya pelaksanaan program *soil profiling* ini adalah merupakan program di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sejak tahun 2016 di semua kawasan. Di MADA, KADA, KETARA, Seberang Perak, Kerian, Kota Belud dan beberapa kawasan yang lain.

Jadi, susulan daripada *soil profiling* ini, projek rintis pelaksanaan pengesyoran pembajaan di Jelapang Padi, Pulau Pinang akan diadakan di Pulau Pinang pada musim pertama tahun 2021 sebelum ia dilaksanakan ke seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan seterusnya saya mempersilakan Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz.

[Soalan No. 8 - YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi (Lahad Datu) tidak hadir]

9. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan rancangan bagi mencegah masalah penagihan semula (*relapse prevention*) dalam kalangan bekas penagih dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bachok jawapannya adalah seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan sentiasa komited dalam melaksanakan program-program pendidikan pencegahan dan rawatan pemulihan dadah bagi membendung masalah *relapse* iaitu penagihan semula melalui tindakan-tindakan seperti berikut.

Pertama ia melalui kolaborasi jabatan kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti dalam melaksanakan program-program pemulihan penyalahgunaan dadah termasuk program psikososial, kerohanian, kelompok sokong bantu, program keluarga, program kejuruan, latihan kemahiran kami seru atau *outreach, home visit* sukan dan riadah.

Program pemulihan yang dilaksanakan melalui kolaborasi ini turut memberi fokus kepada pencegahan *relapse* melalui tujuh tahap penilaian perancangan pencegahan *relapse* yang wajib untuk diikuti oleh setiap penagih dadah seperti berikut.

- (i) melalui penyeliaan *relapse* iaitu suatu proses menilai isu, masalah dan faktor-faktor penagihan semula;

- (ii) pendidikan *relapse* dengan memberikan pengetahuan mengenai penagihan semula dan kepulihan;
- (iii) mengenal pasti tanda-tanda amaran;
- (iv) pengurusan tanda-tanda amaran;
- (v) perancangan pengurusan *relapse*;
- (vi) latihan kemahiran serta simulasi; dan
- (vii) penambahbaikan perancangan.

AADK juga melaksanakan pelbagai program pemulihan terhadap banduan yang dibebaskan setelah selesai menjalani hukuman di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1992 yang diperintahkan oleh mahkamah menurut peruntukan seksyen 38(b) akta yang sama untuk menjalani program pengawasan pegawai pemulihan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Program pengawasan ini tidak memencilkan bekas banduan tetapi membolehkan mereka mengekalkan kepulihan dan mengamalkan gaya hidup yang berkualiti. Dalam hal ini, AADK menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di dalam komuniti yang boleh diperoleh di Pejabat AADK Daerah dan Pusat Integrasi Klien (PIK) dengan Program *Buyer Psychosocial* serta melaksanakan latihan kerjaya dan peluang penempatan pekerjaan yang bersesuaian khususnya di luar kawasan asal bekas penagih bagi membendung masalah penagihan semula atau *relapse*.

■1100

Seterusnya untuk mempergiatkan pelaksanaan kempen-kempen kesedaran kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam institusi keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti. Kesemua komponen ini memainkan peranan penting sebagai kelompok sokong bantu yang dapat membantu proses integrasi dan menghapuskan stigma negatif masyarakat terhadap golongan penagih.

AADK juga menjalankan Program Omnipresence di bawah inisiatif bersepadu menangani masalah penyalahgunaan dadah, subtan dan pelencongan sosial di 12 kawasan berisiko tinggi yang membabitkan penyertaan sembilan kementerian, 15 buah agensi, pelbagai NGO, pemimpin masyarakat dan komuniti setempat. Perondaan yang kerap daripada pihak berkuasa dan komuniti setempat di kawasan berisiko dapat membendung penggunaan sarang penagih lama supaya tidak digunakan semula oleh penagih-penagih. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Negara kita banyak kerugian dengan penagihan semula ini.

Secara asasnya terdapat pelbagai kajian akademik yang boleh kita ambil sebagai panduan dalam kita meneliti isu penagihan *relapse* ini. Kebanyakan kajian meletakkan faktor interpersonal seseorang penagih dengan hubungan masyarakat

sekeliling yang telah mendorong mereka berasa lemah semangat untuk berubah. Saya kira ini juga aspek yang diambil berat oleh pihak PDRM sendiri.

Soalan saya, apakah kementerian mempunyai rancangan yang baharu dan lebih segar bagi mengurangkan stigma masyarakat dan tekanan sosial terhadap bekas penagih dadah supaya mereka dapat berubah melalui sokongan besar oleh masyarakat. Maksud saya tumpuan kepada pendidikan kepada masyarakat itu sendiri. Mohon penjelasan, terima kasih.

Tuan Jonathan bin Yasin: Terima kasih pada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Bachok. Sebenarnya *engagement* ataupun penglibatan daripada masyarakat untuk membuat supaya bekas penagih ini tidak lagi kembali menjadi pengguna dadah, banyak program-program yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Antara program-program kesedaran yang dilakukan supaya tidak berlaku semula penagihan ini ialah dengan program-program kesedaran yang melibatkan di dalam *Family on Alert* dengan izin Tuan Yang di-Pertua atau FOA, juga Program Intelek Asuhan Rohani (Kem Pintar) begitu juga di dalam *Tomorrows Leader*, Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS), Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) dan Program Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab (SMART).

Sehingga September 2020, sebanyak 332 program pendidikan pencegahan telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dan sebanyak 133,914 mesej kesedaran awam telah disampaikan kepada umum melalui media penyiaran televisyen dan radio, media cetak, artikel, poster, *pamphlet*, bunting, *banner* dan media baru (media sosial) merupakan lebih berkesan dapat dicapai kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Bahkan ada di kalangan mereka ini yang diberi pendidikan walaupun di dalam semasa mereka menjalani rawatan. Kemudiannya selepas mereka ini keluar daripada pemulihan dan sebagainya, pihak AADK sentiasa memberikan tumpuan supaya satu *monitoring* terus dijalankan supaya mereka ini tidak lagi terlibat dengan kegiatan penagihan dadah.

Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat Bachok atau Ahli-ahli Yang Berhormat atau wakil rakyat mempunyai apa-apa cadangan tambahan untuk memperbaiki lagi, memperkukuhkan lagi supaya kita dapat mengekang penagihan semula ini, cara-cara yang baharu atau kaedah-kaedah baharu kita akan sentiasa alu-alukan cadangan daripada wakil rakyat kita di dalam negara ini.

Pada waktu ini kita hanya ada program-program yang telah pun kita sebutkan sebentar tadi. Walau bagaimanapun kita akan berusaha dengan sebaik mungkin untuk memformulasikan kaedah-kaedah baharu di mana kita dapat mengekang sepenuhnya pada penagihan semula ini. Sekian dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat semua sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan lagi kerana hari ini baru lapan soalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf sudah habis masa.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[11 November 2020]**

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan mesyuarat. Saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(9) di mana...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, sama-sama tidak apa. Sama.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan, selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau pegawai kerajaan.

Saya ingin merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat Bintulu semalam, apabila dia memperlekehkan DG Kesihatan bahawa dia takut mati. Benda ini menimbulkan perbahasan yang sengit semalam tetapi Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan menghormati percakapan Yang Berhormat Bintulu, itu bab sudah selesai.

Akan tetapi saya hendak rujuk kepada *Doctrine of Ministerial Responsibility*. Di mana apabila seorang pegawai kerajaan diperlekehkan oleh Ahli Parlimen atau sesiapa pun adalah menjadi tanggungjawab Menteri Kesihatan untuk mempertahankan anak buahnya, ia adalah *vicarious liability*.

Konsep *vicarious liability* di mana sesiapa pegawai apabila dia kena *attack* atau dia diperlekehkan, maka perlulah pegawai tinggi iaitu Menteri (*Minister*) kena keluar mempertahankan dan sampai sekarang kita belum nampak ada Menteri Kesihatan yang mempertahankan pegawai-pegawainya.

Hal ini kerana saya rasa apakah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jadi apa Yang Berhormat minta saya buat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya mohon supaya Tuan Yang di-Pertua, memberi *ruling* kepada Menteri Kesihatan supaya memohon Yang Berhormat Bintulu tarik balik dan juga minta maaf kerana itu adalah di bawah kuasa Menteri.

Menteri perlu keluar untuk mempertahankan anak buah mereka. Saya harap Tuan Yang di-Pertua memberikan satu *ruling*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya hendak tambah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Selain daripada Peraturan Mesyuarat 36(9).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Hendak rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 99 iaitu supaya perintah ataupun *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua semalam boleh dikaji semula dan meminta bahawa Yang Berhormat Bintulu menarik balik apa yang disebut ke atas Ketua Pengarah Kesihatan dan meminta maaf.

Hal ini kerana adalah sesuatu yang amat menjijikkan sekali untuk seorang pemimpin *frontliner* yang mempertahankan kesihatan dan juga sempadan kita daripada wabak COVID-19 dengan menyatakan, “*Mengapa tidak buat lawatan atau buat rondaan?*”, “*Bila sebenarnya lawatan dan rondaan dibuat...*” dan juga menghina dia menyatakan takut mati kah?

Itu sesuatu yang tidak munasabah dan Ketua Pengarah, Tan Sri Dr. Noor Hisham pun cakap, tidak takut mati ini terpulang kepada Tuhan. Tuhan yang tentukan segala-galanya, ini sesuatu yang amat menghina dan seharusnya dikecam oleh Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Saya harap Yang Berhormat Bintulu boleh minta maaf dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Tarik balik dan minta semua daripada kerajaan untuk mengecam penghinaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Yang dibuat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Setuju, setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya cakap sekarang? Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat semua kerana membangkitkan isu ini. Sebenarnya saya telah membaca *Hansard* pada pagi tadi tentang apa yang berlaku semasa perkara tersebut.

Saya berpendapat bahawa retorika perbahasan itu perlu dikawallah. Perkataan yang digunakan itu agak kasar bagi saya.

■1110

Akan tetapi, saya telah memperhalusi *Hansard* itu dan saya dapati bahawa Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua telah membuat *ruling*. Jadi apabila *ruling* telah dibuat, maka di bawah Peraturan Mesyuarat 43, maka *ruling* itu *final*, muktamad. Maka, saya tidak mempunyai kuasa untuk *revisit ruling* yang telah dibuat kerana...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Akan tetapi itu *ruling* yang bodoh yang jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya cakap tak?

[Dewan riuh]

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Jangan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana kamu boleh cakap Tuan Yang di-Pertua bodoh?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Jangan Tuan Yang di-Pertua bersekongkol.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tarik balik. Tarik balik perkataan bodoh ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tidak tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Kamu cakap Tuan Yang di-Pertua bodoh? Kamu duduk!

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tarik balik perkataan bodoh. Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk!

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk!

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua minta Yang Berhormat Bintulu tarik balik dahulu.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Minta tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk!

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Minta tarik balik "*Tuan Yang di-Pertua bodoh*".

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Minta Yang Berhormat Bintulu tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Satu... [*Mengetuk tukul*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini lagi satu, Tuan Yang di-Pertua. Minta Yang Berhormat Kepong tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Minta tarik balik. Minta Yang Berhormat Kepong tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Dua... [*Mengetuk tukul*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Mana boleh panggil Tuan Yang di-Pertua bodoh.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Minta tarik balik.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ternyata Tuan Yang di-Pertua bersekongkol bersubahat dengan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga... [*Mengetuk tukul*] Kamu keluar.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua yang patut keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Kamu keluar.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Tarik balik. Hina Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ini kurang ajar.

Tuan Yang di-Pertua: Kamu keluar dua hari.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Kamu keluar dua hari. Sekarang. [*Tepuk*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *Steady* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *You too much, you know.*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Siapa yang *too much*? Yang Berhormat Bintulu kah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Kamu diam, sekarang keluar!

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya panggil polis.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Panggillah, panggil.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Gantung dia. Gantung.

Tuan Yang di-Pertua: Saya panggil polis.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Panggillah.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Keluar.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: *Chill*, Tuan Yang di-Pertua, *chill*.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sila panggil polis.

Tuan Yang di-Pertua: Keluar.

Seorang Ahli: Biadab.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sila minta Yang Berhormat Bintulu minta maaf kepada Kementerian Kesihatan, semua *frontliners*.

Tuan Yang di-Pertua: Kamu keluar sekarang.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Keluarlah. Tuan Yang di-Pertua suruh keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Keluar.

Seorang Ahli: *Get out!*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong keluar.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Keluarlah. Buat apa lagi di situ?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong keluar. Saya gantung kamu lagi lima hari. Keluar sekarang. *[Tepuk]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tahniah! Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lima hari semuanya. Saya telah...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ini Tuan Yang di-Pertua bersubahat, bersekongkol dengan Yang Berhormat Bintulu. Menghinakan seluruh *frontliners*...

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Dewan Rakyat, tolong panggil polis.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: ...Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong panggil polis, Setiausaha Dewan Rakyat.

Seorang Ahli: *Get out!*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, jangan *start precedent* yang baharu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mana boleh panggil polis.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak boleh *start precedent* yang baharu. Tidak pernah saya di sini panggil polis.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, ini urusan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Diam. Saya hendak buat *ruling* ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini urusan Dewan. Jangan panggil, jangan *call* polis.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kita tidak boleh benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak nak keluar.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Orang luar bukanlah urusan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak nak keluar.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bentara boleh *handle*.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak nak keluar.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bentara ada, Bentara ada.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara ada seramai dua orang, tiga orang di situ. Dia tak nak keluar.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Saya punya kuasa untuk memanggil polis di dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kuasa Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak pernah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara ada seramai tiga orang di situ. Dia tak nak keluar.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jangan kita *start* satu *precedent* yang baharu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang saya boleh buat?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Bentara ada.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang saya boleh buat?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kalau Bentara tidak boleh selesai...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Suruh Yang Berhormat Bintulu minta maaf.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: ...Mana boleh panggil polis.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Penjelasan. Yang *ruling* ini keluar, Yang Berhormat Kepong ataupun termasuk Yang Berhormat Jelebu dan juga Yang Berhormat Kimanis?

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, sekejap. Saya suruh dia keluar dahulu. Bentara, keluarkan dia. Minta Bentara keluarkan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Dia akan keluar ya.

Tuan Yang di-Pertua: Lima hari.

[Yang Berhormat Kepong keluar meninggalkan Dewan]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eloklah dia keluar dengan terhormat. Tidak apa, *it's okay*. Esok masuk balik.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Yang Berhormat, tadi Tuan Yang di-Pertua sebut adakah untuk Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kimanis dan juga Yang Berhormat Jelebu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah memperhalusi *Hansard*. Masalahnya Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua bukan sahaja sekali beliau berkata, dia berkata dua tiga kali bahawa dia membuat *ruling*. Jadi, *ruling* telah dibuat. Jadi, walaupun beliau adalah seorang Timbalan Yang di-Pertua tetapi ketika mempengerusikan sesuatu majlis mesyuarat itu, kuasanya seperti Tuan Yang di-Pertua.

So, dia bukan hendak *my subordinate* kah apa. Dia Tuan Yang di-Pertua, dia Pengerusi. *She was in the chair at that time*. So, dia telah membuat *ruling*. Maka saya mengikut Peraturan 43, saya tidak boleh *overrule ruling* itu, tidak bagus. Tidak baik kalau saya *overrule ruling* seseorang Tuan Yang di-Pertua semata-mata kerana *ruling* itu dibuat oleh Timbalan Yang di-Pertua. Jadi, mengikut Peraturan 43, kalau *ruling* itu hendak diperbahaskan semula, maka satu usul persendirian terpaksa dibuat. Jadi saya terikat dengan Peraturan 43. Saya minta maaf.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua. Tambahan ya, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tambahan ya, Tuan Yang di-Pertua. Ini usul yang saya bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tolonglah kita habiskan benda ini. Hendak....

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi sudah tunggu lama itu hendak berbahas.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya cuma hendak habiskan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua. Kulai.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini telah ditimbulkan oleh...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, ini kita buat secara— ini tentulah kita buat...

Tuan Yang di-Pertua: Itu masalah saya yang ada.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, saya tahu. Tapi bolehkah saya buat satu penjelasan? Saya nak dapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bila sesuatu peraturan ataupun sesuatu perintah itu tidak betul, yang ketara sekali tidak betul, bolehkah dikaji semula? Itu yang saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh kaji semula, Yang Berhormat. Dia cuma boleh dikaji semula sehingga kalau sesuatu usul itu dibentangkan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Okey, biasa ini apabila usul dibuat, ia tidak akan diberikan masa untuk dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua berikan jaminan bila kami buat usul dan Tuan Yang di-Pertua akan berikan masa untuk usul ini dibahas? Boleh tak? Oleh sebab ini satu perkara penting. Ia mencemarkan imej Ketua Pengarah dan juga Jabatan Kesihatan. Ini tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua: Buat dahulu usul itu, saya akan lihat usul itu.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua berikan jaminan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak bolehlah bagi jaminan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *No. I think this is important. It is not about politics. It is about...*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu tetapi ini masalah dia. Saya mempunyai kekangan peraturan. Jadi bila kita tidak ikut peraturan, maka *chaos*-lah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Okey, saya tahu. Tapi peraturan tidak boleh menghalalkan sesuatu yang salah. Kalau itu salah, peraturan untuk menghalalkan sesuatu yang salah, itu peraturan tidak betul. Peraturan harus dipinda supaya kita boleh membetulkan sesuatu yang salah.

Tuan Yang di-Pertua: Kita kena pinalah, kalau kita hendak pinda.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Itu sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak buat usul.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, terpaksa diputuskan di dalam Jawatankuasa Peraturan, bukan oleh saya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *So, di sini saya minta daripada Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak buat satu usul substantive motion, that was what the Speaker has suggested...*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *We are on the move of substantive motion, can Tuan Yang di-Pertua then assure that there will be time for debate?*

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana... [Ketawa]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Banyak masa, kita tidak ada peluang untuk bahas.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana saya hendak boleh— macam mana— saya tidak ada kuasa. Saya kena ikut Peraturan 14. Itu masalah dia.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya tahu. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua— Yang Berhormat Menteri pun ada di sini. Bolehkah satu pembetulan dibuat? Kerana ini satu perkara penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Pembetulan dibuat dengan ada— setuju tidak?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Itu sebab saya memohon supaya Tuan Yang di-Pertua arahkan Yang Berhormat Menteri untuk buat *statement*...

Tuan Yang di-Pertua: Macam ini, macam ini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *We are making a reasonable request.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *We are making a reasonable request.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh mengkaji...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Kerana ini satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Janganlah kita memperlekehkan apa yang diusahakan oleh bukan sahaja KP Kesihatan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya faham. Tolong duduk, tolong duduk. Duduk, duduk.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Tetapi juga kepada semua *frontliners*.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bantu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kita sudah...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Mereka menghadapi maut tiap-tiap hari. Cakap mereka takut mati, tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tidak boleh dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Duduk, duduk, duduk. Semua bertenang, semua bertenang. Kita relaks dahulu. Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bantu sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang giliran Yang Berhormat Langkawi berucap. Bagi *chance* Yang Berhormat Langkawi berucap.

Tuan Yang di-Pertua: *Last.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami menunggu ucapan Yang Berhormat Langkawi. Ini DAP ganggu Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, tak apa, tak apa. *Last, last, last.* Akhir sekali.

[Dewan riuh]

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya rasa— saya faham apa Tuan Yang di-Pertua sebut tadi. Keputusan oleh Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan Mesyuarat pada masa itu adalah muktamad, *final*.

Akan tetapi, saya rasa ada percanggahan sedikit. Ini kerana saya masih ingat semalam apabila Yang Berhormat 'Bukit' Jelutong dia sebut bahawa kenapa semasa perbahasan Ahli Parlimen, tidak ada Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Berhormat Timbalannya yang duduk di sebelah sana, dan *ruling* oleh Tuan Yang di-Pertua pada masa itu adalah tidak perlu ada wakil daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan *ruling* saya. Itu bukan *ruling* saya. Saya tidak diminta untuk membuat *ruling*.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, memang saya rasa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma mengatakan di dalam Peraturan Mesyuarat, tidak ada perkara yang mewajibkan *attendance* itu.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Akan tetapi masa itu, saya rasa Yang Berhormat Jelutong dia bangkit...

Tuan Yang di-Pertua: Saya baca Timbalan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang giliran Yang Berhormat Langkawi hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Yang di-Pertua telah memberi nasihat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagilah Yang Berhormat Langkawi berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapakah DAP ganggu Yang Berhormat Langkawi hendak berucap?

Tuan Yang di-Pertua: *Alright.* Kita

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua belum buat *ruling*. Peraturan.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukup. Tolong, tolong. Kita hendak teruskan perbincangan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, *you* kena buat *ruling* terhadap apa yang saya bangkitkan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kita belum habis perkara ini lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua belum buat *ruling* lagi. Saya mohon supaya Tuan Yang di-Pertua mengarahkan Yang Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Mana saya boleh arahkan Yang Berhormat Menteri untuk...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Bawah peraturan mana?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh memberi *floor* kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk membuat *ruling*, untuk membuat *statement* suruh Yang Berhormat Bintulu tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat suruh saya arahkan Yang Berhormat Menteri untuk memberi *lecture* kepada dia orang mengenai apa *collective responsibility* dan sebagainya, *executive responsibility*?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana saya hendak buat macam itu?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Boleh. Boleh bagi *floor*. Minta supaya Yang Berhormat Menteri datang untuk jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Saya... [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, ini gangguan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolonglah, jangan suruh saya buat perkara-perkara yang saya tidak boleh buat.

[Dewan riuh]

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, *can I know* apakah yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua semalam?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini giliran Yang Berhormat Langkawi lah. Yang Berhormat Bagan ganggu Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi jangan sokong lagi DAP.

Tuan Yang di-Pertua: *Sorry?*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bahawa ia bukan *unparliamentary* yang tidak perlu ditarik balik. Adakah ini satu keputusan yang betul atau tidak?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, sudah 20 minit Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sudah 20 minit kita buang masa.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tuan Yang di-Pertua... *[Tidak jelas]* ...untuk melengah-lengahkan masa. Hormat masa Yang Berhormat Langkawi.

[Dewan riuh]

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Cadangkan usul, cadangkan usul.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Langkawi hendak bangun berucap, Tuan Yang di-Pertua. Bagi...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Cadang usul, cadang usul. Duduk, duduk semua. Maaf, kita ada bajet ini RM375 bilion punya masalah, COVID-19 punya masalah. Pihak pembangkang pun kata pekerjaan dan sebagainya. Ekonomi pun sedang diberi kesan yang amat hebat.

Saya ingin meminta dan menjemput Yang Berhormat Langkawi untuk memberikan ucapan beliau. Saya peruntukkan 30 minit kepada Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, 10 minit sahaja.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Bagan duduk lah. Duduk, duduk.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kita akan buat usul substantif seperti mana yang dicadangkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan ganggu Yang Berhormat Langkawi. Ini DAP tidak hormat bekas Perdana Menteri.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kita akan buat itu *substantive motion*. Kita harap bahawa masa akan diberikan. Akan tetapi pada masa yang sama, oleh sebab Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Buat dulu, buat dulu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Langkawi sudah lama berdiri. Beri Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa Yang Berhormat Kepong telah disingkirkan untuk tempoh masa dua hari.

Tuan Yang di-Pertua: Dua kesalahan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah saya minta Tuan Yang di-Pertua mempertimbangkan dua hari seperti asal yang... *[Tidak jelas]* ...sebenkar tadi.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan lah Yang Berhormat Bagan. Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan. Tolong hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tolong hormati keputusan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Dua hari... sepertimana.....

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sudah-sudah lah Yang Berhormat Bagan. Sudah-sudah lah Yang Berhormat Bagan.

Tuan Yang di-Pertua: Kesalahannya dua.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Duduk lah Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Langkawi sudah bangun, Yang Berhormat Bagan. Cuma tengok itu belah kiri Yang Berhormat Langkawi sudah bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Langkawi sudah bangun, Yang Berhormat Bagan. Cukuplah, membuang masa, membazir masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong bukan sahaja mengganggu dan mengacau-bilaukan persidangan pada hari ini, beliau malah tidak mahu mematuhi arahan saya. Sehingga saya kena bagi ugutan untuk memanggil polis baru beliau keluar.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh panggil polis dalam Dewan. Tidak boleh.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bagi dua hari cukup lah.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara tiga orang berdiri di situ.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tidak boleh. Itu melanggar keunggulan Parlimen. Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada, ada—

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi dua hari lah. Boleh?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, silap. Silap.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi dua hari cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak kena 10 hari pun dia nasib baik.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sokong, sokong, dua hari. *Fair*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Silakan Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Langkawi sekarang. Jangan bantai kami ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

11.23 pg.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Belanjawan 2021. Izinkan saya menyatakan kekaguman saya dengan jumlah Belanjawan 2021. Bertuah sungguhlah rakyat Malaysia kerana selama dua setengah jam Menteri Kewangan menceritakan berkenaan dengan duit yang banyak yang akan dicurahkan kepada mereka. Akan tetapi saya tertanya-tanya, dari manakah Kerajaan Perikatan Nasional ini memperoleh RM322.5 bilion untuk membiayai belanjawan gergasi ini.

Biasanya di penghujung ucapan belanjawan akan disebut cukai yang akan diperkenalkan untuk membiayai sebahagian daripada kos belanjawan. Akan tetapi kali ini tidak ada cukai baharu yang akan dipikul oleh rakyat. Dalam masa wabak COVID-19, ekonomi sudah merosot teruk. Tentulah pendapatan kerajaan juga merosot. Belanjawan ini tentulah mengalami defisit tetapi kerajaan seolah-olah tidak ambil berat defisit ini. Tidak cukup duit terpaksa kerajaan hutang. Jumlah hutang kerajaan akan meningkat kepada RM1.3 trilion. Jikalau kita hutang untuk bayar hutang, ia tidak mengurangkan jumlah hutang.

Sebenarnya kita tidak perlu belanjawan yang sebegini besar. Melainkan jika ia mengatasi masalah sosial, ekonomi dan membanteras perkembangan wabak COVID-19. Tentu ada perbelanjaan yang boleh ditanggung sementara. Kita belanja untuk lawan COVID-19 dan kemerosotan ekonomi umpamanya Kabinet terlalu besar. Ramai yang dilantik jadi Menteri, Timbalan Menteri, bertaraf Menteri tetapi mereka tidak dapat bekerja pun kerana wabak. *[Tepuk]* Kita boleh kurangkan jumlah mereka tanpa jejakkan perjalanan pemerintahan.

Peruntukan untuk pelbagai jabatan ada yang dinaikkan sehingga 520 peratus. Pembangunan pejabat boleh ditanggung. Sebanyak RM160 juta untuk bangunan pejabat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, RM64.4 juta di seberang laut, RM231 juta pejabat Kementerian Dalam Negeri dan banyak lagi. Peruntukan Jabatan Perdana Menteri dinaikkan daripada RM7.9 bilion pada tahun 2020 kepada RM11.7 bilion, RM1 bilion daripada RM100 *million* untuk projek khas. Apa perlunya membelanjakan RM125 juta bagi Kompleks Angkasapuri? Kita perlu tangguh projek ini. Ingatlah kita perlu bayar hutang sebanyak RM39 bilion. Hutang yang diambil oleh kerajaan kleptokrat dahulu. Kebanyakan hutang ini sudah hilang sama sekali kerana tidak dilabur.

Ya, saya akui kita telah menangani serangan COVID-19 dengan baik. Saya ucap tahniah kepada Dr. Noor Hisham kerana kejayaannya. *[Tepuk]* Saya tidak fikir dia takut mati. Semua kita akan mati. Akan tetapi ada negara yang lebih berjaya daripada kita.

Ada teknologi baharu yang telah diperkenal. Kita perlu belajar daripada mereka yang berjaya. Kita juga perlu kaji teknologi baharu yang mungkin boleh kurangkan jangkitan penyakit ini dan dengan itu memperbaiki ekonomi kita. Memperuntukkan RM3 bilion iaitu cuma satu peratus daripada jumlah bajet tidak mencerminkan pandangan serius kerajaan terhadap pandemik ini.

Saya akan cadang beberapa tindakan melawan kesan pandemik ini yang akan memerlukan lebih banyak peruntukan. Pada permulaan, kita memerlukan dua minggu untuk tentukan sama ada seseorang itu sudah dijangkiti penyakit virus ini. Sekarang kita boleh tentukan sama ada positif ataupun tidak dalam jangka masa hanya satu jam setengah. Ada juga jenis *test* yang boleh tentukan positif atau tidak dengan serta-merta.

Dengan sistem ini, kita boleh tentukan seseorang itu bebas atau tidak daripada jangkitan. Kuarantin tidak perlu diadakan. Dengan menentukan seseorang itu bebas daripada jangkitan, ia boleh dibenarkan bekerja dan membuat lawatan ke kawasan hijau, di tempat lawatan sekali lagi *test* boleh diadakan untuk menentu pelawat bebas daripada jangkitan.

Kita tahu industri pelancongan penting dalam ekonomi negara kita. Apabila orang yang sihat dikena kuarantin, termasuk semasa *lockdown*, daya keluar ataupun produktiviti mereka tidak dapat menyumbang kepada ekonomi. Ekonomi negara akan merosot.

■1130

Sesungguhnya, lebih ramai orang yang sihat dikuarantin daripada mereka yang sudah dijangkiti. Apabila *lockdown* diadakan, lebih ramai mereka yang sihat menjadi tidak produktif. Sebaliknya, jika kita dapat tentukan melalui *test* bahawa ia tidak dijangkiti, ia boleh ikuti kehendak SOP tetapi dapat melancong ataupun bekerja. Ini akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi. Memang kos pemeriksaan ini mahal. Kerajaan perlu bantu kos tetapi dengan ekonomi menjadi lebih maju, kerajaan akan dapat pulangan sekurang-kurangnya separuh daripada sumbangan mereka yang sihat bekerja.

Harus kita ingat bahawa kesan daripada COVID-19 ini bukan sahaja terhadap kesihatan tetapi amat teruk kepada ekonomi. *Lockdown* memang satu cara membendung COVID-19 yang berkesan. Akan tetapi ini menjejaskan ekonomi kita dengan teruk. Lebih lama *lockdown*, lebih teruk lagi kemerosotan ekonomi. Kita dapati bahawa kerajaan dengan mudah melambatkan lagi *lockdown* ini dan menjejaskan pemulihan ekonomi.

Lockdown menekan rakyat yang miskin sehingga ada yang kehilangan pendapatan sama sekali. Mereka tidak pun dapat makan, sebaliknya ramai orang yang bergaji terus mendapat gaji penuh. Biasanya gaji kebanyakan daripada mereka lebih tinggi daripada menampung keperluan hidup dan kerajaan pula akan tambah RM500

lagi sekali gus kepada mereka. Apa perlunya kerajaan menambah pendapatan mereka apabila gaji mereka lebih daripada mencukupi membiayai keperluan hidup mereka.

Sepatutnya bantuan diberi kepada pekerja yang hilang pekerjaan dan hilang pendapatan sama sekali. Mereka tidak pun dapat membiayai makan mereka harian. Ada cadangan supaya gaji Menteri dikurangkan 30 peratus. Dalam zaman COVID-19, saya tidak fikir Menteri akan kebuluran kerana dikurangkan gaji 30 peratus. Sebaliknya terdapat ramai yang tidak ada pendapatan sama sekali kerana tidak bekerja atau berniaga lagi. Bagi mereka, keluarga mereka akan turut menderita. Kalau tidak berani potong 30 peratus, mungkin hanya 10 peratus boleh diterima oleh Menteri-menteri.

Kita sedar COVID-19 mudah merebak jika pesakit berdekatan dengan kita. Apakah untuk melindungi daripada jangkitan daripada beberapa pesakit, kita kurung penduduk satu negeri. Mungkin sukar dikawal tetapi *lockdown* harus terhad kepada kluster dan sekelilingnya sahaja. Di luar, mereka yang didapati sihat setelah diuji, tidak perlu dikurung dengan MCO. Ya, memang ada kemungkinan yang sihat dijangkiti semasa berjauhan dari kluster, semasa bekerja ataupun melancong.

Akan tetapi jika dapat diadakan *test* lebih kerap, dengan dapat menentukan keadaan kesihatan dengan lebih cepat, kita dapat asingkan mereka yang positif sebelum mereka dapat berdekatan dengan yang sihat. Dengan cara ini, kita kurangkan jumlah yang sihat yang tidak dapat bekerja. Sudah tentu di tempat bekerja dan di mana-mana sahaja, kita amalkan SOP sepenuhnya. Memang ada bahayanya jika diamalkan cadangan ini tetapi mencuba mengurangkan kemerosotan ekonomi juga penting.

Ingatlah, pada mula kita diserang, kita kenakan MCO seluruh negara tetapi sekarang kita kenakan MCO di kawasan tertentu sahaja. Apabila ekonomi kita tidak berjalan, bukan sahaja pekerja yang menganggur tetapi kerajaan juga akan hilang pendapatan. Memulihkan ekonomi amatlah penting dalam usaha kerajaan mengurangkan kesan buruk daripada wabak pandemik ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kembali kepada belanjawan gergasi yang dicadangkan oleh kerajaan. Walaupun jumlahnya amat besar tetapi ia tidak dapat atasi masalah yang dihadapi oleh rakyat di pelbagai peringkat. Dilaporkan bahawa lebih daripada 32 ribu perniagaan terpaksa '*gulung tika*', sebabnya ialah kerana mereka kehilangan pelanggan. Perniagaan mereka merosot sehingga tidak dapat bayar hutang. Apabila perniagaan '*gulung tika*', ramailah kakitangan yang akan hilang punca pendapatan mereka.

Ada di antara mereka yang ditimpa pelbagai tekanan, termasuk kebuluran. Keluarga mereka juga akan menjadi mangsa kehilangan kerja kerana majikan gulung tika. Mereka yang menganggur terpaksa buat apa sahaja kerja yang mungkin. Ada yang terlibat dengan gig ekonomi, memandu motosikal sebagai *delivery boy* dan lain-

lain kerja. Apa yang kita perlu akui ialah cara bekerja dan mencari makan sudah berubah.

Kerajaan perlu kaji cara-cara hidup yang berlainan. Saya percaya jika kita kaji halangan disebabkan COVID-19 dan kita juga mendalami teknologi berkomunikasi yang lebih mudah ini, kita akan dapat cara dan peluang baru untuk menangani masalah kita. Sistem *Zoom* umpamanya, membolehkan kita berunding dari jarak jauh seolah-olah sudah bertemu. Banyaklah urusan yang boleh guna *teleconference* ini. Kita sudah terima dan faham akan kegunaan *online marketing* iaitu bagaimana kita boleh pasarkan barangan kita, membeli dan membekal segala keperluan kita tanpa ke kedai atau ke pasar.

Segala yang kita jual atau beli, dilakukan melalui telefon sahaja. Untuk ini, kemudahan menghantar diperlukan. Ini memberi peluang pekerjaan hantar-menghantar kepada pemilik motosikal dan kereta. *Online trading* sebenarnya boleh meningkat jual beli dengan lebih besar. Kita tidak perlu bertemu pembekal ataupun pembeli melalui iklan yang mempamerkan jenis barangan dan fungsinya dalam komputer ataupun telefon bimbit.

Pasaran dunia menjadi lebih terbuka walaupun kepada pengusaha kampung. Terdapat banyak cerita berkenaan *online marketing* yang menaikkan jumlah jualan berkali-kali ganda. Sebenarnya, cara *online* ini boleh menyumbang dengan tingginya jual beli di pasaran dunia. Dagangan antarabangsa juga boleh ditingkatkan.

Industri penghantaran tetap akan lebih maju kerana peningkatan *business* jual beli melalui *online marketing*. Bagi *business* kecil-kecilan, ada *Food Panda*, *Grab* dan lain-lain. Jika industri ini dibenarkan tanpa terlalu banyak lesen dan aturan peraturan, ia boleh menggantikan sistem lama yang memerlukan rundingan dan perjumpaan antara pembeli dan pembekal. Melalui *Zoom*, kita boleh adakan rundingan tanpa keluar dari rumah pun.

■1140

Satu daripada halangan terhadap kekurangan *business* ialah keperluan mendapat berbagai-bagai jenis kebenaran daripada kerajaan. Pelaburan dari dalam dan luar negara terpaksa tunggu kadang-kadang sehingga lebih daripada satu tahun sebelum mendapat kelulusan. Dengan ini, pertambahan jumlah pelaburan untuk menjana peluang pekerjaan dan pendapatan bagi mereka yang hilang punca pendapatan akan tercapai. Sebenarnya anggaran pertumbuhan 7½ peratus tidak akan tercapai. Jumlah pelaburan juga terlalu optimistik.

Ya, kita memang berhasrat kurangkan penyelewengan apabila memberi kebenaran untuk *business*. Memang ada kemungkinan rasuah berlaku tetapi dengan kita kurangkan kegunaan wang tunai dan mempercepatkan kelulusan serta mencatat segala transaksi dalam buku bank, rasuah boleh dikurangkan. Dengan

mempercepatkan proses kelulusan kebenaran pengeluaran maka pemulihan ekonomi akan menjadi lebih cepat. Jika tidak pelaburan yang dirancang akan tercapai pada tahun 2022.

Saya sebut perkara ini kerana pengalaman saya apabila saya tidak lagi berkuasa, ada kes yang mengambil masa sehingga lapan tahun sebelum mendapat kelulusan. Kata ahli perniagaan, *time means money*, dengan izin. Sekarang pihak yang diberi kuasa meluluskan yang terdiri daripada pegawai terpaksa rujuk kepada orang atasan. Ada kalanya apabila dirujuk kepada orang atasan, mereka disuruh untuk rujuk kepada pegawai pula.

Jika Belanjawan 2021 ini hendak dilaksanakan, maka proses kelulusan hendaklah dipendekkan. Banyaklah wang swasta dan kerajaan yang boleh diselamatkan jika kelulusan dipermudahkan. Unsur politik tidak harus mengganggu proses pentadbiran. Penglibatan orang politik dalam urusan eksekutif hendaklah dihentikan. Ini menepati *separation of powers* yang kita ingin amalkan. Jika eksekutif diberi kuasa, janganlah mengganggu mereka kerana politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan mengurangkan Ahli Dewan kepada 80 orang sahaja semasa bersidang. Sebenarnya banyak sudah perubahan fizikal dibuat untuk memastikan jangkitan tidak berlaku semasa Ahli berada dalam Dewan. Lagipun Ahli sudah diuji sebelum masuk Dewan dan dikuarantin terlebih dahulu. Tujuan mengurangkan kepada 80 orang ini tentulah kerana mereka dapat duduk dengan jarak yang lebih jauh antara mereka. Akan tetapi sebaliknya, mereka duduk di tempat biasa seperti 222 orang hadir.

Kita lihat barisan Menteri-menteri tidak sedikit pun berubah sama ada 222 orang hadir ataupun 80 orang hadir. Jika virus boleh lompat ke kiri dan ke kanan dan menjangkiti jiran semasa 222 orang hadir, semasa 80 orang Ahli berada dalam Dewan pun virus dapat lompat kerana jarak antara mereka adalah sama.

Apa perlunya mengurangkan kehadiran kepada 80 orang jika jarak antara Ahli sama seperti 222 orang? Sebaliknya pada waktu belah bahagi, 222 orang Ahli boleh masuk Dewan. Apa yang penting dalam SOP untuk elak daripada jangkitan ialah jarak antara individu. Jarak yang dianggap selamat ialah satu meter. Akan tetapi dalam Dewan ada skrin plastik yang melindungi kita daripada orang sebelah, cara ini memang baik.

Bagi *frontliners*, skrin plastik dipakai untuk melindungi seluruh muka yang sudah pun ditutup dengan *mask*. Di dalam Dewan pun diadakan skrin plastik ini. Walaupun jarak antara kita kurang daripada satu meter, dengan adanya skrin plastik kita lebih terselamat daripada jangkitan. Kita berterima kasih kerana niat untuk menyelamatkan Ahli Yang Berhormat tetapi janganlah sehingga kita tidak dapat menjalankan tugas kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua ingin luluskan bajet ini. Jika ia tidak lulus, pada lazimnya Perdana Menteri perlu meletakkan jawatan. Akan jadi pula satu lagi krisis politik. Kerajaan pintu belakang ini akan digantikan dengan kerajaan “tebuk atap” yang juga tidak stabil. Kita telah ada pilihan raya yang menentukan kerajaan pilihan rakyat didirikan. Setelah dipilih, kerajaan ini dijatuhkan dan kerajaan dari puak yang ditolak oleh rakyat mendirikan kerajaan.

Ini sebenarnya adalah satu penipuan walaupun tidak ada undang-undang yang melarang perbuatan ini, ianya menidakkan demokrasi. Malangnya kerajaan pintu belakang ini amat lemah dan menghabiskan masa untuk pertahankan kedudukannya. Negara diserang oleh wabak COVID-19 yang mengancam pemerintahan. Tumpuan kepada kedudukan pemerintahan yang lemah ini menjejaskan tumpuan kepada menangani masalah wabak COVID-19. Hasilnya ialah pembaziran masa dan wang untuk merebut kuasa.

Kita lihat pembaziran ini di negeri Sabah. Jika dahulu kita sudah berjaya kurangkan wabak, sekarang kita berhadapan dengan *second* dan *third wave* dengan jangkitan lebih 1,000 orang sehari. Ramai yang maut yang sepatutnya berada sekarang. Masih ada yang ingin mengadakan PRU supaya dapat rebut kuasa. Ingatlah berapa ramai pula yang akan mati kerana Kerajaan Perikatan Nasional ingin jatuhkan Kerajaan Negeri Sabah. Ya, rebutan di Sabah berjaya tetapi kosnya amat tinggi. Banyak nyawa terkorban kerana ketamakan kuasa.

Daripada rekod yang kita lihat hari ini, saya tidak percaya PN akan dapat menangani wabak COVID-19 ini. Dalam krisis yang kita hadapi sekarang, *cash* bukan lagi *king*. Walaupun pakar budaya “*Cash is King*” ini memberi nasihat kepada kerajaan, ingatlah apa sudah jadi kepada penasihat ini. Akan tetapi amat pelik, perbicaraan di mahkamah dihentikan kerana COVID-19 ini akan tetapi banduan boleh berucap dalam Dewan.

Jika boleh di Parlimen, tentulah boleh juga di mahkamah. Kurangkanlah pemerhati dan media dan amalkan perpisahan sejauh satu meter antara mereka yang perlu berada semasa perbicaraan. Jika hendak nanti COVID-19 tamat, bertahun-tahun diperlukan. Bebaslah banduan. Lebih utama pada rakyat ialah mereka terdedah kepada kebuluran.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Tun...

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Bagi mereka yang tidak pernah mengalami kebuluran...

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: ...Tekanan sudah sampai ke tahap menekan jiwa.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Langkawi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada mohon celahan ya Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terpulang kepada Yang Berhormat Langkawi hendak bagi atau tidak bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi. Adakah Yang Berhormat Langkawi rujuk orang yang berucap di Parlimen itu ialah Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Berhormat Pekan yang pernah dijatuhkan hukum, berucap di Parlimen?

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Macam mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sebut orang yang telah dijatuhkan hukum bercakap di Parlimen. Apakah Yang Berhormat rujuk kepada Yang Berhormat Port Dickson dan juga Yang Berhormat Pekan?

■1150

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: *Low class* punya soalan. *Very low class.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Langkawi teruskan ucapan.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Nampak seperti tidak perlulah saya jawab.

Seorang Ahli: Tidak payah layan.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Yang lebih utama kepada rakyat ialah mereka terdedah kepada kebuluran. Bagi mereka yang tidak pernah mengalami kebuluran, tekanan sudah sampai ke tahap menekan jiwa. Sudah ada yang membunuh diri kerana terputus kehidupan biasa. Ada ramai yang mengalami tekanan jiwa apabila digugurkan daripada pekerjaan.

Sesungguhnya kes-kes seperti ini perlu ditangani secepat mungkin. Usaha perlu dilakukan. Rancangan untuk membantu mereka perlu menyeluruh. Di sinilah terdapat tempatnya untuk kerajaan curahkan wang. Saya sedar, Bajet 2021 ini ada peruntukan untuk membantu mereka yang terputus harapan tetapi, bantuan yang dicadangkan tidaklah mencukupi dan tidak menyeluruh. Perbelanjaan untuk pembangunan boleh dikurangkan atau ditangguhkan supaya dana yang diselamatkan boleh digunakan untuk mengurangkan tekanan jiwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar beberapa ucapan Yang Berhormat Menteri kerajaan yang menyebut tentang dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Dasar ini jika dilaksanakan sekarang boleh membantu negara mengatasi sebahagian daripada kesan wabak COVID-19...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat ada satu minit lagi. Minta dirumuskan Yang Berhormat. Sila.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Perancangan yang saya maksudkan ialah Dasar Kemakmuran Bersama. Sebenarnya, Pakatan Harapan sudah bermula melaksanakan dasar ini, tetapi kerajaan Pakatan Harapan telah dijatuhkan dan perancangan penting ini tidak dapat dilaksanakan. Antara perkara terpenting ialah mengurangkan jarak kekayaan ekonomi antara bandar dan luar bandar. Kemiskinan di luar bandar yang menjadi lebih buruk kerana COVID-19 boleh dikurangkan jika Dasar Pertanian Luar Bandar dipinda.

Pertanian luar bandar sehingga kini tidak memberi pulangan yang baik kepada penduduk kampung kerana biasanya mereka menghadkan tanaman mereka kepada satu jenis tanaman sahaja. Apabila pasaran untuk tanaman mereka jatuh, mereka menderita. Dasar yang perlu diperkenalkan ialah pertanian campuran (*mixed farming*). Jenis tanaman hendaklah meliputi bukan sahaja kelapa sawit, getah dan padi. Sebahagian kawasan hendaklah ditanam dengan sayur-sayuran, buah-buahan dan juga untuk ternak ikan.

Dewan cara ini kejatuhan harga satu jenis boleh dikurangkan kesan dengan kelarisan pemasaran jenis yang lain. Lagipun pertanian moden boleh menghasilkan pulangan dalam jangka masa yang pendek. *Vertical farming* boleh mengatasi kawasan tanah yang tidak cukup luas. Sudah ada pengusaha di Malaysia yang mengeluarkan sistem dan alatan baharu yang boleh menghasilkan pengeluaran sayur dan juga ikan dengan kos yang rendah. Jika pinjaman disediakan, seluruh kawasan pertanian di Malaysia boleh menghasilkan makanan yang amat diperlukan pada masa ini.

Ini sekali gus kita dapat kurangkan kemiskinan di luar bandar dan mengatasi kebuluran dalam bandar. Janganlah Dasar Kemakmuran Bersama ini ditolak disebabkan ia adalah daripada parti lawan. Kerajaan yang ditubuhkan bukanlah untuk orang parti kerajaan sahaja. Kerajaan kerap berkata, ia adalah kerajaan bagi semua rakyat. Oleh itu, janganlah tolak cadangan parti lawan yang baik bagi semua rakyat kerana mengutamakan politik parti.

Walaupun kita tidak perlu ketepikan Perlembagaan negara, undang-undang dan peraturan-peraturan dengan mengisytiharkan darurat, tetapi dengan kuasa yang ada sekarang, kita masih boleh lakukan banyak tindakan untuk membendung COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan 2021 yang

dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya *reserve* diri saya dan parti saya untuk menyokong atau tidak Belanjawan 2021 Kerajaan Perikatan Nasional ini.

Saya harap cadangan yang bernas oleh Dewan ini diberi tempat dalam Belanjawan 2021. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah Yang Berhormat hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jelebu selama 15 minit.

11.56 pg.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya, saya hendak ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan dan juga *ruling* yang dibuat oleh Timbalan Yang di-Pertua semalam atas pandangan Ahli Dewan dan *ruling* itu maka hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Paya Besar bersama-sama untuk mendengar hujah dan bahas Ahli Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini. Saya hendak ucapkan tahniah terlebih dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menjadi Yang Berhormat Senator yang pertama untuk membentangkan belanjawan di Dewan yang mulia ini dan saya sahkan bahawa pembentangan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu adalah merupakan pembentangan yang sangat baik. *[Tepuk]*

Sepanjang hujung minggu ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa berjumpa dengan rakyat, melihat respons rakyat tentang belanjawan yang dibentangkan. Tentunya adanya pandangan dan respons serta reaksi yang positif dan juga negatif. Saya sangat mengharapkan supaya pihak kerajaan mengambil usaha untuk mengambil kira juga cadangan dan pandangan terhadap penambahbaikan tentang belanjawan yang telah dibentangkan dalam rumusan dan penggulungan yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri.

Belanjawan kali ini seperti semua sedar bahawa merupakan belanjawan yang terbesar dalam sejarah negara. Sebanyak RM322.5 bilion yang merangkumi RM236.5 bilion dan RM69 bilion campur RM17 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19 adalah merupakan kesemuanya seperti pandangan Yang Berhormat Langkawi, merupakan belanjawan untuk rakyat yang harus diterjemahkan secara langsung ataupun tidak langsung.

Dalam konsep asas ekonomi Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang menjadi tulang belakang atau asas kukuh ekonomi sesebuah negara itu tidak lain dan tidak bukan adalah kestabilan politik. Tidak ada sebuah negara yang membangun dalam dunia ini Tuan Yang di-Pertua yang politiknya tidak stabil, yang negaranya bergolak, yang pemimpinnya sering berbalah tetapi stabil dalam soal ekonomi.

Malaysia kini berada dalam gelombang ketiga pandemik COVID-19. Setakat 10 November 2020, Malaysia telah mencatatkan kumulatif kes positif sebanyak 42,050 kes, sebanyak 300 kes kematian, sebanyak 30,304 kes sembuh dan berbaki sebanyak 11,446 kes aktif dalam rawatan. Dompot rakyat semakin tipis, perniagaan semakin merudum, ekonomi negara semakin teruk.

Namun begitu, senario politik Malaysia tetap tidak pernah sunyi. Bahkan ada sahaja perkembangan terbaru dari hari ke hari dan menimbulkan pelbagai respons dan juga spekulasi dalam kalangan rakyat. Spekulasi yang dicetuskan oleh beberapa pihak sejak akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua telah menimbulkan ketidaktentuan dalam pasaran saham negara sehingga menyaksikan saham KLCI menurun sebanyak 9.3 mata yakni daripada 1505.78 mata kepada 1496.48 mata.

Saya ingin menyebutkan beberapa contoh senario politik negara dalam tempoh beberapa tahun ini yang telah memberi kesan kepada turun naik pasaran saham negara.

■1200

Pada 24 Februari 2020, Yang Berhormat Langkawi, dengan izin, telah mengumumkan peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri yang membuatkan Perikatan Nasional telah menubuhkan kerajaan, sekali gus menyaksikan penurunan saham KLCI sebanyak 41.14 mata.

Pada 29 Februari, Yang Berhormat Pagoh mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri yang Kelapan, telah menyaksikan peningkatan KLCI sebanyak 23.05 mata dan seterusnya meningkat dan meningkat tiga hari berturut-turut, Tuan Yang di-Pertua.

Juga dilihat perbandingan saham KLCI sewaktu pentadbiran Barisan Nasional. Pada Mei 2020 iaitu sehari sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 diadakan, saham KLCI berada pada paras 1,846.51 mata. Namun begitu, setelah kerajaan diambil alih oleh Pakatan Harapan dan pelbagai ketidaktentuan, krisis dalaman kerajaan, perbalahan di kalangan pemimpin untuk perebutan jawatan yang berlaku di dalam kerajaan pada ketika itu, dalam tempoh tidak sampai dua tahun, kita dapat menyaksikan saham KLCI telah turun sebanyak 356.5 mata pada 23 Februari 2020.

Jika ada yang mengatakan kejatuhan nilai saham ini adalah berpunca daripada COVID-19, dengan jelas di sini bahawa sebelum COVID-19 menyerang dunia sekalipun, pasaran saham Malaysia telah jatuh akibat pelbagai ketidaktentuan politik

yang berlaku di dalam negara kita. Ia adalah berbalik kepada asas ekonomi seperti yang saya sebut awal tadi, kestabilan politik amat penting di dalam menarik pelabur asing untuk melabur dalam negara. Tidak ada mana-mana pelabur yang merisikokan pelaburan mereka di dalam negara yang kerajaannya boleh tumbang pada bila-bila masa.

Lihat sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana senario politik negara seperti yang saya sebutkan tadi boleh memberi kesan kepada prestasi Bursa Malaysia. Ini jelas menunjukkan kestabilan politik, kestabilan sesebuah kerajaan bukanlah sesuatu perkara yang boleh kita ambil ringan dan dipandang remeh.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akan tetapi, di dalam keadaan pandemik COVID-19 ini, pada ketika ini, pilihan raya bukanlah suatu pilihan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ketidaktentuan politik ini. Tidak ada gunanya jika kerajaan membentangkan suatu belanjawan yang bernilai ratusan bilion jika keadaan politik negara masih tidak boleh distabilkan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru dan minta sangat kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Pagoh, segera cari satu penyelesaian konkrit bagi mencari penyelesaian untuk segala masalah yang timbul pada hari ini. Ia selaras dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang berkehendakkan satu rekonsiliasi politik, rekonsiliasi nasional yang diwujudkan sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan ketidaktentuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang keadaan ekonomi dan kewangan negara. Saya suka menyebut bahawa beberapa angka yang berkenaan yang disebutkan oleh beberapa Ahli Dewan juga berkaitan dengan ekonomi di Malaysia tentang sasaran perkembangan kadar 6.5 peratus sehingga 7.5 peratus. Berpandukan angka yang diberi, berpandukan kepada Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Pembangunan Asia, KDNK Malaysia menyusut 17.1 peratus pada suku pertama tahun 2020. Prestasi suku tahun pertama 2020 merupakan KDNK yang terendah yang pernah direkodkan sejak suku tahun keempat.

Hasil daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran di Malaysia setakat Ogos 2020 ialah seramai 742,000. Peratus guna tenaga buruh setakat Ogos 2020, kurang daripada 95.3 peratus.

Apa yang jelas di sini ialah keadaan ekonomi di Malaysia sangat terkesan daripada keadaan yang saya sebut daripada serangan COVID-19 pada hari ini. Dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, turunnya kuasa beli di kalangan pengguna,

kehilangan punca pendapatan, aliran dana asing, pelbagai lagi faktor yang akhirnya memberi kesan kepada poket rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Belanjawan 2021 ini ditunggu oleh rakyat. Bukan hanya kerana belanjawan ini adalah belanjawan pertama Kerajaan Perikatan Nasional, tetapi ia juga adalah belanjawan di masa rakyat yang sangat terkesan dan tersepit dalam soal ekonomi.

Dalam tempoh beberapa minggu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum pembentangan Bajet 2021, dua perkara penting yang disebut oleh rakyat. Pertama, tentang pelanjutan moratorium, dan yang kedua, tentang pengeluaran Akaun 1 KWSP. Saya yakin pihak kementerian telah menerima pelbagai pandangan daripada rakyat kebanyakan, daripada Ahli Dewan Rakyat. *Alhamdulillah*, dua perkara disebut dalam belanjawan.

Cumanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal moratorium, kerajaan mengumumkan bahawa moratorium ini disambung kepada golongan sasaran yakni peminjam kategori B40 yang merupakan penerima Bantuan Prihatin Nasional, Bantuan Sara Hidup dan perusahaan mikro. Bagi peminjam daripada golongan M40 pula, peminjam M40 perlu membuat pengisytiharan sendiri untuk membolehkan mereka melanjutkan moratorium ini. Ini adalah merupakan satu perkara yang begitu subjektif yang saya fikir bahawa kalau itu dapat ditambah baik, maka M40 akan mendapat manfaat daripada itu.

Syarat yang dilihat kurang disenangi oleh golongan M40 atau T20 ini, Tuan Yang di-Pertua, harus diambil berat dan diberi perhatian penuh oleh kerajaan. Saya ingin mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, golongan M40 kepada pengusaha kantin-kantin sekolah umpamanya. Sekolah di-*lockdown*, sekolah ditutup beberapa bulan dari masa satu bulan, daripada satu tempoh kepada satu tempoh yang lain. Mereka mempunyai bebanan dengan golongan pekerja yang digaji oleh mereka. Dengan modal yang besar yang mereka gunakan, sedangkan kerajaan tidak memberi apa-apa subsidi bantuan kepada golongan ini, saya fikir hampir 10,000 pengusaha kantin di seluruh negara yang kita khuatir untuk gulung tikar hasil daripada tekanan COVID-19 ini. Ini adalah antara contoh dan perkara yang harus diberi perhatian, golongan yang harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika keadaan COVID-19 ini berterusan ataupun kawasan-kawasan PKPD serta beberapa kawasan di Sabah umpamanya, bukan sahaja golongan B40, M40 serta T20 juga terkesan dan tidak dapat menjalankan aktiviti dan perniagaan mereka. Saya sangat khuatir, Tuan Yang di-Pertua, B40 akan menjadi B50, M40 akan jadi M30 atau M20 dan T20 hampir pupus dalam senarai yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jelebu...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta maaf. Sekejap Yang Berhormat Jempol, saya bagi habis. Sekejap sahaja lagi.

Satu perkara yang merisaukan saya, tekanan ekonomi, tekanan perniagaan, tekanan yang dialami oleh semua golongan rakyat— Melayu, Cina, India dan semua masyarakat lain, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya siapa pihak yang untung? *Ah long*, Tuan Yang di-Pertua. *Ah long*. Saya hendak baca untuk rekod Dewan, statistik tahun 2019. Sehingga 15 Oktober 2019, sebanyak 2,037 kertas siasatan telah dibuka membabitkan kes *ah long* dengan jumlah pinjaman RM42.43 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,220 kes dilaporkan tahun lalu dengan nilai pinjaman RM18.1 juta dan sebanyak 817 kertas siasatan lagi dibuka dalam tempoh 10 bulan tahun ini. Maknanya mula tahun ini sampai bulan Oktober dengan nilai RM24.33 juta kerana berdepan— kerana kita tak boleh salahkan mereka berjumpa dengan bapak angkat (*ah long*) ini. Kerana mereka mengalami tekanan hidup yang sangat hebat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya jumpa dengan salah seorang daripada pengawal keselamatan yang bersara daripada jawatan mereka, jadi pengawal keselamatan. Dia minta apa kepada saya? “*Yang Berhormat, saya minta tolonglah beritahu kerajaan, bagilah kami ini moratorium ataupun EPF yang RM10,000 ini. RM500 tak selesai masalah.*” Tadi Yang Berhormat Hulu Rajang beritahu daripada satu tempat ke satu tempat, hendak keluar RM500, kos berjalan sahaja sudah makan RM300. RM200, apa yang mereka boleh buat? Dengan RM10,000 itu, mereka boleh mulakan perniagaan *online*, mereka boleh memulakan perniagaan yang jual burger, yang boleh *penetrate*, dengan izin, *income simple* untuk keluarga mereka, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini yang harus kita beri dan juga beri penumpuan kepada mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan juga kerajaan buat satu dasar tentang moratorium bukan sahaja kepada pinjaman bank tetapi kepada penyewa premis peniaga.

■1210

GLC, GLIC kita ada RISDA, kita ada PUNB, kita ada PNB, kita ada pelbagai GLC lagi. Semua berubah Tuan Yang di-Pertua, premis bagi tiga bulan *free of charge* sewa kerana COVID-19. Kenapakah tidak kerajaan selaraskan? UDA *spent* RM18 juta untuk bantu semua peniaga yang menyewa premis peniaga di bawah GLC UDA Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh buat contoh. Beritahu kepada semua GLC, buat satu dasar. Setahun tahun pertama ataupun selagi COVID-19 tidak selesai, maka GLC mesti pikul dan sambut saranan dan cadangan daripada pihak kerajaan untuk bahagi bantuan pengecualian sewa ataupun diskaun dan sebagainya.

Yang Berhormat Jempol, pendek sahaja.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Adakah Yang Berhormat Jelebu bersetuju bahawa inilah masanya pihak bank, institusi

keuangan berkorban pula kerana sebelum ini, mereka ini untung berbilion ringgit. Inilah masanya berkorban dan memberi moratorium ini dengan kadar enam bulan bukan seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari, tiga bulan moratorium itu dan kemudian untuk yang bayaran separuh adalah enam bulan. Mohon supaya ia dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Masuk dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya rumus Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana masa sudah habis, saya nak rumus.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 2,000 kakitangan kontrak KKM yang diumumkan oleh pihak kementerian. Saya nak minta tolong Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian, pihak kerajaan pastikan 2,000 kakitangan kontrak ini bila lepas pandemik, bila lepas COVID-19, serap mereka kepada kakitangan tetap kerajaan. Mereka berkorban demi negara dalam soal nyawa, dalam soal masa, dalam soal keluarga. Bila kita selamat daripada COVID-19, kita tendang mereka. *Not fair* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Serap mereka kepada jawatan tetap.

Tuan Yang di-Pertua, penutup kepada ucapan saya, saya akan sampaikan kesemua teks yang tidak sempat ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk diambil berat dan dijawab dalam penggulungan Menteri. Saya nak tutup Tuan Yang di-Pertua. Saya mengharapkan agar kesemua perkara yang telah saya sebutkan pada hari ini dan oleh Ahli Dewan Rakyat yang lain mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan.

Ketepikan dahulu secara total soal perbezaan politik dan ideologi. Ini masanya untuk kita mencari titik persamaan dan berganding bahu berperang dengan ketidakstabilan ekonomi akibat daripada pandemik ini. Tautkan tangan-tangan kuasa yang berada dalam negara kita demi kepentingan dan kebajikan rakyat. Saya harap itu berlaku. Semoga kita peroleh kejayaan dan Malaysia kembali pulih seperti sedia kala.

Saya zahirkan Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya zahirkan sokongan ini, saya harap supaya pihak kerajaan mengambil berat kepada dua isu utama yakni tentang moratorium diperluaskan ke semua agensi, TEKUN, AIM, pusat kredit dan bank kredit. Tentang KWSP, buat *once for all*. Ini bukan keputusan besar. Ini keputusan yang kecil. Lebih besar dan lebih banyak daripada itu kerajaan boleh penuhi, boleh tunaikan demi kepentingan rakyat, apatah lagi dua isu yang tentunya tidak memberi bebanan ekonomi yang terlalu besar kepada pihak kerajaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah merupakan tidak lain dan tidak bukan, demi negara dan kestabilan politik, ekonomi dan yang penting sekali ialah demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat dalam negara yang sudah lama merdeka ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2021. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Jelebu, berkobar-kobar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Subang. Silakan.

12.14 tgh.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2021. Sebelum saya bermula, saya menerima baik nasihat dan pesanan Yang di-Pertuan Agong dalam perkara belanjawan untuk memberi kepentingan kepada rakyat dan negara demi mengatasi pandemik COVID-19.

Dengan pesanan tersebut di hati, saya telah bersetuju bersama wakil-wakil lain daripada Pakatan Harapan untuk bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1 November 2020. Dalam perjumpaan tersebut, Yang Berhormat Menteri telah mengambil satu pendekatan yang baik, memberi maklum balas poin demi poin kepada *PowerPoint* yang saya bantangkan. Sikap yang cukup profesional. Perjumpaan tersebut boleh dianggap sebagai satu sesi konsultasi yang berjaya.

Namun demikian, selepas itu, Pakatan Harapan tidak menerima apa-apa *feedback* lanjutan daripada Yang Berhormat Menteri. Tidak ada *follow-up meeting* dan yang mengecewakan adalah pada ucapan pembentangan belanjawan pada 6 November, Yang Berhormat Menteri tidak rujuk langsung secara terus kepada enam cadangan utama Pakatan Harapan.

Saya risau sejarah akan mencatatkan perjumpaan konsultasi tersebut yang cukup luar biasa. Sebagai satu dengan izin, *public relation exercise*. Dalam ucapan ini, saya akan memberi pandangan-pandangan yang lain khususnya tentang politik belanjawan. Kedua, status pandemik COVID-19 dan ketiga, beberapa komen tentang tinjauan dan cadangan saya untuk fiskal.

Belanjawan 2021 sepatutnya merupakan belanjawan yang luar biasa iaitu belanjawan terbesar, RM322.5 bilion. Belanjawan mengembang khas untuk mengatasi–Matlamat utama, mengatasi pandemik COVID-19 dengan izin, *the largest ever expansionary budget to fight COVID-19*. Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan jelas terpesong daripada matlamat utama ini. Ia lebih merupakan satu belanjawan mengembang biasa yang ada agenda politik seperti peruntukan besar untuk JASA dan PeKT. Saya risau keadaan politik yang rumit kini akan berterusan sekiranya belanjawan ini diluluskan tanpa pindaan-pindaan yang munasabah.

Bermula dengan '*Langkah Sheraton*', negara kita sekarang menyaksikan arena politik yang kucar-kacir di mana ada pembangkang yang sebenarnya menyokong kerajaan dan ada pula Ahli Parlimen kerajaan yang menyokong pembangkang. Dalam

konteks ini, perbincangan Belanjawan 2021 telah menjadi satu medan perang politik. Tuan Yang di-Pertua sendiri, bukan Tuan Yang di-Pertua inilah- Ini baik. *[Ketawa]* Telah memberi tafsiran yang tidak betul...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tahu tak apa.

Tuan Wong Chen [Subang]: ...Dengan mengatakan bahawa pihak pembangkang tidak boleh mengusulkan undi tidak percaya tanpa kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan pihak kerajaan. *Process-driven* dia *correct*, tetapi in *the spirit of the constitution*, memang salah. Ramai di kalangan kita tidak bersetuju dengan pandangan ini, termasuk Ahli Parlimen senior, Yang Berhormat Gua Musang. Majoriti besar pakar-pakar Perlembagaan berpendapat bahawa undi tidak percaya merupakan satu hak asas tunggal demokrasi untuk menguji kesahihan kerajaan. Kerajaan yang terus berkuasa tanpa majoriti bukanlah pemerintah yang demokratik. Apalagi kerajaan ini bermula kuasa melalui pintu belakang.

Jika Ahli Parlimen tiada jalan lain untuk mengusulkan undi tidak percaya, maka opsyen terakhir untuk menguji kesahihan kerajaan adalah melalui pengundian rang undang-undang ini. Jadi, apakah penyelesaian untuk kebuntuan isu politik dan belanjawan ini? Jika pihak Tuan Yang di-Pertua dan kerajaan bersetuju untuk membenarkan masa separuh hari kepada pembangkang untuk usul *private members* setiap minggu Parlimen bersidang seperti yang diamalkan di Parlimen United Kingdom, di mana kita diberi jaminan peluang untuk membawa usul-usul *private members* termasuk usul undi tidak percaya, maka perkara ini boleh selesai secara aman. Perbincangan belanjawan ini akan berhenti menjadi medan perang politik dan kembali kepada asasnya sebagai perkara mengenai kewangan tahunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih fokus kepada konteks pandemik COVID-19 dalam belanjawan ini. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, belanjawan yang mengembang ini sepatutnya bertujuan utama untuk mengatasi pandemik COVID-19. Langkah yang pertama, kalau kita nak sediakan belanjawan, adalah untuk membuat unjuran tepat keadaan situasi COVID-19 untuk tahun hadapan. Adakah pandemik ini akan terus merebak atau ia akan mula menyurut pada tahun 2021? Dengan izin, *I don't have a crystal ball*, tetapi kebanyakan pakar kesihatan awam, pakar ekonomi, pakar-pakar dasar lebih kurang meramalkan senario seperti berikut untuk tahun 2021.

Pertama, dua hari yang lalu kami telah melihat sebuah berita terbaik mengenai vaksin Pfizer dan BioNTech. Ia didapati efektif pada tahap 90 peratus. Akan tetapi, vaksin ini masih belum diluluskan dengan sepenuhnya. Mengikut WHO, terdapat 170 pasukan di seluruh dunia yang cuba menghasilkan vaksin COVID-19.

■1220

Daripada ini, 11 pasukan termasuk Pfizer, BioNTech adalah berada pada tahap *testing* biru ataupun fasa ketiga sebelum kelulusan penuh. Pasukan Oxford, pasukan Moderna dan pasukan SinoPharm adalah di antara pasukan yang paling ke depan dalam inisiatif ini. Ramai pakar kesihatan membuat ramalan bahawa vaksin Pfizer, BioNTech ini akan diluluskan pada pertengahan bulan depan. Dengan izin, *approve just before Christmas* tetapi vaksin ini memerlukan *storage -80°C*. Ini akan cukup merumitkan penyimpanan vaksin ini, pengedarannya susah dan kerja inokulasi itu memang *impossible*. Lagipun syarikat Pfizer ini tidak ada kapasiti untuk mengilang berbilion-bilion vaksin yang diperlukan oleh sedunia.

Sebagai bandingan, kumpulan SinoPharm dari negara China yang sedang membuat ujian besar-besaran di Brazil dan Indonesia, hanya mempunyai kapasiti mengeluarkan satu bilion vaksin tahun depan. Dunia ini ada 7.7 bilion manusia dan setiap satu memerlukan dua suntikan vaksin. Oleh yang demikian, walaupun berapa vaksin diramal akan mendapat kelulusan tahun depan, isu berapa banyak vaksin yang boleh dikilangkan, isu *supply and demand*, isu negara mana yang akan dapat vaksin terdahulu, isu harga, isu kewangan, isu pengedaran dan isu kerja inokulasi adalah cabaran-cabaran logistik dan kewangan yang tersangat hebat dan perlu diatasi.

Senario yang paling berkemungkinan dengan izin, *the likeliest scenario* untuk tahun depan adalah kita dapat empat ke enam vaksin diluluskan pada suku pertama tahun 2021. Proses penghasilan, perolehan, pengedaran, kerja inokulasi mengambil sekurang-kurangnya enam bulan selepas itu, iaitu sampai ke hujung suku ketiga 2021. Jika Malaysia bernasib baik dan kita akan mula dapat membendung pandemik ini pada akhir suku keempat tahun 2021. Daripada situ kita akan mula melihat aktiviti sosio dan ekonomi pulih kepada normal.

Justeru, belanjawan COVID-19 di depan kita ini untuk tahun 2021 mestilah dibuat khususnya untuk mengambil kira senario tersebut. Kita perlu terus berwaspada sekurang-kurangnya selama tempoh sembilan bulan pertama tahun 2021 di mana pandemik COVID-19 masih merupakan ancaman yang besar. Dalam pertimbangan senario tersebut, kita tertanya, berapa banyakkah dana yang diperlukan untuk Parlimen luluskan. Menurut dokumen belanjawan, kerajaan bercadang untuk membelanjakan 28 bilion untuk keseluruhan tahun ini iaitu tahun 2020 untuk pandemik. Itulah Tabung Kumpulan Wang COVID-19 ya.

Bagi tahun 2021 pula, kerajaan mencadangkan peruntukan dana sebanyak RM17 bilion. Adakah ini mencukupi? Kita kena lihat dulu, kena nilai dulu keberkesanan RM28 bilion yang digunakan untuk tahun ini. Adakah tahap Subsidi Upah dan pemberian Bantuan Prihatin Nasional untuk tahun 2020 ini cukup? Jawapannya adalah tidak. Ini disebabkan pengangguran terus meningkat, majoriti syarikat masih separuh

hidup, sampai meminta lanjutan moratorium bank, kesengsaraan M40 dan B40 juga jelas yang mana ramai sekarang meminta kerajaan membenarkan mereka untuk mengeluarkan wang pencen KWSP. Apa yang jelas adalah RM28 bilion memang tidak cukup untuk tahun 2020. Oleh demikian, kenapa pula kerajaan ini berhasrat untuk mengurangkan dana hingga ke RM17 bilion sahaja untuk tahun 2021? Tidak masuk logik. Kita kena *face* pandemik ini sembilan bulan yang sangat susah sebelum vaksin boleh mempunyai satu *positive impact*. Jadi, berapa banyakkah yang kita harus belanjakan untuk tahun 2021?

Saya mencadangkan kerajaan meningkatkan Kumpulan Wang COVID-19 sebanyak 30 peratus. *I am not asking for the sky. This is a logical request.* Sebanyak 30 peratus sahaja iaitu Kumpulan Wang COVID-19 perlu dinaikkan daripada RM17 bilion ke RM36 bilion. Dengan penambahan RM19 bilion ini kepada Tabung Kumpulan Wang COVID-19, kita boleh beli vaksin secukupnya. Kalau kita kena guna RM3 bilion, guna RM3 bilion. Subsidi Upah dan Bantuan Prihatin Nasional boleh ditingkatkan sehingga syarikat tidak perlu minta moratorium. Kalau kita bayar gaji dia, tidak payahlah dia pergi bank minta moratorium dan rakyat tidak perlu terdesak sampai mengeluarkan wang pencen KWSP. Kalau Bantuan Prihatin Nasional ini cukup, *why do they need to go to KWSP* dan ambil keluar pencennya.

Dengan penambahan RM19 bilion ini, Malaysia boleh melakukan *mass testing* seperti yang diamalkan oleh negara China, Hong Kong dan Slovakia. Kalau kita membuat tiga juta ujian sehari, kesemua penduduk Malaysia akan dapat diuji dalam tempoh sepuluh hari sahaja. Ini akan membenarkan Malaysia untuk menekan satu *reset button* kepada ekonomi kita. Kalau kos ini adalah RM3 bilion, ia adalah kos yang cukup berbaloi sebab setiap minggu kita hilang RM4 bilion sampai RM5 bilion pendapatan. Daripada manakah kita akan dapatkan wang ini? Orang kata *you* boleh cakaplah hendak minta banyak – Daripada mana? Parlimen ini, senang boleh mengurangkan perbelanjaan pembangunan ‘devex’ di dalam belanjawan ini iaitu pada tahap RM71 bilion, boleh dikurangkan ke RM50 bilion, campur RM2 bilion kontingensi yang mana RM19 bilion ini dipindahkan ke Kumpulan Wang COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya belanjawan pembangunan pada tahap RM50 bilion sahaja. Kita semua tahu bahawa ‘devex’ *spending* adalah sesuatu yang bakal memberi manfaat *economic multiplier* kepada rakyat. Akan tetapi *the history has shown in Malaysia*, sekiranya devex ini dilakukan secara *corrupt*, dilakukan tanpa *open tender*, maka manfaat ini akan lebih menguntungkan kroni-kroni politik. Negara kita sedang menghadapi krisis luar biasa. Rakyat biasa, susah. Majoriti syarikat yang biasanya pun susah. Kenapa pula kerajaan ini memberikan kepentingan kepada perbelanjaan devex yang lebih memanfaatkan kroni sampai ke RM71 bilion.

Oleh yang demikian, saya mintalah daripada sebelah sana [*Merujuk kepada blok kerajaan*] juga, semua Ahli Parlimen di dalam Dewan ini, tidak payah kita buat moratorium, tidak payah kita isu- berdebat tentang isu KWSP, sokong cadangan saya, *transfer* RM19 bilion daripada *Development Expenditure (devex)* ini, masuk ke tabung COVID-19. Dengan itu kita boleh selesaikan semua perkara [*Tepuk*].

Di samping Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin meluahkan kekecewaan saya kepada Menteri Kewangan kerana telah menggunakan dengan izin, *creative fiscal projection* untuk mengelirukan Dewan yang mulia ini dengan membuat unjuran hasil kerajaan yang terlalu optimistik. Unjuran cukai pendapatan korporat dan individu adalah terlalu tinggi. Pada perkiraan saya, unjuran lebihan adalah sebanyak RM25 bilion iaitu lebihan RM15 bilion daripada cukai korporat dan lebihan RM10 bilion daripada cukai individu. Ini harus dibetulkan. Saya tiada halangan sekiranya dana RM25 bilion ini diperolehi melalui terbitan bon dan sukuk. Saya tidak ada masalah langsung dengan perbelanjaan yang mengembang (*expansionary budget*) yang dibiayai melalui sukuk dan bon untuk tahun 2021. Akan tetapi janganlah dengan izin, *insult our intelligence* dengan unjuran hasil yang tidak realistik [*Tepuk*].

Akhir sekali, saya hendak tegur sedikit ucapan bajet Menteri yang pada keseluruhannya tidak berbunyi inklusif. Saya tidak bersetuju apabila Menteri Kewangan, seorang profesional teknokrat dan bukannya seorang *politician*, membentangkan belanjawan yang membahagikan rakyat berdasarkan kaum masing-masing. Ucapan belanjawan Menteri memang tidak sesuai bagi sebuah negara yang berbilang kaum, yang sedang menghadapi cabaran luar biasa pandemik COVID-19. Virus COVID-19 ini tidak memilih mangsanya berdasarkan kaum. Oleh itu belanjawan khas 2021 untuk mencegah COVID-19 tidak patut diucapkan dalam kerangka perkauman.

Dengan itu, masa saya sudah habis. Tuan Yang di-Pertua, saya menerima nasihat baik Yang di-Pertuan Agong. Saya akan menyokong belanjawan sekiranya kerajaan memenuhi tiga syarat. Pertama, masa *private member's bill* dijamin supaya usul tidak percaya boleh dilakukan untuk mempertahankan Perlembagaan kita [*Tepuk*]. Kedua, pembetulan dilakukan segera terhadap unjuran hasil *corporate income tax* dan individu. Ketiga, pemindahan peruntukan RM19 bilion daripada perbelanjaan pembangunan kepada Kumpulan Wang COVID-19. Terima kasih.

■1230

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Satu perbahasan yang agak unik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bachok. Silakan.

12.30 tgh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim, [Berselawat].* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya dan memberi peluang untuk turut membahaskan Belanjawan 2021 di peringkat dasar.

Izinkan saya sebagaimana biasa memulakan dengan memetik sepotong ayat suci Al-Quran yang pendek sahaja tetapi penuh isi dan peringatan, *insya-Allah*. Firman Allah Taala, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Surah Az-Zariyat ayat 22 yang bermaksud “*Dan di langit itu ada rezeki untuk kamu dan apa yang dijanjikan kepada kamu daripada perkara yang baik ataupun perkara yang buruk.*”

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan bajet bererti kita berkira-kira mengenai rezeki kita dalam kehidupan kita seharian. Walaupun sepertinya kita asyik bertumpu kepada segala usaha dan keringat kita di bumi dan negara kita ini tetapi sayugia untuk kita tidak lupa dan alpa bagaimana langit di atas kepala kitalah sebenarnya menjadi punca utama rezeki kita. Allah-lah Tuhan yang telah menurunkan hujan, sekehendak dan semahunya tanpa sedikit campur tangan daripada kita.

Kemudian apabila Allah memudahkan laluan untuk kita meneroka angkasa raya, kita diberi pula rezeki baru melalui sains berasaskan gelombang raya yang akhirnya mencetuskan teknologi digital dan internet yang telah banyak membantu memajukan kehidupan manusia hari ini. Maka Allah mengingatkan kita agar sentiasa mengingati pesan dan janjinya sama ada yang baik atau buruk agar kita sentiasa mengingati dan bersyukur kepadanya.

Justeru marilah kita, saat kita berkira-kira mengenai belanjawan kali ini, bersama-sama merafakkan rasa syukur kepada Allah Taala dengan berusaha menyusun dan melaksanakan projek-projek untuk rakyat dengan penuh berhemat dan pada jalan yang benar, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pembentangan belanjawan kali ini merupakan sesuatu yang dinantikan oleh seluruh rakyat Malaysia selepas berhadapan dengan impak besar ekoran penularan pandemik COVID-19 sejak gelombang kedua yang berlaku pada Mac yang lepas.

Walaupun saiz bajet kali ini adalah terbesar berbanding sebelumnya tetapi ia hanyalah pertambahan kurang RM10 bilion berbanding Belanjawan 2019 pada zaman Kerajaan PH dahulu. Sememangnya wujud kekusaran apakah kita mampu memacu pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara dengan jumlah tersebut. Memandangkan musibah pandemik COVID-19 ini agak sukar untuk diramal penghujungnya. Bersamalah kita berusaha dan berdoa semoga wabak ini berakhir dengan cepat, *insya-Allah*.

Kita memahami disebabkan faktor ketidaktentuan ekonomi global dan domestik, paras KDNK negara kita diunjurkan negatif 4.5 peratus pada tahun ini dengan IMF dan

Bank Dunia mengunjurkan KDNK negara pada paras yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, paras ini sebenarnya adalah satu lonjakan berbanding negatif 17 peratus yang dicatatkan pada suku kedua tahun ini. Defisit fiskal pada tahun 2020 juga berada pada paras yang tinggi iaitu enam peratus disebabkan oleh pengurangan harga minyak mentah yang mengalami penurunan daripada anggaran asal USD62 setong kepada USD40 setong.

Perkara ini turut disokong oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi yang menelan belanja keseluruhan sehingga RM305 bilion dengan RM55 bilion adalah melalui suntikan fiskal. Kesemua ini adalah cabaran ekonomi semasa yang dihadapi oleh pihak kerajaan. Walaupun begitu, Kementerian Kewangan mengunjurkan paras KDNK negara akan kembali mengukuh pada tahun hadapan pada paras 6.5 peratus sehingga 7.5 peratus. Saya melihat ia satu unjuran yang positif dan berani yang dilakukan oleh pihak kementerian.

Namun saya bersetuju dengan beberapa pandangan yang telah dikemukakan sebelum ini bahawa kerajaan perlu bersedia dengan sebarang ketidakpastian ekonomi dengan pandemik COVID-19 yang masih belum reda. Ramai pemerhati ekonomi mengguna pakai konsep *Black Swan* yang dipelopori oleh Nassim Nicholas Taleb yang menganggap bahawa sesuatu krisis sukar untuk diramal bila akan berlaku.

Dalam konteks penularan COVID-19 dan impak ekonomi pada tahun hadapan, sebagai mana pandangan ahli ekonomi yang lain pula, saya suka untuk mengguna pakai konsep *White Swan* yang lihat bahawa sesungguhnya krisis yang kita sedang hadapi ini adalah suatu yang *predictable*, tidak lagi diluar jangkaan kerana kita sedang merasainya kini. Justeru kesediaan kepada *worst case scenario* melibatkan pelbagai *contingency planning* tetap perlu dirangka bagi menghadapi kemungkinan ekonomi yang lebih parah kelak. Walau bagaimanapun, kita berharap agar ekonomi dapat dipulihkan serta pandemik ini segera berakhir *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap cara kita menangani dan menguruskan wabak COVID-19 ini. Saya sedikit sangsi apakah usaha dan pelan menangani COVID-19 ini diselaraskan dengan baik dan tepat bersama usaha dan pelan pemulihan ekonomi negara yang disebabkan oleh wabak COVID-19 ini. Hari-hari awal kita semenjak Mac 2020 kita telah mulakan dengan membekukan pergerakan rakyat dan ekonomi demi memastikan agar wabak ini tidak menjadi pembunuh utama di negara kita dan kita telah berjaya. Akan tetapi tentunya kita terpaksa membayarnya dengan aliran pergerakan dan aktiviti ekonomi yang amat lemah sehingga kita terpaksa melakukan suntikan fiskal berpuluh bilion demi membantu rakyat dan mencairkan ekonomi negara kita yang beku.

Akan tetapi, kita sering diingatkan bahawa pandemik ini akan sentiasa mengancam kita dengan gelombang baharu yang boleh menyerang kita semula di atas

sedikit kesilapan yang tidak kita sengajakan. Ini benar-benar berlaku selepas itu. Di negeri Sabah misalnya walaupun kita telah begitu berusaha mengawal sempadan negara kita, ia berlaku pula di penjara di sebuah penjara di negeri Kedah pada saat kita mengetatkan kawalan di luar penjara. Kini gelombang COVID-19 yang lebih besar sedang kita hadapi sehingga PKPB dikuatkuasakan semula di hampir seluruh negara.

Butiran utama yang ingin saya lontarkan adalah apakah PKP ini akan menjadi senjata kita pada setiap kali gelombang baharu COVID-19 berlaku. PKP bererti kawalan pergerakan rakyat yang juga bererti membekukan aktiviti ekonomi untuk rakyat teramai. Saya melihat pelan pemulihan ekonomi yang dirancang oleh kerajaan akan berhadapan kebuntuan jika PKP ini terus dijadikan senjata utama kita. Harapan saya kita harus pergi kepada mekanisme baharu yang lebih bersifat mesra usaha pemulihan ekonomi negara atau jika PKP itu suatu keterpaksaan jua, maka nilaikan lah balik syarat-syarat dan SOP-nya yang tidaklah begitu mengganggu proses pemulihan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita terlalu menakutkan rakyat secara melampau dengan pandemik COVID-19 ini. Ketakutan melampau akan mendorong salah menyalah dan rasa tidak puas hati terhadap semua perkara dan di antara kita. Hantarkan mesej yang lebih positif kepada rakyat bahawa segala wabak itu akan berakhir jua dengan izin Allah. Hadapinya bahawa ia datang daripada Allah sebagai ujian agar kita kembali kepadanya dengan penuh insaf.

Hadapinya dengan penuh tenang dan yakin. Terlalu takut adalah penyakit di atas penyakit. Terlalu obses untuk segera sembuh juga adalah penyakit di atas penyakit. Lakukan sesuatu dengan sederhana. Kesederhanaan itulah yang akan memberi ketenangan sebenar dalam kehidupan kita. Hidup ini senang dan susah, bersilih ganti baik dan buruk. Layarinya dengan tenang di laut takdir Tuhan yang tenang, selama mana kita beriman kepada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rancangan kementerian bagi projek pembangunan ekonomi di lima buah wilayah koridor khususnya di wilayah Pantai Timur. Perkara ini melibatkan peruntukan pembangunan pembinaan jambatan Palekbang ke Kota Bharu, Kelantan serta projek *central spine road* di jajaran baru negeri Kelantan dan Pahang. *Aspects spillover development*, atau aliran luar pembangunan ini sangat penting bagi memastikan kemajuan wilayah-wilayah yang seimbang.

Dalam perkara ini saya mengharapkan agar kerajaan memberikan perhatian yang khusus terhadap pelaksanaan projek ECRL dan pembinaan LPT3 bersambung sehingga ke negeri Kelantan. Pembangunan projek-projek ini sangat mustahak bagi memastikan aspek keseimbangan pembangunan wilayah dapat dicapai dengan sempurna.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, selain soal projek-projek pembangunan yang saya nyatakan tadi, kerajaan juga wajar memikirkan pelan bagi merancakkan sektor pelancongan domestik dengan menambah baik pelbagai prasarana pelancongan yang ada. Pelaksanaan PKPB kepada hampir keseluruhan negeri di bahagian Semenanjung tempoh hari telah memberi impak mengejut kepada penggiat industri pelancongan tempatan yang mengalami pembatalan secara besar-besaran oleh pengguna tempatan. Ini juga suatu yang perlu diteliti dan dilihat dengan mendalam oleh pihak kementerian yang berkaitan. Industri pelancongan domestik ini telah mengalami kerugian puluhan juta ringgit tahun ini disebabkan pelaksanaan PKP bermula Mac yang lalu. Tidak mustahil tempas daripada pelaksanaan PKPB yang baharu ini memberi kesan negatif berganda kepada industri tersebut.

Rancangan kerajaan untuk menarik ramai komuniti setempat sebagai juru pandu pelancong dalam merancakkan segmen ekopelancongan negara merupakan suatu yang sangat baik. Saya turut mengharapkan agar kerajaan dapat memberikan tumpuan penyelenggaraan dan kemudahan pelancongan yang lebih berstrategik dengan membuka tempat pelancongan baharu bagi mempelbagaikan pilihan pelancongan domestik kepada rakyat negara kita. Fasa ini kerancakan pelancongan domestik boleh menjadi suatu tarikan bagi mengukuhkan semula aktiviti ekonomi. Rakyat perlu digalakkan melancong dalam negara bagi memastikan pusingan kitaran ekonomi berlaku dengan rancak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik peruntukan RM1.4 bilion yang disalurkan bagi pembangunan syiar Islam. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai rancangan terhadap pemerkasaan nilai-nilai agama, khususnya dalam kalangan anak muda hari ini. Apakah bentuk kerangka dan visi baharu dalam menanggapi keruntuhan akhlak dan moral sesetengah anak muda negara kita? Mohon penjelasan pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM20 juta bagi meneruskan pemilikan sijil Minyak Sawit Mampan serta geran padanan RM30 juta dalam meningkatkan prospek pelaburan mekanisasi dan automasi merupakan langkah yang penting bagi meningkatkan pembangunan industri sawit negara ini. Walaupun berdepan dengan cabaran pemboikotan sawit daripada negara-negara Kesatuan Eropah serta ketidaktentuan ekonomi global, kita masih berjaya mengekalkan daya tahan pasaran sawit, khususnya di peringkat global. Permintaan daripada dua pengimport utama sawit iaitu China dan India terus mengalami trend peningkatan. Tambahan lagi minggu lalu menyaksikan harga minyak sawit mentah (MSM) negara telah meningkat kepada RM3,429 satu tan. Ini adalah harga tertinggi yang pernah dicapai oleh pihak

kementerian sejak Mei 2012. Kredit harus diberikan kepada pihak kementerian yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan hasrat pesawit negara dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pencemaran air di sumber loji rawatan air (LRA) masih pada tahap yang membimbangkan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air menunjukkan jumlah penguatkuasaan yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar sehingga 30 September 2020 adalah 1,159 buah premis dengan 636 ataupun lebih separuh daripadanya telah dikenakan tindakan undang-undang disebabkan oleh pencemaran air. Saya menyanjung usaha yang berterusan oleh pihak kementerian dan Jabatan Alam Sekitar dalam usaha menangani isu pencemaran air di sumber LRA ini. Namun, ia perlu kepada suatu pelaksanaan secara bersepadu melibatkan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Malah, pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekitar dan Akta Industri Perkhidmatan Air perlu dilaksanakan berdasarkan prinsip *polluter pays principle* (PPP) bagi memastikan mereka bukan sahaja bertanggungjawab untuk membayar jumlah penalti yang tinggi, bahkan juga perlu bertanggungjawab terhadap keseluruhan kesan pencemaran yang telah dilakukan oleh mereka.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan langkah kerajaan melaksanakan inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang bertujuan memastikan pencapaian internet di sejumlah 430 buah sekolah di seluruh Malaysia serta peruntukan tambahan terhadap Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia berjumlah RM7.4 bilion untuk memperluaskan capaian jalur lebar negara. Peruntukan ini sememangnya besar dan penting untuk dilaksanakan. Seluruh dunia kini bergerak cepat kepada teknologi digital dan semestinya kita juga sedang turut merasai kesannya yang baik. Akan tetapi malangnya ia masih berputar di persekitaran bandar sahaja. Manakala di luar bandar ia masih lemah, malah secara tidak langsung membantut perhubungan dan jaringan pendidikan dan ekonomi rakyat. Aktiviti persekolahan dalam talian, perniagaan dalam talian dan sebagainya yang amat didambakan pada saat kita dilanda pandemik besar ini menjadi tergendala. Saya bersetuju dengan peruntukan ini. Cuma, apakah mekanisme yang dicadangkan atau telah dirangka oleh pihak kementerian dengan inisiatif JENDELA ini?

Begitu juga peruntukan besar RM7.4 bilion bagi memperluaskan perkhidmatan jalur lebar. Masih terdapat banyak tempat capaian internet yang lemah selepas pelbagai peruntukan disalurkan, termasuklah di kawasan saya, Parlimen Bachok. Bagaimana pula perkembangan— Saya ingin penjelasan status projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) serta projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) sehingga hari ini. Sudah tentu kita perlu lebih teliti supaya peruntukan disalurkan dapat mencapai tujuan yang digariskan.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2021, bersyarat ataupun tanpa syarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Kinabalu. Silakan.

12.46 tgh.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada Kota Kinabalu untuk menyertai perbahasan peringkat dasar untuk Belanjawan 2021.

Pertama sekali, saya ingin berbahas tentang peruntukan untuk kesihatan. Sabah merupakan negeri yang paling menderita akibat penularan wabak COVID-19 ini. Kita ada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), tempohnya yang paling lama di Sabah yang bermula daripada 13 Oktober hingga ke 6 Disember. Setakat 9 November 2020, kes yang sah positif COVID-19 di Sabah adalah melebihi 20,000 orang pesakit, jumlah pesakit yang paling tinggi di Malaysia. Dengan demikian, jelas sekali peruntukan yang mendesak bagi menangani krisis kesihatan yang berlaku di Sabah ini harus diberikan keutamaan yang sewajarnya.

Secara hakikatnya, Sabah telah lama menghadapi masalah sistem kesihatan awam sebelum penularan wabak COVID-19. Lebih satu per tiga penduduk Sabah tinggal lebih lima kilometer daripada segala jenis kemudahan kesihatan. Kekurangan pakar dan peralatan perubatan memaksa pesakit yang ingin menerima rawatan atau rawatan lanjutan terpaksa dirujuk ke hospital kerajaan yang berada jauh dari rumah kediaman. Setakat ini terdapat 24 hospital kerajaan dan 300 klinik kesihatan kerajaan di seluruh Sabah tetapi masih tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan rakyat negeri ini.

Nisbah rasmi doktor dengan penduduk di Sabah iaitu seorang doktor kepada 856 orang penduduk, berbanding dengan satu kepada 454 pada peringkat nasional. Menimbulkan cabaran kepada hospital dan barisan hadapan apabila kes baharu COVID-19 meningkat mendadak setiap hari. Ramai anggota kesihatan dan *frontliners* di Sabah terjangkit. Barisan hadapan yang sihat terpaksa bekerja lebih masa dan secara berterusan bagi menampung keperluan pekerja kesihatan, terutamanya di hospital di sekitar Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau.

Hospital kerajaan di sekitar Kota Kinabalu dan Sandakan pula terpaksa menutup klinik pakar bagi memberi tumpuan sepenuhnya kepada pesakit COVID-19. Ada yang seketika sampai 72 peratus daripada *intensive care unit* (ICU) adalah *occupied*. Ini mungkin menyebabkan ada juga pesakit dengan penyakit kronik yang lain tidak dapat menerima rawatan yang sewajarnya. Disebabkan kekurangan infrastruktur kesihatan, baik alat ujian, saringan atau katil pesakit, dilaporkan lebih 10,000 *backlog* ujian pernah tertangguh seketika. Kita pun ada 34 buah Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko

Rendah (PKRC) yang diubahsuai dari berbagai jenis aset kerajaan seperti dewan serba guna, stadium dan sebagainya untuk mengatasi kekangan tersebut.

Saya merakamkan ribuan penghargaan saya terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah bertungkus-lumus meningkatkan keupayaan mereka untuk menangani situasi di Sabah. So di sini, di atas soalan siapa yang takut mati? Selain menambah kapasiti katil untuk pesakit, ratusan anggota perubatan dan kesihatan awam dari merata Malaysia turut dikerahkan ke Sabah bagi membendung situasi penularan pandemik di sana. Namun persoalannya, apakah rancangan dan tindakan Kerajaan Persekutuan untuk mendekatkan jurang atau *gap system* kesihatan awam di Sabah dengan peringkat nasional dalam jangka masa panjang?

■1250

Ini yang lebih penting. Saya rasa daripada kita mempersoalkan di manakah Ketua Pengarah Kesihatan atau Menteri apabila berlakunya penularan wabak di Sabah, lebih penting kita hendak tanya di manakah peruntukan untuk kesihatan di Sabah?

Dalam Belanjawan 2021 yang dibentangkan Jumaat lalu, tiada data pemecahan ataupun *breakdown*, dengan izin, perbelanjaan pembangunan bagi penjagaan kesihatan mengikut negeri-negeri. Saya ingin memohon agar Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh memberikan maklumat-maklumat pecahan tersebut terutama Sabah yang amat memerlukan peruntukan tersebut.

Kerajaan harus menyediakan kemudahan kesihatan baharu, menaik taraf kemudahan kesihatan sedia ada di seluruh Sabah dan memperkenalkan skim yang khusus untuk Sabah supaya golongan yang memerlukan mendapat akses secara optimum dalam perkhidmatan kesihatan.

Liputan penjagaan kesihatan asas di kawasan luar bandar juga perlu dipertingkatkan dengan menyediakan klinik bergerak dan pengenalan semula perkhidmatan doktor udara atau *flying doctor* yang ditamatkan Jabatan Kesihatan Sabah pada tahun 2016. Betapa baiknya kalau kita memansuhkan butiran JASA di bawah KKMM dan pindahkan anggaran sebanyak RM85 juta ini ke KKM khusus untuk pembangunan kesihatan di Sabah. Bukankah Sabah merupakan rakan kongsi setara penubuhan Malaysia lebih layak mendapat sumber kewangan yang lebih berbanding dengan unit propaganda parti pemerintah? Saya akan sokong Belanjawan 2021 jika dapat pindaan ini.

Memandangkan Sabah merupakan pusat bagi gelombang ketiga pandemik COVID-19, saya ingin mencadangkan bahawa rakyat di Sabah diberikan keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19 yang dijangka tersedia pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan krisis kesihatan yang berlarutan di Sabah, ia bermula dari arena kesihatan dan sekarang sampai ke arena sosioekonomi. Di Sabah ini, memang kadar kemiskinan antara yang tertinggi di seluruh Malaysia iaitu sebanyak

19.5 peratus isi rumah tangga berbanding dengan 5.6 peratus di peringkat nasional. Angka-angka tersebut belum termasuk rakyat yang baru *jobless* mahupun *pay cut*, apa lagi dengan golongan yang tanpa dokumen sah. Dengan latar belakang tersebut, adalah penting untuk memastikan perlindungan sosial dan kebajikan tersedia.

Bantuan makanan merupakan tanggungjawab kerajaan yang paling asas. Terdapat banyak aduan dan keluhan dari rakyat bahawa penduduk yang terkurung di beberapa kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seperti di Tawau, Semporna dan Lahad Datu sukar mendapat bantuan makanan. Dilaporkan juga bahawa pada 3 November, Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Hajiji memberi amaran keras kepada petugas di semua daerah di seluruh negeri supaya menyegerakan untuk menyampaikan bantuan makanan kepada penduduk yang terkesan akibat wabak ini.

Ini membuktikan bahawa Kerajaan GRS sendiri pun mengambil maklum terhadap proses agihan bakul makanan yang kurang berkesan dan lewat sampai kepada penerima. Di sini saya ingin merayu dan menyeru kepada Kerajaan Perikatan Nasional, *let us adopt all of government and whole of society approach* dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. Ini kita bersama. Pihak pembangkang sudi membantu dalam pengagihan bakul makanan yang bermisi *humanitarian*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan pengumuman sebanyak RM100 juta kepada *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA) untuk melengkapkan kemahiran baharu kepada tenaga kerja yang terjejas teruk akibat penutupan sempadan bagi pelancong asing agar memudahkan mereka untuk mendapat peluang ke atas sumber pendapatan baharu. Persoalan saya, bagaimanakah mereka yang berminat memohon untuk mendapatkan bantuan-bantuan ini? Apakah kursus-kursus kemahiran baharu yang diperkenalkan? Adakah disediakan prosedur-prosedur yang jelas bagi memohon? Sila Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan.

Saya juga berterima kasih kepada usaha Geran Khas Prihatin Tambahan sebanyak RM1,000 kepada lebih kurang 20,000 orang penerima di Sabah iaitu merangkumi pemandu teksi, *e-hailing*, kereta sewa dan pemandu pelancong, peniaga dan penjaja di Sabah yang terjejas teruk ekoran kekurangan kehadiran pelancong akibat COVID-19. Akan tetapi, di sini saya ingin menyeru bahawa Menteri kena lihat kepada pemandu bas sekolah. Supaya bantuan sebanyak RM1,000 ini juga sampai kepada mereka.

Ada juga laporan bahawa sehingga sekarang RM600 yang diumumkan pada Mac lalu di bawah Inisiatif PRIHATIN itu ada juga pemandu bas sekolah di Sabah belum menerimanya lagi. Namun, masih ada golongan-golongan tertentu yang berasa geran khas tersebut tidak cukup dan mendakwa Belanjawan 2021 ini tidak menghargai

sumbangan ekonomi dari sektor penerbangan, sektor perhotelan, sektor agensi pelancongan, sektor hiburan dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memulihkan ekonomi Sabah, kerajaan harus lebih banyak melabur pada projek pembangunan infrastruktur. Sebagai contoh, semasa kemelesetan besar di Amerika pada tahun 1930-an, Presiden Roosevelt mengusulkan perjanjian baharu atau *new deal* di mana kerajaan melabur lebih banyak dalam pembangunan infrastruktur untuk merangsang pemulihan ekonomi dengan cepat.

Melabur sejumlah besar untuk memerangi wabak memang dapat meringankan tekanan ekonomi masyarakat umum untuk jangka masa pendek tetapi belanjawan terbesar belum dapat membuktikan manfaat bagi Sabah dalam jangka masa panjang. Sabah sebagai negeri yang paling menderita dengan wabak ini akan menghadapi cabaran untuk keluar daripada krisis ekonomi berbanding dengan negeri lain jika kerajaan tidak memperuntukkan lebih banyak sumber untuk pembangunan Sabah.

Kerajaan Pakatan Harapan yang terdahulu meningkatkan dana pembangunan dari RM4 bilion pada tahun 2019 kepada RM5.2 bilion untuk tahun 2020 untuk Sabah. Namun, dalam Belanjawan 2021 ini, Sabah hanya diperuntukkan sebanyak RM5.1 bilion peruntukan pembangunan sedangkan Belanjawan 2021 ini dikatakan belanjawan yang paling besar, mencecah rekod sejarah dengan perbelanjaan lebih RM300 bilion.

Tiada projek berimpak tinggi di Sabah selain satu atau dua seperti projek pembesaran Pelabuhan Sepanggar dan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo di teruskan di Sabah. *So, it's nothing new.* Bukan sahaja tiada projek infrastruktur yang baru untuk Sabah, kerajaan juga mengurangkan peruntukan pembangunan jalan raya untuk Sabah. Saya rasa Ahli Parlimen Kinabatangan yang juga merangkap Menteri Kerja Raya Sabah ini mesti tanya kepada penurunan secara drastik perbelanjaan pembangunan untuk jalan raya di Sabah.

Seperti contoh, butiran jalan-jalan besar di Sabah turun daripada RM60 juta pada tahun 2020 kepada RM100 sahaja pada tahun 2021. Saya kurang pasti, ini *typo* atau tidak. Menaik taraf dan pemulihan jalan turun daripada RM210 juta kepada RM32 juta untuk tahun depan dan pembinaan jalan-jalan turun juga daripada RM106 juta pada tahun 2020 kepada RM34 juta pada tahun 2021. Keseluruhannya, dikurangkan daripada RM412 juta kepada RM153 juta untuk peruntukan pembangunan jalan raya dan jambatan di Sabah. Macam mana saya hendak menyokong Belanjawan 2021 ini dengan penurunan drastik untuk perbelanjaan pembangunan jalan raya di Sabah.

Kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Sumber Asli, saya mendapati masih terdapat peruntukan pembangunan sebanyak RM458.87 juta Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Saya ingin bertanya, apakah yang berlaku dengan proses pengambilan semula SESB oleh Kerajaan Negeri Sabah? Manakala sebanyak RM7

juta yang diperuntukkan untuk program kecekapan tenaga dan tenaga diperbaharui, bagaimanakah ia akan diagihkan dan berapakah akan diagihkan kepada Sabah?

Kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air. Terdapat peningkatan peruntukan yang agak mendadak bagi Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu dari RM9 juta pada tahun 2020 kepada RM1.1 bilion pada tahun depan. Sudah tentu pengurangan banjir adalah penting dan saya ingin bertanya, bagaimanakah ini dapat dilakukan untuk mengelakkan berlakunya banjir di kawasan Kota Kinabalu terutamanya di kawasan Lido?

Kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Pada tahun 2016, mantan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan telah mengumumkan bahawa *Bus Rapid Transit* (BRT) akan disediakan di Kota Kinabalu dengan perbelanjaan sebanyak RM1 bilion tetapi sehingga sekarang masih tiada perkembangan. Apakah program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) yang disebut dalam ucapan bajet Menteri Kewangan? Bagaimanakah ia dapat menambah baik sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu?

Saya ingin bertanya berkenaan program Dana Bantuan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) dan insentif untuk pas bulanan tambahan My100 atau My50. Adakah program-program atau insentif tersebut akan dipanjangkan kepada rakyat di Sabah dan bilakah ia akan dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 ini seharusnya dilihat sebagai belanjawan perpaduan yang merentasi parti kerajaan dan pembangkang. Malah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menzahirkan harapan kematangan berpolitik disemarakan demi keselamatan dan kebajikan rakyat serta kesejahteraan negara yang amat terkesan akibat bencana wabak COVID-19.

■1300

Dengan kata-kata demikian, saya berharap Kerajaan Perikatan Nasional dapat membuat pindaan Belanjawan 2021 dengan mempertimbangkan enam cadangan utama daripada Pakatan Harapan daripada pihak sebelah sini. [*Merujuk kepada blok pembangkang*] Yang pentingnya, melanjutkan tempoh moratorium enam bulan lagi, memansuhkan butiran JASA dan sebagainya.

Harap dengan memupuk semangat *bipartisanship* memenuhi hasrat rakyat dan Yang di-Pertuan Agong dan menyambut seruan Yang di-Pertuan Agong untuk mengetepikan perbezaan dan kepentingan parti atau peribadi demi kelangsungan negara pada saat-saat genting wabak COVID-19 ini.

Saya mengesyorkan ini bermula dengan satu *gesture* yang baik daripada Perikatan Nasional supaya tidak bertanding di PRN Batu Sapi yang akan datang selepas meninggalnya Mantan Menteri Undang-undang, Yang Berhormat Datuk VK Liew. Ini membuka peluang untuk pentadbiran nasional. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan Yang Berhormat. Tinggal selama 12 saat sahaja.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, ini – sekian, terima kasih. Ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Cameron Highlands. Selama 15 minit.

1.01 tgh.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi kesempatan kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu Cameron Highlands ingin merakamkan ucapan terima kasih bagi Belanjawan 2021 yang bermatlamat kesejahteraan rakyat terutamanya peruntukan bagi pertama komuniti Orang Asli sebanyak RM158 juta untuk program bantuan sosial, Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli, infrastruktur jalan perhubungan, dan pembinaan tadika. Kedua, kerja-kerja ukur tanah sebanyak RM5 juta untuk penanda sempadan di sejumlah 21 buah kampung Orang Asli.

Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan budaya masyarakat Orang Asli ini dia akan terima apa yang diberi. Dia tidak sampai hati untuk menyebut kerana menghormati orang yang memberi. Walau bagaimanapun, hari ini saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini sebagai wakil rakyat tunggal berketurunan Orang Asli, peruntukan ini adalah tidak cukup. Saya mohon agar dipertingkatkan ke RM300 juta untuk yang pertama dan yang kedua itu ke RM10 juta. Selain daripada itu, projek jalan pintas Cameron Highlands, Pahang yang merupakan salah satu peruntukan di bawah projek baharu sejumlah RM3.8 bilion bagi pembangunan infrastruktur pengangkutan.

Keempat, untuk makluman pada Belanjawan 2020 sebanyak RM319 juta diperuntukkan untuk pembinaan dan menaik taraf klinik kesihatan dan pergigian, serta kemudahan kuarters dan pembinaan klinik baharu yang akan dibina di kawasan Cameron Highlands. Projek ini untuk makluman masih lagi belum disempurnakan. Pohon pihak kerajaan memastikan ia dilaksanakan dan apakah perkembangan terkini projek-projek ini.

Kelima, selain daripada itu pada Belanjawan 2020 yang lepas, sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi menyediakan perkhidmatan klinik bergerak untuk kemudahan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar terutama masyarakat Orang Asli untuk mendapat rawatan perubatan. Akan tetapi, perkara tersebut tidak kelihatan berlaku

pada tahun ini. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkaitan apakah status pelaksanaan kepada ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia mereka sehingga kini masih lagi ketinggalan dan terdicir daripada segi segala aspek berbanding dengan kaum-kaum lain yang ada di negara ini. Sebagaimana Dewan sedia maklum, kebanyakan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia adalah tergolong dan dikenali sebagai miskin tegar. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan perkara ini berubah kepada yang lebih baik.

Untuk makluman Dewan, pada 19 September 2020 yang lalu Cameron Highlands telah menganjur dan menghadiri Bengkel Satelit Kongres Ekonomi Bumiputera Fasa Dua tahun 2020 hingga tahun 2065 di bawah kluster bumiputera Orang Asli Semenanjung. Kongres ekonomi bumiputera merupakan satu platform bagi memartabatkan pembangunan ekonomi masyarakat bumiputera Malaysia. KEB Fasa Pertama yang merangkumi dasar-dasar bagi tempoh 55 tahun dari tahun 1965 hingga tahun 2020 telah pun hampir tamat. Kini KEB Fasa Kedua akan bermula dari tahun 2020 hingga tahun 2065. Dalam KEB Fasa Kedua ini pihak Majlis KEB telah mendapati adalah wajib untuk mewujudkan satu kluster baharu iaitu kluster masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia yang tidak diambil kira semasa KEB Fasa Pertama yang lalu.

Justeru itu, beberapa resolusi telah dibentangkan hasil daripada perbincangan dengan cerdik pandai masyarakat Orang Asli dan dipersetujui oleh Kongres KEB. Ia menjadi salah satu resolusi. Resolusi tersebut telah diangkat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Oktober 2020 dan kemudiannya, akan dipersembahkan perkenan kepada Majlis Raja-Raja Melayu agar ia wajib menjadi sebahagian agenda pembangunan sosioekonomi bumiputera bagi tempoh 45 tahun ke hadapan. Hasil daripada perbincangan di dalam bengkel tersebut, sebanyak tujuh resolusi dasar telah dicapai bagi pembangunan masyarakat Orang Asli Semenanjung.

Resolusi pertama ialah penubuhan. Disarankan kerajaan menubuhkan perbadanan khas untuk masyarakat Orang Asli. Penubuhan perbadanan khas ini adalah bertujuan untuk merancang, merangka dasar serta melaksanakan pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di negara ini. Badan khas ini hendaklah mempunyai punca kuasa iaitu sebuah perbadanan atau perlembagaan yang wujud melalui akta yang diluluskan oleh Parlimen ini dan dibiayai melalui geran kerajaan sehingga ia dapat diberi kuasa autonomi serta berdikari sendiri.

Ketiga, mempunyai bidang kuasa untuk memperkasa pembangunan sosioekonomi yang difikirkan sesuai dengan cara hidup masyarakat Orang Asli serta perlu diberi ruang dalam pelaburan. Daripada segi fungsi pula, perbadanan ini akan berfungsi seperti model Majlis Amanah Raya (MARA) yang akan bertanggungjawab untuk menjaga kesentosaan dan kepentingan sosial ekonomi masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Projek Tanaman Komersial (TSK) untuk masyarakat Orang Asli yang telah dilaksanakan di bawah penyeliaan RISDA Plantation Smallholding Berhad (RPSB) yang lalu telah menemui kegagalan khususnya bagi masyarakat Orang Asli yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM11 juta yang ditanggung oleh pihak JAKOA. Ini mengakibatkan kegagalan untuk menaik taraf pendapatan masyarakat Orang Asli yang mana pada ketika ini purata pendapatan dividen Orang Asli seluruh negara yang terlibat dalam projek TSK ini adalah lebih kurang di bawah sejumlah RM500 sebulan. Ada kalanya, tidak berbayar berbulan-bulan hingga bertahun-tahun.

Di sini, saya ingin juga mencadangkan kepada pihak kerajaan agar hutang ini dilupuskan dengan peruntukan daripada pihak kerajaan memandangkan masyarakat Orang Asli ini tidak berkemampuan untuk membayar hutang-hutang tersebut. Ini kerana, mereka adalah terdiri daripada golongan B40 yang tegar. Selain daripada itu, berkaitan permasalahan bas sekolah untuk masyarakat Orang Asli di seluruh negara. Bermula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan, sekolah-sekolah di seluruh negara diarahkan untuk tutup. Lalu para pengusaha bas ini tidak dapat menghantar para pelajar sekolah dan tidak dapat melaksanakan komitmen kontrak yang telah diberikan kepada mereka. Disebabkan oleh hal yang sedemikian, mereka tidak dibayar. Mohon pihak kerajaan mempertimbangkan supaya memberi bantuan atau pampasan kepada mereka disebabkan mereka tiada pekerjaan dan hilang punca pendapatan semasa PKP dilaksanakan.

Resolusi kedua, dibincangkan dalam bengkel tersebut ialah berkaitan politik. Untuk resolusi kedua ini, kami mencadangkan supaya hak-hak keistimewaan Orang Asli sebagaimana termaktub dalam Perkara 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan agar tanggungjawab terhadap masyarakat Orang Asli diletak di bawah Senarai III, iaitu bertanggungjawab bersama Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Berbanding dalam Senarai I yang mana tanggungjawab tersebut hanyalah dipikul oleh Kerajaan Pusat.

Selain daripada itu, untuk menjayakan resolusi kedua ini kerajaan negeri perlu mengadakan seorang perwakilan Ahli Dewan Undangan Negeri secara lantikan melalui pindaan Enakmen Ahli Dewan Undangan Negeri bagi negeri-negeri yang mempunyai penduduk Orang Asli dan menuntut penglibatan wakil Orang Asli.

■1310

Resolusi Ketiga adalah berkaitan dengan kepimpinan. Untuk resolusi ini, kluster masyarakat Bumiputera Orang Asli Semenanjung bersetuju dan sebulat suara mendesak kerajaan untuk mengekalkan dan memperkukuhkan institusi tradisional kepimpinan Orang Asli iaitu tok batin-tok batin dan keadaan sistem tradisi dalam kepimpinan masyarakat Orang Asli. Mewajibkan kuota pelantikan kumpulan minoriti

terutama masyarakat Orang Asli sebagai Ahli Majlis Daerah terutama bagi daerah kawasan yang mempunyai penduduk Orang Asli.

Struktur kepimpinan masyarakat Orang Asli wajar diperkasakan bagi melindungi keselamatan-keselamatan komuniti itu supaya tidak ditindas dan dieksploitasikan oleh warga asing. Pakar antropologi sosiologi Dr. Mohd Rosnan berkata, kepimpinan masyarakat Orang Asli negara ini perlu lebih agresif serta berani sebagai mata dan telinga dalam menjayakan kebajikan dan keselamatan kampung.

Resolusi Keempat – salah satu objektif pembangunan mampan adalah memastikan kesejahteraan kehidupan yang sihat untuk semua peringkat umur. Untuk resolusi ini pula fokus utama perlu diberikan perhatian terhadap kesihatan masyarakat Orang Asli di negara ini.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Cameron Highlands mohon mencelah?

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Saya memohon kepada Peraturan Mesyuarat 37, saya tidak mahu diganggu.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Mustahak, mustahak. Saya hendak sokong tentang Orang Asli ini.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Biar saya selesaikan ada banyak ini. Di dalam resolusi ini, mereka bersetuju untuk mempertahankan Hospital Orang Asli Gombak di Kilometer 24, Gombak, Selangor sebagai Hospital Orang Asli serta diperkasakan kualiti perkhidmatan hospital Orang Asli kepada masyarakat Orang Asli dan menggesa pihak kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan ke *accessibility* perubatan moden kepada masyarakat Orang Asli terutamanya yang berada di kawasan pedalaman.

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan bahawa segala perbelanjaan, caj, kemasukan pakar perubatan diberikan percuma secara total kepada pesakit masyarakat Orang Asli di seluruh pusat kesihatan dan hospital pakar serta sebagainya.

Resolusi Kelima. Resolusi kelima ini menekankan kepada infrastruktur dan kemudahan asas. Masyarakat Orang Asli di negara ini, berdasarkan data bancian Orang Asli 2010, JAKOA populasi masyarakat peribumi ini iaitu lebih kurang 215,000 orang daripada 853 buah perkampungan dari seluruh negara.

Biarpun negara sudah mengecapi kemerdekaan lebih 60 tahun, namun keutamaan yang diberikan kepada Orang Asli dilihat masih rendah. Kemudian, infrastruktur sosial melibatkan penyediaan kemudahan, perkhidmatan dan rangkaian perhubungan yang penting bagi memenuhi keperluan asas mereka, kemudahan infrastruktur yang sempurna, yang disediakan untuk masyarakat menjadi lambang

kemodenan pembangunan perumahan walaupun sedemikian, kami masih jauh ketinggalan lagi.

Melalui statistik masa kini, kerajaan sudah menyediakan kemudahan jalan kampung sebanyak 84 peratus, bekalan elektrik sebanyak 80 peratus, bekalan air 79 peratus dan 82 peratus Projek Perumahan Rakyat Termiskin. Akan tetapi, dari perspektif yang nyata, apabila kita turun ke bawah dan lihat struktur-struktur ini hampir keseluruhannya adalah uzur. Penyediaan berstruktur sosial menjadi keperluan setiap kelompok masyarakat bukanlah satu hal yang harus dipandang ringan. Walau di mana kita berada, kumpulan ini adalah penting untuk masyarakat meneruskan kehidupan yang sempurna.

Oleh itu, masyarakat Orang Asli tidak harus diabaikan untuk menerima kemudahan asas yang sama seperti masyarakat di Malaysia yang lain. Dari segi keperluan prasarana yang perkhidmatan awam, usaha menyediakan keperluan asas yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan mendapati perkara ini pada tahap yang rendah dan tidak mencukupi. Bagi mengatasi masalah tersebut, kerajaan perlulah memastikan infrastruktur dan pembangunan kawasan Orang Asli adalah setaraf dengan kemajuan yang dinikmati oleh kawasan yang lain.

Resolusi Keenam. Mengikut deklarasi Orang Asli Pertubuhan Bangsa Bersatu, setiap Orang Asli di dunia ini mempunyai hak yang sama rata terhadap kehidupan mereka yang terdiri daripada hak pendidikan, sosial dan juga hak kepada tanah. Perkara 85C Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah memberikan laluan dan kelonggaran serta mengecualikan masyarakat Orang Asli Semenanjung sebagai ditafsirkan di bawah Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan. Isu hak milik tanah telah menjadi topik hangat di kalangan masyarakat Orang Asli Semenanjung bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang penyelesaian. Kemelut utama di dalam penyelesaian berlegar di dalam isu-isu berkisar berkaitan permasalahan perundangan.

Ini ialah tiada kuasa klausa di dalam perundangan, akta atau peraturan yang memberi kuasa mutlak pewujudan hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli. Di cadangkan jalan penyelesaian bagi ini ialah dengan melaksanakan pindaan undang-undang yang sedia ada yang berkaitan pengurusan hal ehwal tadbir urus tanah bagi memperkasakan atau menggugurkan hak-hak istimewa Orang Asli. Iaitu pindaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan Yang Berhormat, rumuskan satu minit lagi.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Pindaan kepada Akta 134, Akta Orang Asli pindaan pada Kanun Tanah Negara dan mengenai pindaan tanah rizab mengadakan Enakmen Tanah Rizab Orang Asli di peringkat kerajaan negeri.

Resolusi yang terakhir, demi pendidikan. Pendidikan adalah komponen yang amat penting bagi pembangunan menyeluruh bagi keseluruhan masyarakat. Merujuk

kepada laporan oleh SUHAKAM, mereka mendapati masyarakat Orang Asli mendapati pendidikan yang kurang berkualiti. Di sesetengah tempat, SUHAKAM dan tempat kanak-kanak Orang Asli tidak bersekolah di lapangan langsung. Malah, ramai di antara mereka tidak menamatkan persekolahan. Terdapat pelbagai faktor disebabkan dan menyumbang kepada permasalahan pendidikan ini. Antara lain adalah perkhidmatan mereka yang jauh. Saya akan rumuskan.

Saya akan sampaikan ucapan saya ini terus kepada Yang Berhormat Menteri. Saya akan rumuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli bukanlah satu yang baru. Masalah-masalah ini telah wujud dan berpanjangan. Kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit pada setiap tahun kepada agensi yang terlibat untuk kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Akan tetapi, masih wujud jurang yang besar.

Saya sedar bahawa pihak berkuasa dan agensi-agensi yang berkenaan arif tentang perkara ini dan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Saya menggesa kerajaan pusat dan kerajaan negeri melaksanakan semua resolusi ini dan dengan dinyatakan tadi secara total memandangkan masyarakat Orang Asli adalah golongan Bumiputera yang tertinggal jauh berbanding yang lain-lain. Resolusi ini adalah selari dengan Perlembagaan kita.

Dengan ini, saya menyokong perbekalan peruntukan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dengan beberapa modifikasi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah diikuti oleh Yang Berhormat Serian, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sibuti. Sila Yang Berhormat Kuala Kedah, 15 minit.

1.17 tgh.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya turut berbahas belanjawan atau Bajet 2021.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2021 ini kita bentangkan pada waktu dan ketika yang luar biasa. Luar biasa kerana inilah ketika Malaysia tercabar, kita semua menghadapi cabaran yang sangat besar yang boleh kita katakan *once in a lifetime experience* dengan izin, sekali seumur hidup.

Kali terakhir pandemik berlaku pada tahun 1918, tidak ada di antara kita di sini yang telah lahir pada masa itu. Sekarang, kita menghadapi pandemik yang mana ianya telah bukan sahaja menyerang setiap rakyat Malaysia, tetapi ia telah memaksa kita

untuk melakukan perubahan besar dalam kehidupan kita dan memaksakan beberapa perkara besar dalam sosioekonomi dan kesihatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membentangkan bajet yang luar biasa ini, pada saya keutamaan bajet ini adalah hanya tiga.

- (i) berusaha menyelamatkan nyawa setiap rakyat Malaysia;
- (ii) bajet ini hendaklah berusaha menyejahterakan kesihatan dan menjaga kesihatan setiap rakyat Malaysia; dan
- (iii) bajet ini juga hendaklah menyelamatkan ekonomi negara Malaysia, setiap rakyat Malaysia dan negara Malaysia.

Itu sahaja yang penting yang lain itu ialah sampingan, tidak begitu penting dan tidak menjadi keutamaan. Keutamaan dalam menyelamatkan nyawa dan kesihatan rakyat Malaysia itu terletak kepada beberapa kementerian terutamanya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Oleh itulah Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kaget, rasa tidak puas hati bila melihat bahawa tidak ada peningkatan yang ketara pada bajet, dana yang diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Mantan Menteri Kewangan, Port Dickson, Bagan dan Pekan memberikan pandangan yang berbeza tetapi tidak ada peningkatan yang ketara dan mantan Menteri Kesihatan iaitu Kuala Selangor memberikan pandangan malahan kurang bajet yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan apabila ditolak emolument ataupun peruntukan bayaran elaun dan lain-lain lagi kepada kakitangan sementara maka ianya lebih kurang.

■1320

Ini pada saya sangat tidak bijak. Kita tidak meletakkan keutamaan kita di tempat yang betul. Kenapa Tuan Yang di-Pertua kerana COVID-19 ini merupakan satu penyakit yang *systemic*. Ia banyak menyerang bukan sahaja saluran pernafasan tetapi juga organ-organ lain. Kita tidak tahu setahun lagi apa yang akan berlaku. Kanak-kanak juga diserang dengan apa yang dipanggil *Kawasaki disease* yang boleh ada kesan kepada jantung mereka. Kita tidak tahu berapa lama ia akan berterusan walaupun syarikat Pfizer, BioNTech telah dikatakan menjumpai satu vaksin yang baik dan berkesan tetapi paling awal vaksin itu dapat dimanfaatkan ialah suku ketiga tahun 2021. Maka bajet ini seakan-akan telah menyediakan kita untuk satu maraton sedangkan kita disediakan untuk berlari hanya separuh maraton sahaja.

Baru-baru ini kita tercungap-cungap apabila menghadapi ledakan gelombang ketiga di Sabah dan sampai sekarang tidak cukup staf, tidak cukup doktor, tidak cukup jururawat dan lain-lain lagi, terpaksa dibawa dari tempat lain ke Sabah. Apakah ada jaminan bahawa tidak akan ada gelombang keempat, kelima, keenam? Tidak ada jaminan. Oleh sebab itu, pada saya selain daripada menambahkan bajet khusus untuk emolument para kakitangan Kementerian Kesihatan yang diambil bekerja itu, kita juga

perlu penyediaan yang khusus, *contingency fund* supaya kalau berlaku kecemasan, berlaku lagi gelombang ketiga, keempat, kelima dan keenam, kita ada dana yang cukup.

Segala yang kita lakukan sekarang mesti diteruskan. Bajet ini tidak menyediakan dana yang cukup untuk meneruskan segala kerja baik yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan. Perkhidmatan jantung, kanser, nefrologi atau buah pinggang, ibu dan anak-anak tidak ada. Kalau kita ambil misalannya penyakit berjangkit selepas daripada COVID-19 sebab COVID-19 ini penyakit berjangkit yang paling banyak dihadapi oleh rakyat Malaysia ialah *Tuberculosis* (TB). Dalam setahun sampai 2,000 kematian kerana *Tuberculosis* dan sampai 25,000 rakyat Malaysia terkena tibi dalam setahun.

Mengikut kajian daripada *John Hopkins* dan *Imperial College* misalannya tiga bulan *lockdown* dan 10 bulan pemulihan akan menyebabkan pertambahan 10.7 peratus jangkitan tibi dan 16 peratus kematian kerana tibi. Kerana apa? Apabila berlaku *lockdown*, apabila berlaku perintah berkurung ini segala kerja-kerja asas tibi itu tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Menziarahi ke rumah dan lain-lain lagi. Jadi apakah persediaan yang kita ada untuk tibi? Selepas COVID-19 nanti kalau berlaku ledakan tibi dan sekarang pun lebih ramai orang terkena tibi. Penyakit-penyakit *Non-Communicable Disease* (NCD), penyakit-penyakit tidak berjangkit, kanser, jantung dan lain-lain lagi itu pembunuh yang besar dan perlu banyak masa khusus diberikan dana, perlu dana. Kalau dikurangkan dana maka kita akan lebih merana lah selepas ini Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu pada saya, Kementerian Kesihatan (KKM) perlu lebih banyak anggota, perlu doktor, perlu aset dan dana. Inilah masanya untuk kita *upgrade* kementerian tadi daripada segi aset, dana dan juga sekarang doktor-doktor yang menganggur banyak, *houseman* yang tidak dapat *posting* itu kena diperhatikan. Oleh sebab itu saya menyambut baik seruan *Academy of Medicine of Malaysia* bahawa kita perlu mencari jalan tengah. PKP itu penting tetapi kita perlu mencari jalan tengah supaya ia tidak meranapkan ekonomi kita. Tidak menyelamatkan ekonomi akan menyebabkan satu kitaran ganas yang kesannya akan lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha kita selama ini semasa PKP dan semasa COVID-19 ini untuk menyelamatkan ekonomi tidak berkesan. Ia memberikan sedikit suntikan tetapi tidak berkesan. Ini kerana pada waktu ini segala dana yang telah diberikan tadi sama ada sedikit sahaja dan habis sedangkan orang hilang pekerjaan banyak dan orang berniaga- daripada statistik masih bekerja tetapi tidak ada keuntungan.

Saya hendak sebut bahawa untuk orang ramai pergi mengambil dana suntikan misalannya orang kebanyakan yang saya temui dan kebanyakan yang susah, yang menderita ialah golongan B40. B40 pergi ke bank, bank akan tanya sejarah dia. Akaun ada tidak, ada RM10,000 tidak dalam akaun? Ada orang yang menagih dadah

misalannya sudah tercicir. Orang yang ada CTOS, CTOS terus tidak dapat, terus tidak layak. Akhirnya yang layak daripada ribuan yang diminta boleh kita *check* di mana-mana bank beberapa orang sahaja yang dapat. Orang yang tidak memerlukan, orang yang memerlukan tidak dapat.

Itu pengalaman saya di pusat khidmat saya. Orang yang ada CTOS, ada senarai hitam, ada latar belakang tidak baik, tidak ada duit tidak dapat duit maka tidak dapat pulih. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, mereka sekarang dalam keadaan yang cukup perit. Mereka yang bekerja dan memerlukan kenderaan, motosikal, motosikalnya telah rosak tidak boleh diperbaiki, tidak ada dana untuk memperbaiki. Mereka yang berniaga, gerai-gerai modal sudah kehabisan. Beli barang kemudian tidak dapat jual kerana PKP. Kurang jualan maka mereka inilah yang mendesak supaya diberikan kebenaran mengeluarkan RM10,000 daripada Akaun 1, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mereka.

Saya faham bahawa ada statistik mengatakan kebanyakan orang tidak sampai RM10,000 pun tetapi orang yang minta itu adalah orang yang ada dan mereka memerlukannya untuk – bukan untuk barang-barang mewah, mereka memerlukannya untuk meneruskan kehidupan. Tidak ada *golf membership*, tidak ada untuk beli pemukul golf yang mahal-mahal kah, mereka ini sangat memerlukan dan bukan itu sahaja, berbelanja hidup harian tetapi mereka memerlukan untuk sesuatu supaya sepanjang hidupnya meminta-minta.

Jadi pada saya, kerajaan yang bertanggungjawab haruslah berusaha memikirkan dengan serius untuk memberikan peluang kepada mereka ini untuk mencari kehidupan mereka sendiri. Tidak dengan mereka semata-mata mengharap wang kerajaan. Mereka juga tidak mengharap wang kerajaan. Maka itulah juga saya menyokong pengeluaran daripada Akaun 1, KWSP dan juga menyokong supaya dilanjutkan masa moratorium bank. Ia akan memberikan lebih banyak dana yang rakyat manfaatkan untuk mencari kehidupan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sangat penting kerana kalau kita merasa denyut nadi rakyat keadaan yang tertekan itu amat dahsyat yang tidak pernah dialami. Ini kali pertama sejak saya menjadi wakil rakyat saya mengalaminya tetapi wakil-wakil rakyat yang lebih senior daripada saya juga tidak pernah mengalami keadaan yang begini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan mereka terbungah-bungah ini maka saya rasakan bajet ini kenalah dilihat semula daripada segi keutamaan tadi. Apa sahaja yang boleh menyelamatkan nyawa rakyat, kesihatan rakyat dan ekonomi rakyat itu kena diutamakan. Dana lain yang telah diambil hendaklah diberikan seperti yang disarankan oleh rakan saya Yang Berhormat Subang tadi misalannya. Kerana itulah juga saya mengharap segala yang tidak begitu diperlukan sangat sekarang seperti JASA untuk membuat propaganda politik. Menteriya sendiri pun tidak tahu JASA itu hendak

diwujudkan balik kenapa kita hendak bagi RM85.5 juta? Itu tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua. Tidak sensitif dan tidak sesuai pada keutamaan.

Seterusnya saya meminta supaya kita melihat dengan sensitif dan baik kepada setiap sektor ekonomi. Misalannya pekerja asing. Saya sangat menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk kita berdikari tidak menggunakan pekerja asing. Saya sangat menyokong segala usaha untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing. Akan tetapi menyokong tidak bererti kita melupakan realiti Tuan Yang di-Pertua seperti burung unta menanam kepalanya dalam pasir melupakan realiti.

Realitinya dalam sesetengah sektor kita masih memerlukan pekerja asing. Ada satu kajian yang disebut oleh *business Star* kelmarin pada hari Rabu, 11 November. Kekurangan pekerja-pekerja di ladang sawit sehingga 36,000 orang pekerja dan hujung tahun ini kekurangan itu akan menjadi 62,000 orang pekerja jika tidak diatasi. Risiko kehilangan pendapatan RM8.25 bilion daripada sektor perladangan.

Saya faham Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sendiri berusaha sangat keras untuk membawa orang Malaysia bekerja di ladang sawit tetapi tidak berjaya. Maka tidak berjaya, kita kena usahakan supaya tidak rosak sawit yang telah ditanam. Begitu juga di tempat saya sektor perikanan laut dalam, bot B dan kebanyakannya bot C, bot zon C. Mereka sekarang Tuan Yang di-Pertua di tempat saya di Kuala Kedah, Parlimen Kuala Kedah ada 200 buah bot, 10 peratus sahaja yang dapat beroperasi sepanjang tahun ini, setakat ini 10 peratus, lagi 180 buah bot tidak dapat beroperasi. Tuan-tuan punya bot ini yang mana mereka dahulu di kelas menengah, M40 misalannya sekarang mereka berisiko untuk turun untuk menjadi B40 kerana tidak beroperasi, bot yang mahal RM1 juta, RM2 juta, moratorium yang sudah hendak habis dan sebelum itu pun mereka yang sudah habis moratorium terpaksa membayar segala perbelanjaan lain, pekerjaanya dan perbelanjaan di jeti sedangkan *income* tidak ada.

■1330

Mereka memerlukan satu lonjakan, bukan saja dana tapi satu usaha kerajaan untuk hidupan kembali *business* mereka. Mereka memerlukan pekerja asing. Beberapa kali kita cakap di Dewan yang mulia ini tentang isu pekerja orang Malaysia tidak dapat bekerja di sektor laut dalam dan kita faham dan kita buat pusat latihan. Akan tetapi itu mengambil masa. Sekarang ini kalau tidak dapat dimasukkan pekerja asing dengan cara yang munasabah, maka sektor ini akan ranap.

Orang-orang yang daripada kumpulan M40 akan turun jadi B40. Kerajaan akan terpaksa menghadapi masalah selanjutnya iaitu bekalan ikan. Sebanyak 70 peratus bekalan ikan daripada sektor laut dalam tidak ada dan bila tidak ada, peruncit akan bermasalah, lori akan bermasalah, jeti akan bermasalah. Semua orang yang bergantung dengan jeti dan lori dan perniagaan ikan— *business* tadi akan mengalami

masalah besar. Untuk *bail out* mereka, menyelamatkan mereka dengan dana adalah lagi sukar.

Lebih mudahlah kerajaan secara sensitif, *engage*, jumpa mereka, cakap dan bincang. Misalnya pekerja asing, krew bot laut dalam daripada Satun, Thailand untuk datang ke Kuala Kedah yang hanya lebih kurang 100 kilometer, disuruh ke Bangkok, ambil penerbangan ke KLIA. Saya rasa kita kena permudahkan dan kalau kita permudahkan, lebih mudah rakyat mencari rezeki dan lebih cepat ekonomi kita pulih. Kalau bajet ini tidak memulihkan ekonomi, bajet ini adalah gagal sama sekali dan ini sangat-sangat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, ada seminit lagi Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya dan akhirnya untuk pekerja asing tadi, sektor yang sangat perlu saya setuju. Apa yang tidak perlu, tidak perlu kita mudahkan. Akan tetapi kalau perlu, maka saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Port Dickson bahawa untuk pelancong atau orang luar datang, cadangan saja, misalannya, boleh diperhalusi.

Tempoh 12 hari sebelum datang ke Malaysia, buat ujian COVID-19. Sekiranya negatif, dia boleh ambil tiket. Kemudian datang sini, dua hari *test* balik. Kalau negatif, dia boleh bekerja. Kalau setiap orang yang datang perlu kuarantin 14 hari, sangat sukar orang untuk orang berbuat demikian. Untuk pekerja juga kosnya sangat tinggi. Kena kena lihat kembali. Itu pada pandangan saya.

Ya Tuan Yang di-Pertua sebagai menggulung, saya ingin menyatakan bahawa bajet ini ada perkara yang baik. Misalannya segala yang diberikan pada *frontliner* baik, saya sokong dan saya rasa kena beri lebih lagi. Ada yang lemah dan ada yang boleh kena ditolak seperti peruntukan untuk JASA dan peruntukan-peruntukan politik yang boleh ditanggung untuk satu masa yang lain. Atas asas itulah maka saya akan membuat keputusan sama ada akhirnya menyokong atau tidak bajet ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Serian. Masa 15 minit.

1.33 ptg.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas Belanjawan 2021. Belanjawan 2021 Tuan Yang di-Pertua, bagi saya adalah suatu belanjawan yang realistik, mengambil kira situasi semasa dalam kita sama-sama memerangi penularan

COVID-19 termasuk kesannya terhadap kehidupan rakyat dan terhadap ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga semalam, 12 November, kes positif COVID-19 di seluruh negara ialah 51.4 juta orang dan telah meragut 1.28 juta nyawa. Di negeri kita sendiri, Malaysia, kes positif ialah 42,872 orang dengan kematian 302 orang. Kes sembuh ialah 31,073 orang merupakan 72.4 peratus. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di negara kita ini kes positif ini akan lebih tinggi. Kes positif akan lebih tinggi daripada itu kalau tidak usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan melalui PKP dan SOP. Begitu juga dengan kes yang sembuh. Kes yang sembuh 72.47 peratus. Bagi saya adalah kes sembuh antara yang terbaik di dunia. Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua— itu saya percaya Tuan Yang di-Pertua, kes sembuh tidak akan besar kalau tidak dengan usaha, peranan yang dimainkan oleh khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia.

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya mengambil kesempatan keemasan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah dan berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, dari ketua pengarahnya, pengarah-pengarah negeri, doktor-doktor, jururawat, pembantu-pembantu di hospital kerana telah bertarung nyawa 24 jam semata-mata untuk memulihkan mereka yang telah dijangkiti ini. Tahniah, syabas kepada KKM. Jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, kita berjaya membendung COVID-19 dan kita telah dianggap sebagai antara negara yang paling berjaya membendung penularan wabak COVID-19 ini.

Peranan yang dimainkan oleh kementerian dan agensi yang lain harus juga kita sanjung tinggi dan harus diberi pengiktirafan. Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, APMM, imigresen, RELA dan sebagainya harus diberi pengiktirafan. Jadi dengan yang demikian bila kerajaan memberi *one-off* RM500 untuk Kementerian Kesihatan Malaysia bagi barisan *frontliners*nya. Mengapa tidak kita juga memikir untuk memberi *one-off* kepada mereka petugas barisan hadapan *frontliners* daripada saya sebut tadi, dari polis, angkatan tentera, imigresen, APMM termasuk RELA.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan RM1 bilion— tambahan, bukan peruntukan untuk Kementerian Kesihatan keseluruhannya, saya difahamkan untuk Kementerian Kesihatan keseluruhan RM31 bilion. Ini tambahan untuk memberi perolehan seperti *sanitizer*, PPE dan sebagainya amat saya alu-alukan. Malahan Tuan Yang di-Pertua, saya fikir RM1 bilion ini belum mencukupi, tidak mencukupi, maka saya mencadangkan supaya ia juga perlu ditambah.

Mengenai vaksin, vaksin kita telah dengar semalam penawarnya mungkin penemuan *Pfizer, whatever you called it*. Saya menyambut baik cadangan untuk memperuntukkan RM3 bilion bagi perolehan - bagi dalam kita sama-sama mahu memerangi penyakit COVID-19 ini dan dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, usaha

kerajaan iaitu dengan komitmennya untuk mendapat sumber vaksin COVID-19 melalui penyertaan negara dalam program COVID-19 ini yang dinamakan *Vaccine Global Access* (COVAX) ini, saya amat sanjung tinggi.

Saya ingin tahu daripada jumlah dan RM3 bilion yang diperuntukkan untuk mendapat vaksin ini saya sanjung tinggi dan menyambut baik. Akan tetapi soalan saya, dengan RM3 bilion ini, berapa peratusan, berapa ratus, berapa juta rakyat Malaysia akan dapat manfaat dari pembelian vaksin ini nanti, yang saya telah sebutkan tadi penawar kepada penyakit COVID-19. Saya ingin tahu berapa peratus dan kalau peratusan rakyat Malaysia yang bakal menikmati penawar vaksin ini, *Pfizer or whatever it is*, tidak mencukupi.

■1340

Maka, saya cadangkan di Dewan yang mulia ini, tambahlah peruntukan ini. Tambah. *We need it.*

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya akan pergi ke Bantuan Prihatin Rakyat. Rata-rata rakyat khususnya B40 termasuk M40 menyambut baik usaha kerajaan untuk meneruskan bantuan memberi *cash* kepada mereka dalam golongan B40 termasuk yang dalam M40. Sememangnya kalau dulu ia dinamakan Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan ia sekarang ditukar kepada nama Bantuan Prihatin Rakyat (BPR). Dalam mana hampir semua di bawah golongan B40 termasuk yang M40 akan dapat menikmatinya. Terima kasih kepada kerajaan.

Akan tetapi, apa yang saya ingin tanya, kalau pada tahun lepas atau tahun ini, jumlah rakyat Malaysia yang menikmati Bantuan Sara Hidup ini adalah hanya seramai 4.3 juta orang dan bakal menikmatinya dalam Belanjawan 2021 adalah seramai 8.1 juta orang penerima, jadi soalan saya, oleh sebab bilangan sebelum ini adalah sebanyak 4.3 juta orang dan bakal menerimanya adalah seramai 8.1 juta orang, saya ingin minta kepada kerajaan supaya mereka yang benar-benar jatuh dalam golongan ini, B40 dan M40 iaitu mereka yang benar-benar memerlukan bantuan di bawah BPR ini dapat menikmatinya dan tidak terpinggir.

Saya berkata demikian kerana di kawasan di Sarawak, masih banyak di kampung-kampung di pedalaman belum mendaftar dengan— belum tahu macam mana hendak mendaftar untuk mendapat bantuan di bawah BSH ketika itu atau BPN dan sekarang pergi ke Bantuan Prihatin Rakyat. Saya berkata demikian sebab saya sendiri orang kampung. Saya duduk di kawasan luar bandar. Masih banyak kampung-kampung di kawasan pedalaman Sarawak khususnya, cakap Sarawak, *anyak bekalan, anyak liputan jalur lebar sangat berjaya*, dengan izin. Jadi ini macam mana kita hendak mendaftar secara *online* bila talian jalur lebar itu tidak dapat diperoleh?

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan melonggarkan syarat— bukan syarat tetapi masa supaya tarikh untuk mendaftar ini dapat

diperluaskan. Saya minta supaya kerajaan melalui ketua-ketua kampung dan sebagainya di setiap kampung pedalaman khususnya supaya mereka dibenarkan untuk sama-sama membantu. Ini kerana saya percaya kalau ini tidak dilakukan, liputan penerima ini kepada seramai 8.1 juta orang ini daripada seramai 4.3 juta sebelum ini tidak akan tercapai. Maka BPR ini tidak kesampaian kepada kesemua mereka yang benar-benar memerlukan bantuan iaitu mereka di bawah golongan B40 dan M40.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai bekas Menteri Sumber Manusia, di Dewan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada PERKESO kerana kalau tidak kerana PERKESO dengan programnya di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah *Employee Insurance Scheme* (EIS), saya fikir mereka yang telah hilang pekerjaan, saya fikir PKS-PKS sebelum ini ramai yang tidak terbela.

Jadi, dengan pemberian kepada pencarum-pencarum PERKESO, maka sekurang-kurangnya ia telah dapat membantu meringankan bebanan yang telah ditanggung oleh penerima-penerima skim PERKESO yang telah hilang pekerjaan kerana penularan COVID-19 ini. Terima kasih kepada PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP. Saya dengar banyak keluhan. Banyak keluhan daripada pencarum-pencarum KWSP. Walaupun kita, Tuan Yang di-Pertua, kita kerajaan— saya mengucapkan terima kasih kerana memberi dan membenarkan pencarum-pencarum KWSP untuk mengeluarkan sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan. Jumlahnya ialah maksimum RM6,000. Saya cadangkan kerana dengan RM500 sebulan, Tuan Yang di-Pertua, bukan sebegitu banyak. Saya cadangkan mengapa tidak yang RM5,000 ini diberikan kepada pencarum-pencarum KWSP ini secara sekali gus. Supaya mereka dengan menggunakan wang RM5,000 ini supaya mereka dapat membeli atau berniaga secara kecil-kecilan.

Seterusnya, satu perkara yang penting Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan. Yang Berhormat ada masa selama 30 saat.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Ya, tidak apa. Terima kasih. Jadi dalam masa yang suntuk ini, saya ingin menyebut dan minta daripada kerajaan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tidak dibenarkan. Masa saya singkat, tidak cukup. *[Ketawa]* Akan tetapi ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Saya dari suku kaum Dayak Bidayuh. Suku kaum Dayak Sarawak. Dalam Belanjawan 2021, telah disebutkan

peruntukan khas untuk masyarakat India, peruntukan khas untuk masyarakat Cina. Sememangnya sebelum ini kita mempunyai peruntukan khas untuk Orang Asli.

Yang Berhormat Cameron Highlands, kawan saya, Yang Berhormat Cameron Highlands telah menyebut tentang Orang Asli. Jadi, saya minta di Dewan yang mulia ini, mengapa tidak peruntukan khas diberi kepada masyarakat kaum Dayak? Saya orang Dayak. Ini kerana sebagaimana disebut...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sokong, saya sokong.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Jadi, Ketua *Backbenchers* PNBBB pun menyokong. Saya berharap agar kerajaan benar-benar mempertimbangkan untuk memberi dana khas kepada masyarakat kaum Dayak, khususnya Dayak Bidayuh. [*Tepuk*] Terima kasih. Sekian. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Serian. Sekarang saya jemput pembahas terakhir Yang Berhormat Seputeh. Masa 15 minit.

1.49 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mula ucapan saya dengan respons terhadap Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, yang mana beliau semalam keluaran satu kenyataan yang kata penduduk di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya boleh menjadi penjaja di mana-mana tempat di bawah ketiga-tiga wilayah di bawah kementeriannya.

Saya agak hairan dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri ini kerana beliau seolah-olah adalah telah pun jadikan yang Wilayah Persekutuan ini adalah kawasan Parlimen Ketereh di negeri Kelantan, yang mana semua orang boleh buka *stall*, buka meja, jual apa-apa pun di mana-mana tempat. Kenyataan seperti ini adalah agak bahaya kerana ia mungkin buka satu *floodgates* yang menggalakkan ramai orang di Kuala Lumpur dan Putrajaya melanggar undang-undang dan peraturan kerajaan tempatan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

■1350

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, saya hendak minta...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Seputeh, penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Arau mahu buka gerai jadi penjaja kah? Boleh buat di Jalan Parlimen, sekarang Menteri Wilayah Persekutuan, dia akan setuju.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak dalam keadaan kesusahan begini, apakah pilihan kita untuk menyelesaikan masalah rakyat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, esok kita akan lihat Yang Berhormat Arau akan buka gerai jual nasi lemak di Jalan Parlimen. Di sana ada ramai pegawai polis, pegawai penguat kuasa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak ada masalah. Saya akan buka gerai dan bagi makan percuma.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita semua akan tolong. Yang Berhormat Arau, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Beli makanan, nasi lemak daripada Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mula dengan yang komen saya terhadap bajet. Berkenaan dengan Program Menangani Anti Minyak Sawit yang mana sebagai seorang mantan Menteri Industri Utama, saya berasa gembira peruntukan kepada kementerian ini ditambahkan keseluruhannya, berbanding dengan tahun yang lepas.

Akan tetapi saya rasa kesal pertambahan peruntukan ini tidak disalurkan kepada sektor industri minyak sawit yang merupakan industri yang paling penting dan menghadapi paling banyak cabaran di dalam kementerian ini. Akan tetapi sebaliknya, peruntukan diberi kepada Program Menangani Kempen Anti Minyak Sawit dalam Bajet 2021, dikurangkan daripada RM27 juta kepada RM20 juta pada tahun depan.

Pengurangan peruntukan bagi Program Menangani Kempen Anti Minyak Sawit Antarabangsa ini menunjukkan Kerajaan Perikatan Nasional langsung tidak sedar tentang cabaran sengit yang dihadapi oleh industri minyak sawit Malaysia di pasaran antarabangsa dan juga kurang faham tentang kepentingan dan sumbangan industri minyak sawit kepada ekonomi Malaysia.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin ingatkan Kerajaan Perikatan Nasional, minyak sawit adalah eksport yang sangat penting bagi Malaysia. Pada tahun 2019, eksport minyak sawit merupakan eksport yang ketiga besar bagi negara kita, ia menjana pendapatan sebanyak RM64.8 bilion kepada Malaysia.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Seputeh, Machang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ia memberikan sumbangan sebanyak 3.5 peratus kepada KDNK negara kita.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Seputeh, Machang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada 11 minit lagi sahaja, banyak yang saya mahu bincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta maaf Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Apa yang tidak boleh? Boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lain kali, lain kali. Bila saya duduk di sebelah sana, anda boleh tanya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Machang, dia tidak dapat kebenaran. Yang Berhormat Machang sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Semasa saya pegang jawatan Menteri Industri Utama, saya selalu...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Seputeh, fasal sawit ini bagilah laluan, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...kerjasama dengan pegawai MPOB, MPOCC, MPOC dan kementerian saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tanpa kempen minum sawit, kami telah berjaya menaikkan angka CPO, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...untuk merangka pelbagai strategi untuk menangani Kempen Anti Minyak Sawit Antarabangsa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak kempen minum sawit pun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, melindungi...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, jangan ganggu, jangan ganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Machang, sila duduk Yang Berhormat Machang. Tidak mendapat kebenaran Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Fasal minyak sawit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila teruskan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak dibenarkan, saya ada banyak, ada enam muka surat. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, tolong tutup *mic* Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tidak habis, boleh bagi Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memandangkan industri sawit ini melibatkan lebih setengah juta orang pekebun kecil dan merupakan eksport yang begitu penting.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekarang harga sawit berapa, Yang Berhormat Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya menyeru Kementerian Kewangan mengkaji semula peruntukan yang kurang bagi Program Menangani Kempen Anti Minyak Sawit tersebut dan menambahkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Machang duduk Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Mak cik pun kuat melalut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...sekurang-kurangnya dua kali ganda amaun tersebut yang diperuntukkan dalam Bajet 2021 demi melindungi industri eksport negara yang begitu penting ini. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, mulai tahun ini semua pengusaha minyak sawit dikehendaki menyumbang RM1 tambahan bagi setiap metrik tan minyak sawit yang dikeluarkan demi menanam pokok jenis hutan.

Kerajaan Negeri Sabah telah mengadakan MOU dengan MPOC untuk bekerjasama untuk menanam satu juta pokok di luar gawat dekat Lahad Datu dengan menggunakan ses, RM1 tambahan yang saya sebutkan tadi. Satu tabung sepatutnya yang boleh dikeluarkan resit tanpa cukai (*tax exemption*) diwujudkan untuk tujuan ini.

Saya ingin tahu sama ada tabung ini telah pun wujud dan apa yang berlaku dengan projek tanam 1 juta pokok ini? Sehubungan dengan itu, pada 24 Februari tahun ini, MPOC telah menandatangani MOU dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk mewujudkan koridor gajah di hutan kawasan Kinabatangan demi menyelamatkan gajah Pygmy yang selalu mati tanpa sebab.

Jadi, apakah perkembangan dengan projek koridor gajah di Sabah ini? Projek-projek ini diwujudkan demi menunjukkan kepada masyarakat antarabangsa, khususnya pasaran yang mempunyai Kempen Anti Minyak Sawit yang kuat bahawa industri minyak sawit Malaysia menyumbang kuat kepada perlindungan alam sekitar dan penanaman pokok demi melawan perubahan cuaca (*climate change*).

Kita perlu tunjukkan kepada dunia bahawa penanaman sawit dan hutan serta perlindungan binatang liar (*wildlife conservation*) boleh wujud bersama. Akan tetapi kesalnya, saya tidak pernah lihat Menteri dan Timbalan Menteri buat apa-apa kenyataan berkenaan isu ini sejak mereka mengambil alih Kementerian MPIC. Tuan Yang di-

Pertua, saya juga hendak tanya tentang peruntukan RM500 juta kepada *Forest Plantation Development Scheme* iaitu kita kata Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas yang diumumkan oleh Menteri Kewangan. Saya mengalu-alukan Kementerian Kewangan memperuntukkan RM500 juta kepada PPLH.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru kerajaan untuk mempelajari daripada kesilapan pengalaman PPLH yang bermula dari tahun 2006 hingga tahun ini, termasuk penyelewengan yang pernah berlaku dalam penggunaan dana pinjaman tersebut dan juga terdapat peserta PPLH menanam pokok di kawasan hutan simpanan kekal. Tujuan utama kerajaan melaksanakan PPLH adalah untuk membekalkan kayu kayan yang diperlukan untuk industri hiliran sektor kayu kayan, khususnya industri perabot.

Akan tetapi pelaksanaan ini haruslah memastikan kawasan hutan simpanan kekal di negara kita ini tidak dicabuli oleh pemohon PPLH demi mengotai jaminan negara kita iaitu jumlah kawasan di Malaysia selalu mempunyai 50 peratus jumlah kawasan di bawah litupan hutan. Di sini saya ingin cadangkan supaya dana RM500 juta kepada PPLH ini akan dijadikan sebagai *revolving fund*. Di mana wang bayaran balik pinjaman pemohon akan dipulangkan kepada dana tersebut dan kerajaan hanya perlu mengeluarkan peruntukan kepada *revolving fund* ini bila perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyampaikan ketidakpuasan sesetengah pengusaha industri komoditi terhadap cara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menangani pelantikan anggota dalam Lembaga Pengarah Agensi di bawah MPIC. Agensi di bawah MPIC adalah usaha sama di antara...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...pihak swasta dengan kementerian demi memajukan industri komoditi tersebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, kementerian dan Menteri haruslah hormat kuasa dan pandangan pengusaha industri komoditi berkenaan. Saya hendak...
[kurang jelas]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau jangan kacau. Yang Berhormat Arau jangan kacau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak kacau. Saya mahu menyokong ucapan dia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...industri kayu kayan bahawa Menteri enggan melantik wakil yang berpengalaman yang dicadangkan oleh Persatuan Kayu Kayan yang merupakan pengasas Majlis Kayu Kayan (MTC)...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...untuk menjadi pemegang amanah di MTC.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Seputeh, saya cadangkan supaya dalam penanaman hutan itu dimasukkan tanaman buluh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Selain itu, Memorandum dan Artikel MTC hanya membenarkan Menteri melantik maksimum empat orang lantikan politik dalam Lembaga MTC tetapi Menteri melantik tujuh orang pemegang amanah bebas iaitu melebihi kuota yang dibenarkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tanaman buluh Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tujuh orang pemegang amanah ini malah termasuk setiausaha politik Menteri sendiri. Sehubungan dengan itu, saya diberitahu Menteri menamatkan jawatan Ketua Pengarah Lembaga Ladang Malaysia (MPP) secara tiba-tiba tanpa memberi apa-apa alasan. Kontrak perkhidmatan beliau sepatutnya tamat pada 11 Februari tahun depan tetapi beliau diberhentikan pada 10 November pada minggu lepas.

Mengikut undang-undang, seseorang majikan tidak boleh menamatkan kontrak seseorang pegawai yang tidak melakukan apa-apa kesalahan dengan tiba-tiba. Perbuatan ini memang menyalahi undang-undang dan boleh dibawa ke mahkamah. Mengikut seksyen 19(1) dalam *Malaysia Paper Port Act*, Menteri boleh melantik...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat. Kerajaan PH telah memberhentikan ramai orang tanpa notis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Ketua Pengarah MPP tetapi ia tidak memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan kontrak perkhidmatannya tanpa apa-apa alasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mereka juga boleh dibawa ke mahkamah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya juga ingin ingatkan Menteri, Ketua Pengarah MPP ini adalah dipilih dan dilantik melalui proses temu duga dan juga pengiklanan oleh kementerian. Beliau adalah seorang tokoh korporat yang mempunyai banyak pengalaman dari segi pengurusan dan pemasaran di syarikat-syarikat besar sebelum beliau bersara. Menteri tidak boleh menghentikan pegawai yang pegang jawatan tinggi dengan tiba-tiba dan ikut suka hati. Negara kita tengah dilanda COVID-19, pemimpin kerajaan telah berkali-kali minta majikan jangan pecat pekerja dalam

tempoh ini. Akan tetapi sekarang Menteri yang menamatkan kontrak perkhidmatan pegawai satu agensi kerajaan tanpa alasan secara tiba-tiba.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar Kerajaan PH telah memecat seramai 30,000 orang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tindakan ini memang bercanggah dengan kenyataan pemimpin kerajaan kepada orang ramai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, tanpa minta kebenaran, kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tanpa kebenaran minta kacau,tidak patut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Walaupun Menteri adalah paling tidak patut dalam satu kementerian...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Tidak jelas]* Tutup jabatan. Jadi, ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat '*cakap tak serupa bikin!*' *[Tidak jelas]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau kacau.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...tetapi seseorang Menteri kena haruslah menjalankan tugas mengikut prosedur dan peraturan sesuatu agensi ataupun kementerian.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Di mana PH menghentikan ramai... Yang Berhormat tidak perjuang, hari ini Yang Berhormat kononnya menjadi *champion*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Khususnya berkenaan pelantikan anggota lembaga pengarah agensi dan pelantikan pemegang jawatan sebuah badan berkanun.

■1400

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP iaitu parti yang suka ambil kesempatan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Selain itu, Yang Berhormat Menteri juga harus menjalin hubungan yang erat dengan pihak industri komoditi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan parti yang memperjuangkan hak rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, jangan Yang Berhormat Arau. Biarkan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Di bawah MPIC dan mencari jalan untuk memajukan industri-industri berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Seputeh, jam telah tepat pukul 2 akan tetapi saya gunakan peruntukan Peraturan 12(3) untuk Yang Berhormat Seputeh sambung tiga minit 37 saat lagi. Teruskan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tolong tutup mikrofon Yang Berhormat Arau dan semua yang kacau saya itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *[Ketawa]* Sila, duduk Yang Berhormat Arau. Dia tidak bagi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, negara kita tengah dilanda gelombang COVID-19...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia suruh tutup mikrofon saya kenapa?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Yang ketiga dan kita mempunyai lebih sebanyak 800 kes baharu setiap hari sejak dua minggu yang lepas. Kebanyakan kes berlaku di Sabah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, esok saya berucap... *[Tidak jelas]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Seputeh, pemberhentian besar-besaran telah berlaku pada zaman PH, bukan sekarang. Kenapa dahulu tidak bangkit waktu jadi Yang Berhormat Menteri?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Gelombang COVID-19 yang ketiga ini, berpunca dari penjara dan pusat tahanan imigresen di Sabah, selepas itu penyebaran wabak COVID-19...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekarang ini sibuk bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Machang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Juga berlaku di penjara di banyak negeri di Malaysia...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Yang di-Pertua, hentikan gangguan. hentikan gangguan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya telah tegur dia, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Keadaan ini menunjukkan kesesakan di bilik dalam penjara kita memang sudah sampai tahap yang sangat serius...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, hentikan gangguan akan tetapi saya hendak mencelah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sehingga ia merupakan punca penyebaran wabak COVID-19.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat sedar bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, duduk Yang Berhormat Arau. Dia tidak bagi laluan Yang Berhormat Arau.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau tidak minta kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Pada waktu yang sama kita mendapati mahkamah kita hanya menunjukkan kecenderungan untuk menjatuhkan hukuman yang berat ke atas pesalah dan orang yang tertuduh walaupun yang tidak— yang membabitkan kesalahan yang serius.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak boleh? Akan tetapi saya hendak direkodkan bahawa PH yang banyak buang anggota-anggota kerajaan semasa mereka memerintah. Hari ini *depa* hendak jadi hero dalam keadaan pembohongan yang besar pada masa yang lepas.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Penularan COVID-19 ini Yang Berhormat Seputeh, berlaku pada zaman PH kerana pintu negara dibuka seluas-luasnya tanpa apa-apa tindakan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tolong jangan kacau. Jangan kacau...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Machang...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Seputeh, kita terpaksa tanggung hari ini Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Banyak negara di dunia ini telah menjalankan program reformasi dalam penjara dan juga program yang... *[Tidak jelas]* dengan jenis hukuman yang lain seperti khidmat... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Machang dan Yang Berhormat Arau tidak boleh mengganggu Yang Berhormat Seputeh untuk bercakap. Saya minta Yang Berhormat Seputeh teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Halau dia keluar dari Dewan ini. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang duduk di depan saya sekarang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Memang saya pun hendak keluar, serabut dengar Yang Berhormat Seputeh berucap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bahagian kehakiman, Pejabat Peguam Negara dan pihak penjara untuk membincangkan macam mana untuk *harmonization* hukuman dan juga meringankan hukuman pesalah kes kecil. Kita juga selalu lihat *double standard*. Kita lihat dari segi hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.

Jadi saya hendak minta dan cadangkan Yang Berhormat Menteri Undang-undang haruslah buat kajian ini supaya kita boleh mengurangkan jangkitan wabak COVID-19 di penjara dan juga kita boleh mencari jalan untuk macam mana membebaskan banduan yang telah lama duduk di dalam penjara sebagai salah satu langkah untuk juga mengurangkan kesesakan dan mengurangkan beban kewangan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai segala usaha yang dilakukan oleh pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara atas usaha mereka untuk menurunkan jangkitan wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, kita lihat wabak ini kelihatan mungkin ia akan berterusan dalam dua, tiga tahun yang akan datang. *So, we have to learn how to live with COVID-19*. Kerajaan telah mengenakan MCO, EMCO, CMCO sejak Mac hingga sekarang dan tindakan ini telah menjejaskan banyak *business* khususnya pengusaha *business* kecil, *shopping mall* dan sekolah semua terpaksa ditutup. Ramai orang bukan sahaja menghadapi masalah kewangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi apa yang serius ya ramai mula menghidapi penyakit mental macam Yang Berhormat Arau!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Semasa PH mula memerintah, apa pun tidak diambil tindakan. Mereka tidak ambil tindakan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa dia ada menghidapi penyakit mental yang selalu ganggu orang. [*Dewan riu*] Soalan sekarang ialah apakah CMCO hendaklah diteruskan selama-lamanya? Jadi, saya hendak menyeru...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya mahu dia tarik balik perkataan sakit mental. Tarik balik.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau jangan kacau. Duduk, duduk Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin menyeru kerajaan tubuhkan satu jawatankuasa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Seputeh tarik balik. *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. *Point of order* 36(6), ia sangkaan jahat. *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Untuk mendengar rayuan dan juga tentang pihak penguat kuasa yang melaksanakan tugas mereka ini melampaui, yang agak keterlaluan itu kepada jawatankuasa khas tersebut...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order*, dia kena tarik balik. Saya minta tarik balik perkataan sakit mental.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Oleh sebab ada banyak kes-kes yang kita baca dalam media dan juga media sosial itu yang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik perkataan sakit mental.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Mana kita rasa agak *innocent* tetapi mereka diambil tindakan. Saya hendak ambil contoh macam yang kita lihat dalam klip-klip video di mana...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta tarik balik perkataan sakit mental. Tuan Yang di-Pertua, tarik balik perkataan sakit mental.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Seputeh. Saya minta rumuskan, masa sudah tamat minta rumuskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan 36(6), *point of order*. Dia sebut perkataan sakit mental. Tarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak rumuskan saya ingin juga minta MKN mengkaji semula perintah yang hanya membenarkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang tak siuman sahaja sakit mental. Tarik balik perkataan itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hanya dua orang dalam satu kereta kerana perintah ini adalah amat tidak munasabah dan menyusahkan ramai orang. Misalnya suami isteri yang mempunyai anak yang kecil.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, dia kena tarik balik Tuan Yang di-Pertua, *unparliamentary*. Peraturan 36(6).

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mereka tidak sanggup meninggalkan anak-anak kecil mereka di dalam rumah bila mereka keluar beli makanan. Selain itu macam mana dengan orang sakit yang perlu dihantar ke hospital?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mulut macam mulut – Ya Allah Ya Tuhanku.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Macam mana dengan majikan yang perlu hantar pekerja ke tempat kerja?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mulut apa ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi perintah ini telah menyebabkan juga jalan raya di lembah Klang menjadi lebih penuh sesak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik *Madam!*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin menyeru MKN mengkaji semula dan melonggarkan segala syarat CMCO yang dilaksanakan sekarang supaya yang kesusahan rakyat ini boleh didengari oleh pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak— perkataan dia tidak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, masa telah tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Yang di-Pertua, sila suruh Yang Berhormat Arau pergi makan ubat. Dia lupa makan ubat pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kampar. Baik, terima kasih. Yang Berhormat Arau, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ini '*baghal- baghal*' politik yang tidak patut dihormati. 'Baghal'!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menangguhkan dewan pada hari ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada Ahli Yang Berhormat dan semua penganut beragama Hindu yang akan menyambut perayaan tersebut pada hari Sabtu 14 November 2020. "*Deepavali Nal Valthuka*". *[Dewan riuh]*

Saya juga ingin menasihatkan supaya Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan semasa menyambut perayaan ini bagi mengekang penularan COVID-19 ini. *[Disampuk]* Saya ada pantun ini Ahli Yang Berhormat. Dengar, dengar, dengar...

*Deepavali disambut sederhana,
Semua rakyat dan pemimpin patuhi SOP,
Jaga diri bersama keluarga,
Hari Isnin kita jumpa lagi.*

Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 16 November 2020. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.07 petang]